



## DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

### PENGGAL KELIMA

### MESYUARAT PERTAMA

---

**Shah Alam, 20 Mac 2012 ( Selasa )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

### **YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

Y.B. Tuan Ng Suee Lim

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar

Y.B. Tuan Lee Kim Sin

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei

Y.B. Tuan Lau Weng San

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam

Y.B. Puan Lee Ying Ha

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

Y.B. Puan Gan Pei Nei

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK.

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA.

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA.

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA.

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP.

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK.

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS.

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS.

Y.B. Tuan Yap Ee Wah

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK.

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN.

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK.

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS.

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Yap Lum Chin

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

**Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

**Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
Ketua Penolong Setiausaha**

**Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
Penolong Setiausaha**

**Puan Siti Salbiah bt. Masri  
Penolong Pegawai Tadbir**

**Encik Md. Saref bin Salleh  
Bentara**

**Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
Encik Redzuan bin Adam  
Penolong Bentara**

**Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
Pelapor Perbahasan**

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ke – 12 dimulakan dengan bacaan doa.

## I. DOA

**TUAN SPEAKER:** Salam sejahtera dan selamat datang kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Pertama Dewan yang mulia ini bagi Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ke – 12.

Saya ingin memaklumkan bahawa Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim, Ahli Dewan Negeri kawasan Kota Damansara tidak dapat menghadiri mesyuarat kali ini kerana menjalani pembedahan di Institut Jantung Negara. Permohonan cuti telah pun dikemukakan kepada saya dan saya telah meluluskan permohonan beliau. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Ahli Dewan Negeri kawasan Sijangkang di atas pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang baru. Seterusnya, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang, Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin, Ahli Dewan Negeri kawasan Bukit Gasing di atas kematian beliau. Jasa bakti mendiang sepanjang masa menjadi Ahli Dewan Negeri amatlah dihargai dan semoga roh mendiang sentiasa aman selalu. Dengan ini, saya memohon semua hadirin untuk bertafakur selama 1 minit. Terima kasih.

Tanpa melengahkan masa, sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini.

## II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan Mesyuarat Kedua, kertas-kertas mesyuarat yang dibentangkan di Dewan Negeri :-

- i. Kertas Mesyuarat Bil. 1 Tahun 2012
  - Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

- ii. Kertas Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2012
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT).
- ii. Kertas Mesyuarat Bil. 3 Tahun 2012
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPPADAT).

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menerima notis pindaan aturan urusan mesyuarat pada hari ini daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar menurut Peraturan 13 (1), Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Maka sekarang saya mempersilakan wakil Ahli Dewan Negeri yang diketuai oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor untuk menyampaikan ucapan takziah di atas kematian ahli Dewan Negeri kawasan Bukit Gasing iaitu mendiang Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin. Dipersilakan Y.A.B.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pada 20 Disember 2011, kita telah kehilangan seorang ahli Dewan iaitu mendiang Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin, Ahli Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan di kawasan Bukit Gasing. Beliau berusia 62 tahun. Ucap takziah kita ucapkan kepada keluarga mendiang dan semoga Puan Cristina Lee Yet Yong dan ketiga-tiga anak lelakinya dapat menghadapi pemergian beliau dengan tabah, cekal dan redha. Jasa baik mendiang sepanjang menjadi Ahli Dewan Negeri ini adalah tidak boleh dinilai walaupun tak sampai satu penggal. Saya mengingatkan ahli-ahli Dewan tentang pepatah Melayu, ‘harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama’. Ahli-ahli Dewan sudah tentu tersentuh dan merasakan kehilangan serta berkongsi kesedihan di atas pemergian ini. Semoga roh mendiang sentiasa aman dan damai. Walaupun tempoh beliau menjadi ahli Dewan ini singkat tetapi telah memperlihatkan kewibawaannya sebagai pembantu EXCO, Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar selain sebagai anggota Jawatankuasa Pilihan Khas, Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (SELCAT) dalam keadaan penyakit yang dihadapi iaitu kanser, beliau sentiasa datang untuk bertugas sehingga ke akhir hayat. Beliau juga terkenal dengan sikapnya sebagai pejuang hak kemanusiaan dan alam sekitar melalui kerja-kerja sukarelawan. Kerja kebajikan pertama beliau ialah bersama Malaysia Care pada tahun 1985 di mana beliau dianggap sebagai rakan, kawan dan guru kepada pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran. Ianya tidak berhenti di situ. Antaranya beliau dan rakan-rakan telah memperjuangkan pewartaan Bukit Gasing sebagai kawasan hijau

dan supaya ianya dapat berkekalan untuk generasi akan datang. Beliau juga menubuhkan *Resident Association*, Seksyen 5, Petaling Jaya dan menyandang Jawatankuasa Presidennya sehingga akhir hayat. Sikap dedikasi ini terhadap kepentingan manusia tidak mengganggu kariernya dalam sebagai eksekutif perkapalan yang diceburi pada tahun 1970. Saya boleh terus merakamkan aktiviti-aktiviti kemanusiaan yang telah beliau laksanakan tapi ianya akan mengambil masa panjang. Saya percaya mendiang Y.B. Tuan Edward Lee tidak mungkin mahu ianya diagung-agungkan kerana bagi beliau keperluan dan kehendak rakyat perlu diperhatikan dan diberi perhatian yang serius. Saya juga ingin mengungkap pantun Melayu lama, mengingatkan kita.

Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga,  
Hancur badan di kandung tanah,  
Budi yang baik dikenang juga.  
Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Seterusnya saya mempersilakan Ahli Dewan Negeri yang ingin menyampaikan ucapan takziah.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER:** Ya, Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tuan Speaker, saya mewakili Kelab Penyokong Kerajaan Negeri Selangor dan ADUN-ADUN Pakatan Rakyat yang hadir di dalam Dewan ini mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Y.B. Tuan Edward Lee, ADUN Bukit Gasing. Saya difahamkan anak beliau, Simon Lee hadir di dalam Dewan ini pada pagi ini. Sememangnya tiada ucapan penghormatan atau pujian yang setimpal dengan jasa beliau terhadap rakyat di negeri Selangor. Y.B. Tuan Edward Lee merupakan seorang wakil rakyat, bukan sekadar nama tetapi beliau betul-betul berjiwa rakyat walaupun beliau sakit dan telah dinasihatkan oleh doktor untuk berehat, namun beliau tetap bekerja menghadiri sidang Dewan dan mesyuarat, menjawab e-mail daripada rakyat dan saya difahamkan beliau masih berhubung dengan Y.A.B. Menteri Besar mengenai isu pajakan tanah di daerah Petaling walaupun di dalam keadaan yang tenat. Antara tiga (3) isu yang paling dekat dengan hati beliau ialah :-

1. Memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan supaya pentadbiran kerajaan lebih telus, cekap dan *accountable*. Beliau juga sering menyuarakan betapa

pentingnya kuota 30% untuk NGO dalam pemilihan Ahli Majlis dikekalkan sehingga pemilihan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

2. Pembangunan mampan mesti diberikan keutamaan dalam perancangan bandar dan jika boleh satu moratorium jangka pendek dilaksanakan bagi pembangunan densiti tinggi supaya infrastruktur yang memadai boleh dilaksanakan. Penglibatan daripada pihak berkepentingan ataupun *engagement of stakeholders* juga mesti diteruskan oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.
3. Isu pembaharuan pajakan tanah di daerah Petaling merupakan projek terakhir yang beliau sempat usahakan sebelum meninggal dunia. Mendiang Edward juga merupakan pengasas *All Petaling Jaya Residents Association Collision* ataupun dikenali sebagai APAC. Beliau juga telah banyak menyumbang kepada Jawatankuasa SELCAT dan sektor pelancongan Selangor.

Tuan Speaker, kami telah kehilangan seorang wakil rakyat, rakan seperjuangan dan dengan izin *Fatherly Figure* dengan pemergian Yang Berhormat Edward Lee. Walaupun kita menganggap ini satu kematian yang pra matang atau *pre matured death* dengan izin dalam mata kita, namun ada pepatah mengatakan jika hidup anda diberikan dalam perkhidmatan kepada orang lain, kematian anda tidak akan menjadi sia-sia. Sewaktu upacara pengebumian beliau, apabila saya melihat baju istiadat No. 1 Dress yang dipakai oleh beliau, saya berfikir bukan senang untuk menghabiskan hari-hari terakhir kita dalam keadaan yang tenat untuk berkhidmat demi rakyat. Bukan semua mampu melaksanakannya, tetapi mendiang Edward Lee telah berjuang hingga ke akhir hayatnya untuk rakyat demi rakyat. Semoga keluarga beliau tabah menghadapi masa depan tanpa bimbingan dan kehadiran beliau dan semoga kami semua kelak penyokong kerajaan meneruskan perjuangan beliau dalam mentadbir negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Silakan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Burong bagi pihak wakil-wakil rakyat Barisan Nasional ingin mengambil kesempatan ini juga ingin merakamkan ucapan takziah kepada mendiang yang telah kembali meninggalkan kita semua. Kami sebagai rakan-rakan wakil rakyat selama ini ingin menyampaikan setinggi penghargaan kepada mendiang yang telah wakili rakyat dan telah memberikan sumbangan besar. Saya yakin dan percaya kepada rakyat negeri Selangor ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini ingin merakamkan takziah kepada waris mendiang yang telah kehilangan, bukan sahaja seorang pemimpin wakil rakyat di negeri Selangor ini, juga seorang suami yang tersayang yang merupakan

sebahagian daripada keluarga mendiang. Kami mendoakan agar waris beliau akan sentiasa tabah dan terus akan berikan ingatan dan kasih sayang ke atas keluarga mendiang bagi memperingati jasa-jasa yang telah diberikan oleh beliau sebagai wakil rakyat juga dan sebagai seorang suami. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan bagi pihak seluruh rakyat di Selangor ini bahawa tugas sebagai wakil rakyat akan terus diberikan perhatian dan juga ingatan di atas jasa-jasa yang telah diberikan oleh beliau. Semoga beliau bersemadi dalam keadaan ketenangan dan keheningan. Sekian ucapan saya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baik, sekarang mesyuarat diteruskan dengan agenda seterusnya, silakan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

### **III. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat sekalian, oleh kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dikehendaki menghadiri satu majlis perasmian untuk mengiringi Duli Yang Maha Tuanku, maka semua soalan yang ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar akan dijawab pada hari esok.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya kemukakan soalan No.2.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (BUKIT ANTARABANGSA)**

#### **TAJUK: SELANGOR AUTOMOTIVE BELT**

2. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah cadangan kerajaan bagi kawasan fokus seperti *Selangor Automotive Belt* supaya dapat membantu pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun 2012 ?

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih, Tuan speaker. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tanya apakah cadangan kerajaan bagi kawasan fokus seperti *Selangor Automotive Belt* supaya dapat membantu pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun 2012.

Untuk makluman Yang Berhormat, Aktiviti ekonomi utama di Daerah Hulu Selangor ialah perindustrian. Aktiviti ini tertumpu di Sungai Choh, Bandar Baru Batang Kali, kawasan Perindustrian Hulu Yam, Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Kundang, Batang Kali, Kerling, Serendah, Pusat Perindustrian Zurah, Mukim Rasa.

Hasil dari pertumbuhan sektor perindustrian menyebabkan beberapa kawasan mengalami pembangunan komersial yang memberangsangkan seperti Ulu Bernam, Kalumpang, Batang Kali, Serendah, Ulu Yam, Kerling Sungai Choh.

Pembangunan daerah Hulu Selangor memberi penekanan pada pembangunan fizikal daerah di mana sektor perindustrian, perkhidmatan dan projek berskala besar diberi tumpuan. Antara kawasan yang terlibat ialah:

- i. Lingkaran Pembangunan Hulu Selangor – Tanjung Malim – Slim River telah dikenal pasti sebagai zon pembangunan campuran dan industri. Tumpuan pembangunan adalah di Kalumpang, Batang Kali, Ulu Yam Baru, Kerling dan Sungai Choh.
- ii. Pembangunan ini menyebabkan berlaku transformasi pembangunan guna tanah yang beralih daripada pertanian kepada perbandaran. Wujud beberapa pusat pertumbuhan baru seperti :
  - Bandar Baru Bukit Beruntung – Bukit Sentosa
  - Bandar Baru Lembah Beringin
  - Bandar Baru Sungai Buaya
  -

Bandar Kuala Kubu Bharu yang terletak di Koridor Serendah Batang Kali – Kuala Kubu Bharu – Tanjung Malim menjadi pusat daerah, Batang Kali dan Ulu Yam Baru menjadi pusat perkhidmatan utama. Selain itu, perumahan juga akan wujud di sekitar koridor ini.

- Kerajaan negeri menggunakan beberapa pendekatan dalam membangunkan daerah Hulu Selangor seperti
  - i. Corak pembangunan berpusat iaitu memberi penekanan pada pembangunan dalam dan sekitar kawasan pusat pertumbuhan bagi menggalakkan pembangunan yang cepat dan bersepadu di samping menggalakkan pembangunan beberapa pusat pertumbuhan baru.
  - ii. Meningkatkan kelengkapan infrastruktur di semua kawasan khususnya kawasan pembangunan industri.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kawasan Serendah, Hulu Selangor telah dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai *Selangor Automotive Belt*. Kebanyakan syarikat-syarikat pembuatan barang peralatan

kenderaan beroperasi di Serendah dan sekitar Hulu Selangor yang merupakan vendor kepada Perodua, Nissan dan Proton. Selain itu ia juga merupakan pelengkap kepada Proton City di Tanjung Malim.

Kerajaan negeri Selangor melalui SSIC Berhad sedang giat mempromosikan kawasan-kawasan industri yang masih ada di kawasan tersebut kepada pelabur-pelabur yang berpotensi.

Selain itu, kerajaan negeri juga turut meluluskan pemberiman tanah secara pajakan kepada Syarikat Tan Chong Motor untuk mereka membuat penambahan pelaburan dan pembesaran kilang mereka dan menjadikan kilang di Serendah sebagai kilang utama bagi pemasangan kenderaan jenis Nissan.

Bagi menggalakkan pertumbuhan sektor perindustrian, infrastruktur kawasan-kawasan industri sentiasa dipertingkatkan agar para pelabur berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Speaker.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Ya, sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat EXCO. Saya meneliti jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi dan saya ingin merujuk kepada ucapan penggulungan Yang Berhormat dalam sesi dewan yang lalu. Di mana Yang Berhormat telah menyatakan di dalam dewan ini bahawa SSIC Berhad telah menetapkan sasaran pelaburan perindustrian sebanyak RM8 bilion setahun dan untuk mencapai maksud ini kerajaan negeri telah pun mengenal pasti beberapa strategi untuk memastikan sektor perindustrian terus berkembang sebagai penyumbang utama KDNK negeri Selangor dan di antara strategi utama yang telah dikenal pasti ialah memberikan fokus kepada kawasan pertumbuhan yang telah dinyatakan tadi iaitu *Selangor Automotive Belt*. Saya percaya industri seperti ini memerlukan satu usaha yang berterusan untuk menjana kemajuan teknologi dan penyelidikan bagi mempertingkatkan daya saing sektor pengeluaran. Maka persoalan yang ingin saya bangkitkan pada pagi ialah bagaimana *Selangor Automotive Belt* ini dapat membantu meningkatkan industri kejuruteraan khususnya dalam industri automatik negara dan apakah langkah-langkah yang lebih proaktif untuk mempromosikan *Selangor Automotive Belt* bagi mendapat perhatian pelabur dalam dan juga luar negara. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita lihat jumlah pelaburan di dalam bidang *Transport Equipment*, kalau ini adalah statistik daripada MIDA. Pada tahun lepas jumlah pelaburan dalam kelengkapan pengangkutan ialah sebanyak RM2.027 bilion. Iaitu

sektor yang memberi sumbangan yang paling tinggi dari segi pelaburan perindustrian di negeri Selangor dan dalam tahun kebelakangan ini kita juga telah banyak membantu Tan Chong Motor untuk memperkembangkan, membesarakan lagi kilangnya dan pertambahan pelaburannya dijangka menjangkau RM495 juta dan, jadi syarikat ini dijangka akan berkembang lagi pada tahun ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, macam manakah sektor *Automotive Belt*. Automotif boleh menyumbang kepada perkembangan kejuruteraan. Kita lihat yang kesemua syarikat ini bila mereka bertumpu dalam itu kawasan Hulu Selangor dan ia berkembang semestinya memerlukan lebih jurutera, lebih *engineer* dalam *mechanical engineer* dan kesemua ini akan menggalakkan pemuda-pemuda kita untuk memilih kursus ini dan juga menggalakkan kolej dan universiti di Malaysia ini untuk memberi lebih khusus lebih tumpuan kepada bidang kejuruteraan mekanikal dan juga *transport*. Jadi kesemua ini akan secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan dalam bidang kejuruteraan di negara kita ini. Sebenarnya peranan yang dimainkan oleh kerajaan negeri memang tidak banyak. Apa yang boleh kita membantu ialah kita *facilitate* pelabur yang ingin melabur dalam bidang automotif ini dan yang isu yang lain berkaitan dengan khusus dan sebagainya ini adalah di dalam kuasa kerajaan pusat.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Silakan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Soalan tambahan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO, cuma saya ingin sedikit penjelasan pertamanya saya ucapkan terima kasihlah kepada EXCO kerana menggunakan perkataan transformasi. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya berapa ramaikah pekerja asing berbanding pekerja tempatan untuk program *automotive belt* di dalam kawasan yang disebut tadi. Yang kedua, adakah cadangan kerajaan Selangor untuk membuat penempatan khas bagi pekerja-pekerja asing supaya mereka di satu tempatkan di dalam setiap kawasan yang mereka bertugas supaya tidak ada gejala-gejala yang tidak sihat berlaku di dalam penempatan mereka, kerana di kawasan saya itu di kawasan Bukit Beruntung khasnya kita banyak kilang, rumah-rumah kosong. Mungkin kerajaan negeri boleh fikirkan supaya setiap pekerja asing di kilang-kilang automotif ini dapat kita tempatkan. Apakah, adakah rancangan kerajaan negeri ke arah itu. Terima kasih, Speaker.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tak sangka yang perkataan transformasi ini nampaknya dijadikan hak milik Barisan Nasional. Bagi kami, kami tidak melihat macam ini. Untuk makluman Yang Berhormat masalah yang dihadapi oleh syarikat dan juga kilang di Hulu Selangor termasuk juga kilang kelengkapan pengangkutan seperti syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi masalah utama mereka juga adalah masalah pekerja, kerana mereka bila saya melawat

kilang mereka, mereka kata memang berminat untuk dapat pekerja tempatan khususnya mereka yang duduk di kawasan Hulu Selangor, tapi memang susah bagi mereka untuk dapat pekerja di sekitar tempat di penempatan itu yang boleh kekal bekerja dengan kilang mereka dan mereka terpaksa ambil pekerja asing dan memang ini saya rasa yang rumah-rumah yang terbiar di sekitar Hulu Selangor khususnya Bukit Beruntung banyak juga dijadikan sebagai asrama, hotel bagi pekerja asing tersebut. Jadi, sekiranya kita dapat lihat yang jumlah projek bagi Hulu Selangor pada tahun yang lepas ialah dari segi perindustrian ialah 6 dan pekerja yang dijangka pertambahannya adalah 676 pekerja.

Jadi memang merupakan hasrat kerajaan negeri dan juga kerajaan pusat untuk menggalakkan syarikat-syarikat perkilangan seperti ini untuk menggaji pekerja tempatan tapi bila mereka tak dapat berbuat demikian, kami hanya boleh membantu mereka untuk mendapatkan pekerja asing yang mana ini memang satu perkara yang sangat rumit bagi para pelabur perindustrian di negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer. Tidak hadir.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan no. 5.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Soalan No. 6. Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER:** Soalan Dato' Menteri Besar, ya.. Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker, soalan no. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN YAP EE WAH**  
**(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: KERAJAAN NEGERI TELAH MELANCARKAN TAHUN MELAWAT SELANGOR DENGAN TEMA SELANGOR SIHNES SEBELUMINI.**

7. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Program Selangor *Shines* berjaya?
- b) Berapakah bilangan pelancong yang datang ke Selangor?
- c) Adakah pembinaan banyak hotel bujet baru menyumbang program Selangor *Shines*?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker. Program Selangor *Shines* yang dilancarkan telah berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai. Memandangkan program ini merupakan program kempen yang berterusan sejak tahun 2010 lagi, program ini telah dilihat memberikan kesan positif terhadap peningkatan kedatangan pelancong-pelancong ke negeri Selangor. Malah, secara tidak langsung ia turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri Selangor khususnya dalam subsektor perkhidmatan atau pun services. Oleh sebab sambutan yang sangat menggalakkan Program Selangor *Shines* masih diteruskan sehingga ke hari ini.

Terdapat peningkatan yang sangat memberangsangkan berkaitan dengan jumlah kedatangan pelancong-pelancong ke negeri Selangor bagi tempoh dua tahun yang lalu. Perbandingan bilangan pelancong yang datang ke Selangor bagi tahun 2010 dan juga 2011 adalah seperti berikut:-

Pada tahun 2010 jumlah pelancong yang datang ke negeri Selangor adalah 5.83 juta dan untuk tahun 2011 kita telah mencecah satu rekod baru iaitu 6.04 juta. Jumlah pelancong-pelancong yang sampai ke negeri Selangor untuk tahun 2010 dan 11 adalah 11.87 juta.

Soalan tentang pembinaan hotel bujet baru adakah ianya menyumbang program Selangor *Shines*? Sebenarnya bagi Standco Pelancongan dan Tourism Selangor kita tidak ada kaitan tentang pembangunan atau pun pembinaaan apa juu hotel. Tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa penambahan hotel-hotel bujet satu bintang sampai enam bintang di negeri Selangor adalah sangat menggalakkan. Dalam hal ini pertambahan bilik-bilik hotel merupakan satu bonus kepada perkembangan dan pembangunan industri pelancongan di negeri ini terutamanya daripada aspek kepelbagaiannya pilihan penginapan kepada para pelancong. Justeru itu, Selangor *Shines* dan juga sektor hotel memberikan sumbangan timbal balik antara satu sama lain. Kedua-duanya saling menyokong khususnya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelancong.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Y.B. Bukit Lanjan bagi pihak kerajaan negeri kerana berjaya menarik ramai pelancong seramai 11.87 juta untuk program *Selangor Shines* ini. Memandangkan mutakhir ini DUN Sekinchan telah muncul sebagai salah satu destinasi baru ekopelancongan yang menjadi tumpuan ramai pelancong domestik dan luar khususnya pada hari-hari kelepasan am, cuti sekolah, hujung minggu, maka dengan itu saya ingin bertanya soalan tambahan saya, apakah perancangan, apakah perancangan kerajaan negeri untuk membantu memajukan sektor industri pelancongan di Sabak Bernam dan DUN Sekinchan, supaya Sekinchan juga akan jadi satu kawasan bukan sahaja menjadi Selangor *Shines*, Sekinchan juga *shines*, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Saya ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa ADUN Sekinchan merupakan ADUN yang amat giat dalam bidang pelancongan, mempromosikan pelancongan di kawasan DUNnya dan saya harap semua ADN-ADN juga mengambil perhatian dan mengambil contoh seperti itu. Untuk rancangan, rancangan pelancongan, pembangunan pelancongan khasnya di daerah Sabak Bernam untuk tahun 2012, kita telah memperuntukkan satu peruntukan khas kepada daerah Sabak Bernam yang akan disalurkan melalui Majlis Daerah Sabak Bernam untuk menaik taraf dan juga membaiki beberapa tapak-tapak pelancongan, pada masa yang sama kita juga telah memutuskan untuk menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti dan juga aktiviti mempromosikan Sabak Bernam khasnya di DUN Sekinchan. Jadi sebagai contohnya dalam Mesyuarat *Standco Pelancongan* dan juga *Retreat Pelancongan*, *Standco Pelancongan* yang baru diadakan pada awal tahun ini, kita telah mengesyorkan beberapa peruntukan khas seperti untuk menaik taraf pusat pemerhatian burung di Sungai Beruntung. Cadangan untuk menaik taraf gelanggang gasing pangkah supaya kita juga mempromosikan aktiviti-aktiviti kebudayaan di Pekan Sungai Air Tawar. Kita juga ada rancangan untuk mengindahkan hasil di Sekinchan supaya kita boleh menjanakan satu program khas tahun iaitu Bulan Melawat Sekinchan untuk 2012. Dalam masa yang sama juga kita ingin mengambil kesempatan untuk maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa untuk tahun ini kita telah memperuntukkan satu peruntukan khas untuk empat daerah tumpuan termasuk Sabak Bernam, dan juga Kuala Langat, Kuala Selangor dan juga Hulu Langat. Jadi untuk tahun ini kita ingin mempromosikan dan dalam masa yang sama kita menggunakan kesempatan ini untuk menaik taraf, membaiki dan juga membangunkan beberapa produk-produk pelancongan di empat daerah ini.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik hati dengan jawapan peningkatan pelancong ke negeri Selangor dan saya ingin maklumkan atau soalan tambahan saya di manakah pelancong-pelancong ini pergi ke negeri Selangor, mana tempat yang dia lawat, dan saya difahamkan bahawa *homestay* di negeri Selangor ini menurut yang saya difahamkan pelancong-pelancong dari luar negara memang sudah merosot sejak kebelakangan ini termasuk juga suasana kemudahan asas pembangunan di *homestay* di negeri Selangor jarang-jarang dibantu oleh kerajaan negeri, adakah ini benar, jika benar apakah langkah kerajaan negeri untuk membawa peruntukan dan begitu juga pelancong-pelancong dari luar negara ke *homestay*. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang soalan Yang Berhormat ke mana pelancong-pelancong pergi di negeri Selangor. Masa ini maaflah Tuan Speaker, Dato' Speaker, saya tiada data tersebut tetapi secara amnya mereka memang suka pergi ke beberapa tapak seperti Sunway Lagoon, itu kalau kita tengok tiket *sales* dan sebagainya memang ada banyak orang pergi. ICT juga adalah juga satu produk di mana pelancong-pelancong suka pergi ke sana termasuk juga pelancong dari dalam negeri dan luar negeri. Dalam masa yang sama juga pelancong-pelancong dari luar negara. Tapak-tapak yang lain adalah seperti Bagan Lalang, Sepang Golden Farm atau pun Gold Coast ada juga pelancong-pelancong yang datang khasnya untuk *shopping*, ada yang pergi ke kawasan FRIM, *nature* dan sebagainya. Jadi memang kerana negeri Selangor ada lebih 200 tapak pelancongan yang memang bagus banyak orang tahu, jadi apa yang kita buat adalah untuk mempromosikan atau pun fokuskan aktiviti mempromosikan kepada sepuluh *ten* dengan izin *ten special product* yang hanya didapati di negeri Selangor. So, seperti Masjid Negeri Shah Alam, ICT, Sunway Lagoon, FRIM, Hutan Lipur Kanching, Congkak, Gloden Farm, Batu Caves dan sebagainya. Jadi kita khususkan aktiviti promosi tapak-tapak tersebut. Tentang isu *homestay*, saya ingin maklum kepada Yang Berhormat bahawa Stanco Pelancongan dan juga Tourism Selangor apa yang kita telah buat adalah mempromosikan *homestay* tersebut. Untuk isu pembangunan, naik taraf atau pemberian itu adalah sebenarnya di bawah Standco Pertanian, di bawah *agro-tourism*. Jadi memang saya juga telah bincang dengan Yang Berhormat daripada Kota Anggerik bahawa sepatutnya *agro-tourism* kalau boleh kita uruskan daripada Standco Pelancongan, tetapi sehingga ini memang isu-isu berkaitan *homestay* adalah di bawah Yang Berhormat Kota Anggerik.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Hulu Klang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan No. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KLANG)**

**TAJUK : PUSAT PEMINDAHAN SISA PEPEJAL DI BAWAH WORLDWIDE HOLDING BERHAD**

5. Merujuk laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 muka surat 153.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status semasa Pusat Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21 Shah Alam?
- b) Berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh Worldwide Holdings Berhad sepanjang tempoh pusat tersebut tidak beroperasi?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan operasi pusat tersebut dapat berjalan lancar dan terus berdaya saing?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan Hulu Klang adalah mengenai Pusat Pemindahan Sisa Pepejal di bawah Worldwide Holdings Berhad atau pun lebih dikenali sebagai *transfer station*. Tapak Pemindahan Sisa Pepejal (SATS) di Seksyen 21 Shah Alam telah mula beroperasi pada 10 Januari tahun ini dari pukul 8.00 pagi sehingga 9.00 malam dengan hanya menerima sisa pepejal dari Majlis Bandar Raya Shah Alam sebanyak 400 tan sehari. Walau bagaimanapun, pada bulan Mac tahun ini juga tapak SATS telah mula menerima sisa pepejal dari (MPSJ) dan juga MBPJ dengan purata sebanyak 100 tan maaf, 1000 tan sehingga 1100 tan sehari. Semula sisa pepejal di SATS ini akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Jeram.

Tuan Speaker, Pihak Worldwide Holdings Berhad terpaksa menanggung kos sebanyak RM800,000 sebelum tapak SATS di Seksyen 21 ini mula beroperasi pada 10hb Januari. Kos yang ditanggung ini adalah meliputi seperti membayar bil utiliti, kemudahan keselamatan dan kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan yang digunakan.

Kerajaan negeri sentiasa mencari pelbagai langkah terbaik dalam memastikan supaya tapak SATS di Seksyen 21 ini dapat berjalan dengan lancar dan terus berdaya saing. Antara langkah yang telah diambil adalah dengan meningkatkan lagi kadar penerimaan sisa pepejal agar dapat memudahkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menjalankan kerja-kerja kutipan sampah. Untuk makluman, permintaan penghantaran sisa pepejal daripada tiga (3) PBT terlibat iaitu MBSA, MBPJ dan MPSJ bertambah secara mendadak sehingga melebihi kapasiti SATS. Worldwide dalam perancangan untuk menambah bilangan kenderaan operasi untuk menampung jumlah sampah yang meningkat ini.

Tuan Speaker, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini ialah dengan ada SATS di Shah Alam, kerana jarak telah dipendekkan *compactor* hari ini bagi, saya bagi contoh *compactor* di Shah Alam dapat menambah trip sehingga 2 trip sehari. Pada zaman yang dahulu tanpa ada SATS *compactor* hanya dapat membuat trip satu setengah sehari. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Selangor.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker. Terima kasih jawapan Yang Berhormat EXCO. Hulu Klang difahamkan bahawa projek ini adalah projek yang mendapat pinjaman dan dana dari pusat. Jadi persoalannya siapakah yang mempunyai dengan izin *ownerships* projek ini dan kepada siapakah Worldwide bertanggungjawab adakah kepada kerajaan pusat ataupun MBI melalui kerajaan negeri.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Hulu Klang. Memang benar dana untuk membina SATS di Shah Alam itu adalah datang dari Kerajaan Pusat dan selepas pembinaan ia tidak beroperasi dan lepas itu satu surat telah hantar ke Negeri Selangor kepada Worldwide untuk meminta Worldwide untuk menjaga operasinya. Jadi sekarang ini tanah itu adalah tanah kerajaan tetapi Pusat itu adalah tanah yang membina dari Kerajaan Pusat dan *management* ataupun pengurusan sekarang adalah di bawah Worldwide itu caranya. Jadi semua PBT yang hantar, hantar sisa pepejal SATS itu kena membayar *tipping fees* kepada Worldwide, itu caranya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Speaker soalan nombor 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

## **TAJUK: PERTANIAN KOMERSIAL**

9. Terdapat beberapa inisiatif pertanian atau tanaman komersial baru peringkat Persekutuan seperti tanaman kenaf dan sebagainya bagi meningkatkan pendapatan petani.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk memajukan apa-apa tanaman komersial baru di Selangor?
- (b) Apakah fokus pertanian Selangor 2012 yang boleh meningkatkan pendapatan petani/pekebun?

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, bagi menjawab soalan daripada Sungai Air Tawar yang konsisten untuk bertanya soal-soal pertanian. kerajaan negeri dari masa ke semasa bersedia untuk memajukan tanaman-tanaman tertentu yang jelas terbukti dapat memberikan pulangan yang optimum dari pengusaha-pengusaha. Kajian-kajian untuk tanaman baru ini biasanya dibuat oleh MARDI ataupun universiti-universiti. Antara contoh kajian-kajian dibuat ialah seperti Kenaf, Mujarak, yang saya sebut tadi mana-mana kajian yang telah terbukti boleh dikomersialkan. Kerajaan negeri tiada halangan untuk memajukannya.

Persoalan kedua, fokus kerajaan negeri pada tahun 2012 untuk meningkat pengeluaran dalam makanan khususnya, terutamanya padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Di samping itu kerajaan negeri juga memberikan fokus terhadap amalan pertanian baik yang mensasarkan hasil pertanian yang segar, berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna. Selain itu, fokus juga diberikan terhadap peningkatan produk-produk industri asas tani nilai tambah serta amalan pengilangan baik.

Dan seterusnya fokus kita ialah untuk memodenkan beberapa sektor pertanian *natural farming* nampaknya berjaya untuk meningkatkan pendapatan petani khususnya padi dan sayur-sayuran dengan mengurangkan kos input yang dikeluarkan oleh petani. Sekian.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Speaker, terima kepada Y.B. EXCO. Kalau tidak ada tanaman komersil yang dimajukan di peringkat negeri, apakah mungkin jenis tanaman-tanaman tertentu di peringkat negeri yang boleh meningkatkan peningkatan secara optimum kepada petani dan pekebun. Yang kedua; fokus meningkatkan pendapatan petani dan pekebun, bolehkah Yang Berhormat

jelaskan setakat ini berapa peratusan peningkatan hasil padi, sayur-sayuran dan buah-buahan seperti mana yang disebutkan tadi secara keseluruhan yang diperolehi oleh petani dan pekebun. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, untuk mengoptimumkan pendapatan, kaedah memodenkan cara pertanian digunakan seperti untuk penghasilan buah-buahan menerusi kaedah di mana kawasan yang kecil dan pendapatan yang lebih moden. Adapun teknik-teknik yang lebih moden yang digunakan. Dalam hal ini PKPS telah menunjuk contoh bagaimana kawasan penternakan ayam umpamanya secara moden dapat meningkatkan pendapatan. Kemudiannya bagi soalan yang berkaitan dengan padi, soalan-soalan yang berkaitan itu akan dijawab kemudian.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Apakah sekatan atau masalah utama yang menghalang bagi peningkatan pertanian komersil tanah, modal, tenaga pekerja atau pemasaran.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Bagi syarikat-syarikat besar yang ingin melabur di negeri Selangor untuk memodenkan pertanian, kekangan yang dihadapi adalah masalah tanah sebab 80 peratus daripada negeri Selangor adalah kawasan industri dan perkhidmatan. Bagi petani-petani kecil, biasanya penggunaan teknologi, pengupayaan teknologi mereka hadapi, juga modal-modal yang besar untuk memodenkan pertanian.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Tuan Speaker, soalan nombor 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD**  
**(SERI SETIA)**

**TAJUK: SIASATAN KESALAHAN ALAM SEKITAR**

11. Jabatan Alam Sekitar sering memulakan Kertas Siasatan terhadap pelbagai kesalahan alam sekitar.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- (a) Berapa banyakkah sudah dibawa ke mahkamah dan berapakah kadar kejayaan pendakwaan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Bilangan kes-kes pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi tempoh lima (5) tahun lepas iaitu dari tahun 2007 sehingga 2011 adalah berikut:

Kes/Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
Kes yang disebut dan dibicarakan (selesai)	130	188	126	305	194
Kes yang mendapat sabitan dengan izin <i>convicted</i>	81	77	79	123	95
Kes AND*	35	76	14	69	42
Kes DNAA*	14	35	33	113	57

\* AND dengan izin *Acquitted And Discharged*

\* DNAA dengan izin *Discharged Not Amounting To An Acquittal*

Jadi jumlah kes, saya juga ingin memberi maklumat tambahan jumlah kes pendakwaan yang selesai mengikut kesalahan bagi tahun 2011 iaitu tahun lepas adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Kesalahan Di Bawah AKAS 1974	Jumlah Kes	Jumlah Denda Yang Didapati (RM)
1.	Sekatan Mengenai Pencemaran Perairan Daratan di bawah [Seksyen	28	RM 609,000.00

	25(1)]		
2.	Larangan terhadap penempatan, peletakan dan sebagainya buangan terjadual iaitu <i>judge waves</i> [Seksyen 34B (1)]	7	RM 118,000.00
3.	Sekatan mengenai pencemaran udara [Seksyen 22(1)]	118	RM 94,700.00
4.	Larangan atas pembakaran terbuka [Seksyen 29A]	13	RM 93,000.00
5.	Premis yang ditetapkan yang perlu di lesen [Seksyen 18(1)]	2	RM 46,000.00
6.	Pemegang lesen tidak mematuhi syarat-syarat lesen [Seksyen 16(1)]	3	RM 43,000.00
7.	Perlanggaran Notis Arahan [Seksyen 31(1)]	6	RM 42,000.00
8.	Lain-lain Peraturan yang terdapat dalam perlanggaran		RM
<b>JUMLAH</b>		<b>194</b>	<b>RM 1,122,200.00</b>

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Alam Sekitar di atas kejayaan tersebut tetapi mengapa Seri Setia difahamkan ada kes-kes yang mendapat status tidak mendapat izin mendakwa. Boleh Yang Berhormat EXCO jelaskan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang dalam semua kes-kes yang dapat satu kategori *no further action NA* ataupun tidak mendapat izin mendakwa. Antara sebab-sebabnya yang saya dimaklumkan adalah, biasanya:

- (i) Keterangan itu tidak lengkap ataupun tidak mencukupi.
- (ii) Bukti-bukti tidak lengkap ataupun tidak mencukupi.
- (iii) Orang kena siasat hilang. Jadi kadangkala memang hilang tak tau pergi ke mana.
- (iv) Terdapat juga perlanggaran kes-kes yang amat *marginal* ataupun amat sedikit perlanggarannya. Jadi satu amaran akan diberi dan kes ini tidak akan masuk ke mahkamah.
- (v) Kadang-kadang juga analisa laporan kimia yang dikeluarkan tidak lengkap ataupun tidak cukup kuat untuk dengan izin *the stand, with stand to in court*.

Ada juga beberapa kes-kes yang kita dapati perlanggaran di negeri Selangor di mana kes walaupun kes tersebut sudah difailkan oleh jabatan di peringkat negeri tetapi kes ini di gugur ataupun ditarik balik atas arahan Tan Sri Peguam Negara atas sebab-sebab yang memang tidak dimaklumkan kepada kita. Oleh sebab itu, pada awal tahun ini 2012 bulan Januari, Ketua Hakim, Yang Amat Arif telah keluarkan satu kenyataan media di mana beliau menyokong satu penubuhan dengan izin *environmental court* di mana kita dari kerajaan negeri juga menyokong *environmental court* dengan izin kerana memang terdapat banyak kes-kes. Kes-kes ini kadang-kadang kita terpaksa tunggu tiga (3) hingga empat (4) tahun sebelum boleh muncul di mahkamah ataupun kes tersebut selesai. Ada kes-kes di mana pembakaran terbuka *strait forward case, cut and dry, black and white* dan sebagainya. Tetapi kita terpaksa tunggu empat, lima tahun pada masa itu pengusaha ataupun orang yang melanggar syarat-syarat ataupun undang-undang itu mereka dibiarkan untuk buat sesuka hati. Jadi dengan adanya *Environmental court* dengan izin kita harap kes-kes ini boleh diselesaikan dengan cepat khusus untuk isu-isu alam sekitar.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Tuan speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Yang Berhormat EXCO, saya terima penjelasan tadi, tetapi satu kategori tentang kes-kes kertas siasatan yang tidak dapat izin mendakwa bahawa kes digugurkan dan ditarik balik di atas arahan Peguam Negara tanpa sebarang alasan yang diberikan. Adakah kerajaan negeri boleh diberi pendirian kerana itu bukannya rasa satu sebab yang baik untuk kes tersebut tidak diteruskan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, saya rasa ini, soalan ini adalah berkaitan dengan biro kreatif, Peguam Negara, jadi tidak dapat kerajaan menjawabnya. Ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Yang Berhormat Penasihat Undang-undang, ya..... tak perlu jawab. Sebab ini biro kreatif Peguam Negara.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Baik Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya berkenaan bagaimanakah sistem pemantauan di pihak kerajaan khasnya dalam Jabatan Alam Sekitar dalam mengatasi masalah pencemaran seperti di bengkel-bengkel, kilang-kilang dan juga tapak pelupusan sampah yang haram seperti yang pernah saya sendiri bersama dengan Jabatan Alam dan juga pejabat EXCO turun ke padang di Kajang (di Kampung Sungai Sekamat) di mana masalah ini telah berpanjangan bertahunan dan masih tidak ada penyelesaian. Jadi, masalah aduan-aduan sebegini bagaimana pemantauan dan tindakan yang segera yang boleh diadakan? Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Y.B. Kajang. Saya ingin menjelaskan bidang kuasa ataupun *jurisdiction* kerana untuk Jabatan Alam Sekitar, kuasa dan juga bidang kuasa mereka adalah termaktub di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jadi, sebagai contoh yang diberi oleh Y.B. Kajang tentang isu tapak pelupusan sampah haram ini pada asalnya bukan di bawah Jabatan Alam Sekitar. Ini adalah di bawah bidang kuasa PBT (Kerajaan Tempatan). Di mana adalah tanggungjawab mereka untuk memantau, mengawal dan juga memberhentikan apa juar tapak-tapak pelupusan sampah haram. Masalahnya kadang-kadang kita pun tak tahu. Saya pun pernah pergi ke beberapa tapak pelupusan sampah haram. Saya pun tidak tahu itu kawasan sampah haram kerana sudah jadi bukit. Saya fikir itu bukit sahaja. Tapi, *actually* ia adalah satu tapak pelupusan sampah haram. Jabatan Alam Sekitar hanya boleh masuk apabila terdapat pencemaran yang didapati di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jadi, bila gas-gas itu mula menyalas terdapat gas-gas dikeluarkan

(ada letupan dan sebagainya), itulah masa Jabatan Alam Sekitar mempunyai kuasa untuk masuk, siasat dan juga mendakwa orang yang buat salah tersebut.

Isu pemantauan masalah pencemaran kilang-kilang sekali lagi kita merujuk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling untuk sebagai contohnya kalau kilang tersebut mengeluarkan ataupun *discharge*, itu memang di bawah bidang kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling. Jadi, Jabatan Alam Sekitar ada kuasa untuk masuk, memantau, mendakwa dan sebagainya. Tapi kalau kilang haram di mana memang kita ada banyak kes-kes terdapat kilang haram untuk menutup kilang haram itu sebenarnya kuasa itu dan bidang kuasa tersebut adalah di bawah tangan PBT.

Jadi, kita harap ada satu kerjasama yang baik antara PBT, Alam Sekitar dan juga beberapa agensi-agensi kerajaan untuk memantau ataupun menyelesaikan beberapa isu-isu pencemaran tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Speaker, soalan nombor 13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: BANTUAN PENDIDIKAN SEKOLAH**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Setiap tahun kerajaan negeri memperuntukkan bantuan pendidikan yang banyak kepada SRA, SJKC, SJKT, senaraikan semua sekolah yang mendapat peruntukan sepanjang tahun 2011.
- b) Perincikan jumlah peruntukan semua sekolah yang mendapat peruntukan ini?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Meru dan Tuan Speaker. Meru bertanya tentang bantuan pendidikan sekolah. Agak berat sedikit tetapi saya merancang untuk memendekkan jawapannya sebab saya dah beri senarai kepada Meru (senarai yang lengkap semua sekolah-sekolah). Dia punya apa kat sini dia tanya; setiap tahun kerajaan negeri memperuntukkan bantuan pendidikan yang banyak kepada SRA, SJKC, SJKT, senaraikan semua sekolah yang mendapat peruntukan sepanjang tahun 2011. Yang kedua perincikan jumlah peruntukan semua sekolah yang mendapat peruntukan ini. Jadi, saya memberikan senarai itu kepada Meru. Saya nak bagi ringkasan sahaja.

Untuk pengetahuan Meru dan Ahli-ahli Yang Berhormat, 2011 fasa pertama kerajaan negeri telah memperuntukkan untuk Sekolah Agama Rakyat sejumlah 121 jumlah Sekolah Agama Rakyat yang telah diberikan. Untuk fasa kedua 134 yang telah menerima peruntukan daripada kerajaan negeri. Fasa ketiga 10 buah sekolah. Maknanya pada 2011 kerajaan negeri telah memberi bantuan kepada 265 Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Untuk SRA menurut JAIS, peruntukan pengurusan untuk 2011 adalah sebanyak RM100.7 juta dan peruntukan untuk pembangunan adalah lebih kurang RM66 juta. Dan ini melibatkan bantuan untuk ataupun peruntukan untuk 210 buah sekolah rendah agama JAIS, 290 buah Sekolah KAFA. Untuk kita imbas kembali Y.B. Meru, di mana di bawah kerajaan Pakatan Rakyat, kita telah naik elauan guru KAFA sebanyak dua kali. Tak pernah mereka merasa dan alhamdulillah sejak kita apa, inilah termasuk di dalam yang kita peruntukkan oleh kerajaan negeri Selangor dan juga peruntukan ini juga melibatkan dua buah Maahad Integrasi Tahfiz Sains Jabatan Agama Islam Selangor.

SJKC 2011. Fasa pertama kita membantu 75 sekolah, fasa kedua 70 sekolah dan Sekolah Menengah Cina kita membantu 4 sekolah. Jadi, inilah RM6juta yang telah kita beri untuk 2011.

SJKT (Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil) 2011. Fasa pertama untuk bantuan yuran sebanyak 75 sekolah telah kita beri. Nilainya RM125,976. Fasa pertama bantuan kepada PIBG semua sekolah Tamil kita beri iaitu 97 buah dan anggaran RM3ribu hingga RM5 ribu sebuah (ikut kecil atau besar sesebuah sekolah itu). Dalam fasa pertama untuk penambahbaikan infrastruktur Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sebanyak 54 buah sekolah dan nilainya adalah RM952,810. Fasa kedua penambahbaikan infra sekolah sebanyak 43 sekolah telah kita bantu dan jumlahnya RM1,385,400. Fasa ketiga SJKT sebanyak 15 sekolah kita bantu yang berjumlah RM307,922. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Y.B. Selat Kelang selaku EXCO Pendidikan.

Memandangkan sekolah-sekolah yang diberi bantuan oleh kerajaan negeri sejak empat tahun yang lalu (RM16 juta setiap tahun untuk semua aliran), seluruh alirannya diberi bantu termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, SJK Tamil dan Sekolah Agama Rakyat. Ini ucapan tahniah kepada kerajaan negeri dan syabas. Memandangkan masih terdapat sekolah-sekolah khususnya sekolah agama rakyat memandangkan jumlahnya besar RM500 lebih dan masih dalam keadaan daif dan memerlukan bantuan, jadi peruntukan RM6 juta itu saya rasa agak kurang dan pada masa yang sama juga peruntukan untuk sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan India juga

saya rasa ada kekurangan juga kerana jumlahnya besar memandangkan kerajaan negeri pendapatannya semakin bertambah kerana pentadbiran dan pengurusan kewangan yang semakin menambah pendapatan yang tinggi.

Soalan tambahan saya adakah kerajaan bercadang untuk menambah seluruh aliran sekolah ini (peruntukannya) pada tahun hadapan? Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI:** Terima kasih kepada Sekinchan yang begitu prihatin dan saya ingat pada sidang yang lepas Sekinchan juga telah mencadangkan untuk menambah peruntukan untuk sekolah-sekolah ini dan khususnya kepada sekolah agama yang saya ingat Sekinchan ya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Sekinchan, dalam geran ‘Selangorku’ kita telah memperuntukkan RM30 juta untuk sokongan pendidikan dan kita merancangkan di antara yang kita bantu adalah untuk menambahkan lagi (memang kita tahu RM6 juta ini untuk sekolah agama rakyat tak cukup - dah ada 500, sekolah Cina 112, kalau Tamil 97). Jadi kita akan melihat secara wajar yang adil, yang saksamanya manakah yang diperlukan mengikut prioriti. Insya-Allah. Jadi, terima kasih banyak Sekinchan.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin tanya EXCO. Adakah kerajaan ingin memberi bantuan kepada sekolah-sekolah lain selain daripada sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah agama rakyat? Sebab saya lihat kerajaan Barisan Nasional tidak membantu sekolah-sekolah lain seperti khususnya sekolah-sekolah *nationally*, sekolah-sekolah rendah, *Methodist, convent, ACS, La Salle*, sekolah-sekolah menengah juga tidak menerima bantuan daripada kerajaan Barisan Nasional. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membantu sekolah-sekolah yang lain juga selain daripada sekolah cina, Tamil dan Sekolah Agama Rakyat?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI:** Terima kasih kepada Kota Alam Shah. Untuk makluman Kota Alam Shah, kita memang mendapatkan permohonan daripada pelbagai jenis sekolah dan sebagai kerajaan yang prihatin kepada pendidikan dan juga sesuai dengan apa yang telah disebutkan dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor semalam di mana baginda telah mahu kita (kerajaan negeri Selangor) menitik beratkan tentang pendidikan selain daripada yang lain.

Maka untuk makluman Kota Alam Shah, sebenarnya saya telah dijemput untuk merasmikan satu ‘Program Sambutan 115 tahun Anniversary’ sebuah sekolah di

antara yang telah disebutkan oleh Kota Alam Shah. Malangnya dan saya telah meluluskan bagi pihak kerajaan Selangor sebanyak RM20,000 untuk sekolah berkenaan (Sekolah ACS di Klang - tempat Kota Alam Shah). Tetapi malangnya sehari sebelum program itu berlangsung, saya juga dimohon supaya tidak datanglah (dibatalkan jemputan kepada saya). Tapi kita sebagai orang yang terbuka, kita memang telah pun meluluskan dan cek itu insya-Allah kita akan berikan juga kepada Sekolah ACS itu.

Mana-mana sekolah yang memerlukan mungkin benda-benda yang asas, yang kritikal yang membantu proses pengajaran dan pembelajaran, kerajaan negeri sentiasa terbuka untuk memberikan ruang untuk membantunkan mana-mana sekolah itu. insya-Allah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Saya panggil Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA**  
**(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pendekatan pembangunan semula kediaman di kawasan Bandar?

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, soalan Taman Medan adalah mengenai pembangunan semula di bandar.

Pembangunan semula bandar merupakan salah satu daripada pakej rangsangan ekonomi negeri Selangor. Pada 30 November hingga 1 Disember tahun 2009, satu seminar antarabangsa dengan tema '*International Conference Urban Regeneration Towards Selangor Sustainable Future*' telah diadakan di Sunway Resort Hotel and Spa. Seminar yang melibatkan lebih 300 peserta ini telah dianjurkan secara bersama oleh kerajaan negeri, REHDA Negeri Selangor dan Pertubuhan Perancang Malaysia. Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar Selangor telah merasmikan seminar tersebut dengan menyampaikan ucaptama yang bertajuk '*Setting The Local Context Urban*

*Regeneration in Selangor*'. Seminar ini turut melibatkan pembentang daripada luar negara seperti United Nations USA, Britain, Spain dan Singapura untuk berkongsi idea dan cadangan dalam usaha untuk memastikan pembangunan semula bandar dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kerajaan negeri telah memberi fokus pembangunan semula bandar di kawasan Petaling Jaya dan Klang memandangkan kawasan tersebut membangun dengan pesat dan terdapat juga kawasan yang lama yang telah usang. Walau bagaimanapun, kawasan Petaling Jaya telah dipilih sebagai fokus untuk pembangunan semula bandar yang merangkumi kawasan Seksyen 51, Seksyen 52(A) dan Seksyen 52.

Selain itu melalui rancangan tempatan yang disediakan, tapak-tapak untuk pembangunan semula kediaman di kawasan bandar juga telah dikenal pasti. Antaranya di Pekan Subang, Kampung Baru Sungai Buloh, Kampung Melayu Subang dan Kampung Padang Jawa bagi kawasan MBSA. Bagi kawasan MPK kawasan yang telah dikenal pasti adalah di Jalan Kem (Pelabuhan Klang), Jalan Baru Pusat Bandar Klang dan Kampung Pandan. Di kawasan MPKj pula kawasan yang telah dikenal pasti adalah Pusat Bandar Kajang, Batu 11 Balakong dan Kampung Sungai Ramal. Di kawasan MPAJ adalah di Taman Seri Keramat AU, Kampung Pandan Dalam dan bagi MPSJ kawasan yang telah dikenal pasti antaranya adalah Seri Kembangan dan Serdang Lama.

Bagi melaksanakan pembangunan semula bandar, kerajaan negeri juga perlu mengambil kira pelbagai faktor yang di antaranya adalah isu sebahagian besar kawasan-kawasan pembangunan semula bandar ini adalah merupakan tanah milik individu dan swasta. Oleh yang demikian, cabaran utama untuk merealisasi pembangunan ini adalah untuk melaksanakan konsep *smart partnership* yang melibatkan kerjasama dan peranan pihak swasta.

Secara ringkasnya, pihak kerajaan negeri begitu yakin dan bersungguh-sungguh untuk merealisasikan agenda pembangunan semula kediaman di kawasan bandar ini khususnya untuk mencapai matlamat pakej rangsangan ekonomi. Walau bagaimanapun, perancangan tersebut akan mengambil masa dan dilaksanakan secara berperingkat untuk mencapai sasaran sehingga tahun 2025.

Tuan Speaker, kita perlukan pembangunan bandar semula kerana kita tidak bercadang untuk menggunakan *forest* ataupun hutan lagi. Kita kena menyimpan semula sekurang-kurangnya 30% hutan supaya generasi yang muda yang akan datang dapat menikmati. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan. Terima kasih jawapan daripada Y.B. EXCO tetapi saya ingin tahu apakah rancangan kerajaan negeri untuk pembangunan semula kediaman di Petaling Jaya kerana apa yang telah diluluskan dalam pakej rangsangan di Petaling Jaya adalah tapak-tapak komersial. Bagaimana dengan tapak-tapak kediaman yang sedia ada untuk dibangunkan semula. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, pembangunan bandar semula dimulakan dengan tapak-tapak komersial kerana memang ada keperluan yang mendesak tetapi untuk kediaman, memang selepas ini selepas sejak Petaling Jaya di adakan memang sudah ada kawasan perumahan di mana tanahnya sudah bernilai tinggi tetapi bangunannya sudah uzur ataupun usang. Jadi pun ada keperluan untuk membangunkan semula tetapi ini akan melibatkan ini akan mendapatkan kelulusan ataupun kebenaran daripada pemilik-pemilik individu ataupun swasta yang saya sebutkan tadi. Jadi walau bagaimanapun kita memberikan galakkanlah kepada pemaju-pemaju yang berminat dan juga meminta kerjasama daripada pemilik-pemilik rumah kediaman yang dikatakan sudah lama ataupun sudah tidak bernilai lagi walaupun tanahnya sudah bernilai. Terima kasih.

**Y.B. DR . SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker, dalam kita hendak membangunkan bandar-bandar lama kepada pembangunan yang baru kemungkinan ada bangunan-bangunan warisan yang perlu kita pertahankan sebagai warisan negeri kita. Negeri Selangor walaupun banyak rumah dan sebagainya, kita kering atau kurang daripada bangunan-bangunan warisan mungkin dalam pembangunan bandar ini ada rumah-rumah atau kawasan-kawasan yang perlu kita pertahankan sebagai warisan. Tidakkah ada cadangan untuk bekerjasama umpamanya dengan PADAT dan sebagainya sebelum dilupuskan yang lama tu untuk kitakekalkan yang mana-mana penting sebagai warisan negeri Selangor.

**TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Bangi. Memang benar pada setakat ini kerajaan pusat pun sudah ada akta-akta untuk warisan dan sebagainya dan kerajaan negeri pun ada usaha untuk mengekalkan semua kawasan ataupun bangunan warisan dan ini adalah amalan penting. Sebenarnya konsep pembangunan bandar semula ini tidak semestinya kita merobohkan semua bangunan ataupun kawasan lama dan diganti dengan kawasan baru atau bangunan baru, tidak. Kadang-kadang ada di dalam kawasan yang lama bukan semua bangunan kena dibuang ataupun dirobohkan. Jadi dalam konsep itu, dia ada banyak caranya jadi dalam seminar yang kita adakan yang saya sebutkan tadi itu sudah ada banyak caranya dan itu sudah menjadi garis panduan untuk kerajaan tempatan dan juga kerajaan negeri dalam proses pembangunan bandar semula. Jadi Y.B. Bangi tidak perlu khuatirlah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker, akhirnya Tuan Speaker beri laluan kepada saya. Untuk bertanya EXCO yang keempat pada pagi ini. Soalan saya mudah sahaja, dalam pembangunan bandar, pembangunan semula kediaman di kawasan bandar, saya juga setuju dengan soalan Taman Medan tadi, iaitu adakah diambil kira keupayaan kemampuan rakyat yang akan membeli kemudahan-kemudahan ataupun rumah-rumah yang kawasan yang akan dibangunkan semula dan saya lihat sejak kebelakangan ini kriteria ini tidak di ambil kira menyebabkan setengah-setengah kawasan dibangunkan semula tidak ada lagi rumah-rumah kos rendah untuk rakyat-rakyat yang kurang berkemampuan. Jadi kalau ada program-program pembangunan semula ini saya harap pastikan rumah-rumah kos rendah RM35,000.00 mungkin hendaklah diberikan keutamaan kerana ramai lagi rakyat kita yang masih kurang berkemampuan untuk membeli rumah-rumah mewah apabila kawasan pembangunan ini dibangunkan semula. Terima kasih Speaker.

**TUAN LIU TIAN KHIW:** Terima kasih. Y.B. sebenarnya dasar kerajaan negeri untuk ada akan membina rumah kos rendah itu diteruskan. Cuma hanya di tempat-tempat yang dikatakan ataupun di bawah kajian yang mengatakan kawasan itu sudah ada cukup rumah kos rendah yang sudah mencukupi tetapi tidak ada orang mengambil lagi untuk kawasan itulah kita membenarkan. Hanya kawasan itu kita membenarkan pemaju untuk membenarkan itu rumah-rumah mampu milik sebab bukan semua tempat, bukan semua kawasan di negeri Selangor sesuai lagi untuk terus membina rumah kos rendah. Tetapi di kawasan-kawasan yang memerlukan, kita akan teruskan dasar itu. Jadi itulah caranya kerana di kawasan yang tidak perlukan rumah kos rendah kalau kita paksa juga pemaju buat rumah kos rendah akhirnya tak ada orang yang hendak beli,pun tidak betul. Jadi kalau kita membina banyak lagi rumah mampu milik ini lebih memadai dan lebih memanfaatkan kepada rakyat. Jadi itulah dasar kerajaan negeri dan teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai. Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: BIASISWA IPT KERAJAAN NEGERI**

20. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa orang pelajar telah berjaya memperoleh tawaran Biasiswa IPT kerajaan negeri Selangor bagi tahun 2011?

- b) Nyatakan pelajar yang berjaya menikmati basiswa negeri kerajaan mengikut pecahan kaum.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Terima kasih kepada Sungai Pelek, Sungai Pelek mahu bertanya berapa orang pelajar telah berjaya memperoleh tawaran basiswa IPT kerajaan negeri Selangor bagi tahun 2011 dan nyatakan pelajar yang berjaya menikmati Biasiswa negeri Selangor mengikut pecahan kaum. Untuk makluman Sungai Pelek dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Selangor telah menawarkan 1,000 tempat setahun untuk pemberian kemudahan pinjaman *convertibility loan* dengan izin pelajaran kerajaan negeri Selangor yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Perubatan, Ijazah Diploma dan Sijil dengan peruntukan sebanyak RM8.5 juta setahun. Pada tahun 2011 seramai 1,025 orang telah ditawarkan dengan pinjaman kerajaan negeri Selangor. Walau bagaimanapun 846 orang yang menerima pinjaman ini kerana mungkin ada yang mendapat JPA, MARA dan sebagainya jadi mereka lebih memilihkan pinjaman atau basiswa yang lain itu. Pinjaman pelajaran mengikut perincian kaum sesi pertama tahun 2011 Melayu 390 orang, Cina 10, India 27. Makna sesi pertama 427 orang. Sesi kedua tahun 2011 Melayu 570, Cina 13, India 15. Jumlahnya ialah 598 orang. Yang menerima tadi ditawarkan maknanya kita telah *interview* kemudian kita tawarkan tetapi yang menerima Melayu untuk sesi pertama 2011, 334, Cina 6, India 14. Jumlahnya 354 orang. Yang menerima tawaran sesi kedua Melayu 473, Cina 12, India 7. Jumlah semuanya 492 orang dan insya-Allah 2012 ini kerajaan negeri Selangor merancang untuk menambahkan lagi nilai pinjaman yang kita berikan, kita nak *doublekan* orang yang mampu insya-Allah menerima pinjaman ini. Terima kasih.

**TUAN SPAKER:** Ya Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih EXCO Kerajaan Negeri, rasa saya dah empat tahun dah. Pinjaman kerajaan negeri bukan Bumiputera selain daripada Melayu maksud saya ialah golongan Bangsa Cina dan India memang agak rendah dan empat tahun saya sering kali dengar jawapan memang tak ada minat dapat pinjaman JPA atau pinjaman mana-mana ada tak kerajaan mengambil inisiatif atau langkah-langkah yang dapat membantu khususnya masyarakat Cina dan India yang inginkan pinjaman ini. Dah empat tahun masih kekal dalam angka yang lebih kurang sama. Jadi saya tak tahu apa yang berlaku sedangkan saya tahu ada banyak orang daripada masyarakat India dan Cina perlukan pinjaman ini. Jadi ada tak apa-apa langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Terima kasih kepada Sungai Pelek Untuk makluman Sungai Pelek, Kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor telah pun membuatkan *press conference* demi *press conference* untuk menyatakan bahawa sebenarnya kita tidak ada kuota mengikut komposisi kaum untuk pinjaman. Kedua

maknanya telah ada liputan di dalam akhbar-akhbar pelbagai bahasa. Yang keduanya juga ada pemakluman di dalam akhbar-akhbar pelbagai bahasa termasuk jugalah yang di bawah kerajaan negeri Selangor juga Selangor Times, yang Bahasa Cina dan sebagainya dan di dalam portal kerajaan Selangor itu sendiri memang sentiasa ada tawaran itu memang sentiasa ada dan kita juga telah memaklumkan Ahli Dewan Negeri sendiri Pegawai Penyelaras DUN sendiri, Ketua Kampung, Kampung Baru, Ketua Komuniti kewujudan pinjaman pelajaran ini. Inilah di antara inisiatif yang kita buat kerana kita tahu mungkin ada yang tidak tahu lagi-lagi apabila kami ini tidak boleh masuk TV sangat, tak boleh masuk radio sangat dan tidak ada liputan dalam media arus perdana sangat. Jadi mungkin kita punya Y.B. -Y.B. daripada Barisan Nasional boleh bantu kami dari segi situlah insya-Allah. Tapi kita memang kita mahu ianya diketahui umum secara meluas. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker,

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sebab saya difahamkan pinjaman yang sedia ada adalah untuk pelajar yang menuntut di IPTA ataupun IPTS Tempatan. Ada tak kerajaan negeri bercadang untuk bercadang untuk membuka pinjaman ataupun biasiswa kepada pelajar yang mengambil pengajian mereka di luar negeri.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Untuk pengetahuan Rawang saya memang telah pun membawakan persoalan yang sama itu kepada Lembaga Tabung Biasiswa ini tetapi seperti yang telah saya sebutkan tadi peruntukan kita untuk setahun adalah sebanyak RM8.5 juta dan ini adalah untuk memastikan seramai mungkin anak-anak yang belajar yang boleh melanjutkan pelajaran ke tempat yang lebih tinggi ke pengajian institusi pengajian tinggi dengan dapatkan bantuan. Ada pun kalau daripada segi pelajar-pelajar yang mahu melanjut ataupun yang boleh diterima ke institusi pengajian tinggi di luar negara sudah tentulah kosnya akan bertambah. Jadi saya telah berbincang dengan para EXCO dalam kerajaan negeri Selangor mereka bersetuju sekiranya kerana seperti yang disebut dalam titah ucapan semalam pun kita 20 -22 peratus KDN kerajaan Malaysia adalah di sumbang oleh kerajaan negeri Selangor. Saya rasa lebih sesuai kalau ianya daripada Putrajaya yang membantu kita. Insya-Allah.

**TUAN SPEAKER :** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker soalan No. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: KILANG HARAM DI SELANGOR**

21. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Sepanjang Pakatan Rakyat mentadbir berapa banyakkah status "Kilang Haram" yang diselesaikan (di beri lesen)?
  - Bagi yang tak dapat dilesenkan apakah Kerajaan terus membenarkan mereka terus beroperasi?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Lembah Jaya. Kedudukan terkini pelaksanaan program pemutihan kilang tanpa kebenaran di negeri Selangor sehingga bulan Mei tahun 2011 sebanyak 1021 lot tanah iaitu 45.38 peratus daripada jumlah 2250 lot tanah pertanian telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah kepada kerajaan negeri. Pecahan permohonan tukar syarat tanah mengikut daerah adalah seperti yang berikut:

Daerah Petaling - 47.61 peratus

Daerah kelang - 58.99 peratus

Gombak - 70.45 peratus

Hulu Langat - 29.34 peratus

Kuala Langat - 41.15 peratus

Sepang - 38.64 peratus

Hulu Selangor - 47.06 peratus

Kuala Selangor - 50.00 peratus

Di antara angka ini 857 permohonan telah diluluskan dan jumlah premium telah tambahan berjaya dikutip oleh kerajaan negeri adalah sebanyak RM112,261,194.34. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kerajaan negeri telah meluluskan lanjutan tempoh program pemutihan ini sehingga 31 Disember tahun 2012. Pihak berkuasa tempatan hanya boleh mengeluarkan lesen sementara kepada pengusaha kilang tanpa kebenaran yang mengambil bahagian dalam program pemutihan ini. Bagi kilang haram yang tidak mengambil bahagian dalam program ini mereka boleh di ambil tindakan di bawah Kanun Tanah Negara dan juga Undang-undang Kecil PBT masing-masing. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Kajang .

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK: PADAT**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program yang telah dilaksanakan dalam tahun 2011 dan bagaimanakah prestasinya?
- b) Apakah rancangan PADAT dalam 2012?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Kajang ingin tahu program yang dilaksanakan oleh PADAT pada tahun 2011 dan bagaimanakah prestasinya dan juga perancangan PADAT pada tahun 2012. Bagi tahun 2011 perancangan program-program yang telah dilaksanakan adalah:

Pertama program Jalinan Adat Budaya dan Warisan Negeri Selangor yakni memartabatkan adat dan membudayakan warisan. Pada tahun 2011 program ini telah dilaksanakan di empat buah daerah di negeri Selangor. Pertama di Daerah Kelang iaitu pada 13 Mac 2011 bertempat di kampung Bukit Kapar Klang dengan bilangan pengunjung 2006 orang. Program-program yang telah dijalankan adalah seperti Forum Perdana yang dijalankan pada 12 Mac pukul 8.00 malam di Masjid Al-Taqwa Kampung Bukit Kapar. Persembahan kesenian iaitu cempuling, kentrong, kompong tiga, sila, sepak raga ratus dan puisi tradisional. Dan beberapa pertandingan juga telah diadakan termasuklah permainan gasing, gubahan sireh junjung, masakan dan kuih tradisional. Bengkel seni tekat dan sulaman kelingkan juga dijalankan. Begitu juga di adakan forum budaya pertunjukan permainan gasing dan layang-layang atau pun wau kapal dan mini pameran jabatan dan agensi daerah.

Kedua di Daerah Sepang yang diadakan pada 23 April di Bukit Bangkong Sepang dengan jumlah pengunjung berjumlah 1506 orang. Aktiviti yang dijalankan termasuklah Forum Perdana di Masjid Al-Ulum Kg. Bukit Bangkong, Sepang, persembahan kesenian cempuling, kompong tiga, silat, tarian piring, tarian kaca, persembahan kesenian orang asli dan persembahan kumpulan kesenian PADAT. Pertandingan juga di jalankan di situ wau, layang-layang, sirih junjung, masakan tradisional, kuih tradisional dan mewarna untuk kanak-kanak. Begitu juga bengkel dan juga pameran Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor juga di adakan di Daerah Sepang ini.

Ketiga Daerah Kuala Langat yang di adakan pada 11 Jun di Dataran Morib Kuala Langat dengan jumlah pengunjung sejumlah 2317 orang. Aktiviti-aktiviti yang lebih kurang sama juga dijalankan. Forum Perdana di Masjid Jamiul Ehsani Batu 8 Sijangkang, persembahan kesenian, cempuling, cak lempong, kompong jawa, silat cemandi, keroncong asli, tarian kuda kepang dan poja. Pertandingan-pertandingan seperti masakan tradisional, kuih-kuih tradisional juga diadakan. Forum-forum dan bengkel dan juga pameran Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor juga di adakan di dalam program tersebut.

Keempat adalah Daerah Gombak yang di adakan pada 16 Julai 2011 bertempat di Taman Greenwood batu Caves dan jumlah pengunjung seramai 1057 orang. Dan program-program yang lebih kurang sama juga dilakukan, Foram Perdana di Masjid Ar-Rahimah Taman Greenwood Batu Caves Gombak, demonstrasi permainan gasing pangkah, permainan wau kapal, persembahan kesenian, pertandingan gubahan sirih junjung, masakan tradisional, kuih tradisional bengkel dan pameran adat Melayu dan warisan negeri Selangor juga di adakan.

Kedua Berkaitan dengan pameran. PADAT telah mengikuti beberapa pameran bergerak anjuran daripada agensi kerajaan dan mengadakan satu pameran khas sepertimana yang berikut:

- 1) Pameran sempena MATTA Internation Fair Selangor Umrah & Muslim Travel Destinations (MASUM) 2011, di Shah Alam Convention Centre (SACC Convec) pada Januari 2011
- 2) Pameran sempena Hari Muzium Antarabangsa peringkat Kebangsaan di Negeri Sembilan pada Mei 2011
- 3) Pameran sempena keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong Ke Dataran Morib, Daerah Kuala Langat pada September 2011.
- 4) Pameran sempena kemerdekaan ke 54 di Sekolah menengah Kebangsaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada September 2011.
- 5) Pameran sempena Karnival 100 Tahun Batu Arang di Padang Awam, batu Arang pada Oktober 2011
- 6) Pameran Khas Adat dan Warisan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam sempena cuti sekolah pada Disember 2011

Ketiga adalah Program Konvensyen Identiti Negeri Selangor 2011.

Program Konvensyen Identiti negeri Selangor telah dicetuskan oleh Y.B. Dato' Dr. Hassan bin Mohamed Ali, Mantan Pengurus PADAT semasa sesi rumusan pada Majlis Dialog Bajet negeri Selangor 2012 pada 28 Jun 2011 bertempat di Holiday Villa Hotel

Subang Jaya. Perkara ini diajukan setelah melihat hasil dan maklum balas yang sangat baik terhadap pembentangan kertas kerja yang bertajuk “Menonjolkan Identiti Negeri dan Program Warisan Budaya Negeri Selangor” oleh Yang Berbahagia Dato’ Aidit bin Ghazali selaku Ahli Lembaga Pengarah PADAT.

Program Konvensyen ini telah di adakan pada 11 hingga 12 Oktober 2011 di Holiday Villa Hotel Subang Jaya. Majlis perasmian telah dilaksanakan oleh YAB Tan Sri Dato’ Seri Menteri Besar Selangor pada 11 Oktober 2011 dengan irungan persempahan kebudayaan dan kesenian negeri yang hampir luput di telan zaman. Konvensyen ini juga telah mengumpulkan beberapa pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk memastikan pengisian bengkel identiti yang mana perbincangan adalah merangkumi aspek identiti negeri seperti tekstil dan busana tradisional, makanan dan kuih tradisional, seni bina, monumen dan tapak warisan, muzik dan juga tarian tradisional, jati diri sastera Selangor dan penceraaan nilai-nilai sejagat negeri Selangor.

Yang Keempat adalah bengkel Garis Panduan Penyelidikan Saintifik terhadap penemuan dan Kajian Sumber Budaya dan Warisan. Program ini telah diadakan pada 17 hingga 18 Februari 2011 di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam dan dengan bilangan peserta 32 orang daripada kalangan pegawai dan kakitangan Gred 32 ke atas.

Kelima Bengkel Penerbitan Umum yang mana bengkel ini telah di adakan pada 10 Mac 2011 di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam dengan peserta sejumlah 55 peserta daripada kalangan pegawai dan kakitangan Gred 17 ke atas.

Keenam Bengkel Rawatan dan Konservasi Koleksi Manuskrip yang mana telah di adakan pada 31 Mac hingga 1 April 2011 di Dewan Raja Lumu, dengan jumlah peserta 55 peserta daripada kakitangan pegawai Gred 17 ke atas,

Ketujuh Bual Bicara Tokoh Ilmuwan Islam daripada Yang Berbahagia Dato’ Haron Din dan di adakan pada 10 November 2011 di Auditorium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam dengan jumlah peserta berjumlah 350 orang.

Yang Kelapan Bengkal Asas Konservasi Bangunan Warisan 2011. Program yang di adakan pada 30 November hingga 01 Disember 2011 di Dewan Raja Lumu dengan jumlah peserta seramai 35 peserta.

Kesembilan Program Kembara Warisan 2011 yang diadakan pada 03 Disember 2011 di Dewan Raja Lumu dengan jumlah penyertaan 30 kumpulan.

Ke Sepuluh Program Bicara Keris : Warisan Sepanjang Zaman yang di adakan pada 20 Disember 2011 di Dewan Raja Lumu dengan jumlah peserta seramai 170 peserta.

Bagi soalan Perancangan PADAT bagi tahun 2012 di antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Bengkel memahami Metodologi Penyelidikan
- 2) Program Perarakan Sempena Maulidur Rasul pada 1433 H
- 3) Perasmian Muzium Insitu Jugra, Kuala Langat yang Insya-Allah akan di lakukan pada 24 Mac ini.
- 4) Pameran Pantang Larang Pesan Orang Tua
- 5) Lawatan kerja Rasmi Muzium Perak, Pulau Pinang dan Kedah
- 6) Program Muzium dan Warisan 2012 di Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Langat
- 7) Bengkel Busana Selangor : Teknik Pemakaian Samping dan Tanjak
- 8) Bengkel Asas Konservasi Bangunan Warisan 2012
- 9) Bengkel Jahitan Kebaya Selangor
- 10) Bengkel Perwujudan Muzium Sukan
- 11) Bengkel Penulisan Ilmiah Dan Dokumentasi
- 12) Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012 Peringkat Kebangsaan di Pekan Pahang
- 13) Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012 di Peringkat Negeri Selangor
- 14) Pameran Khas : Selangorku Merentas Waktu
- 15) Majlis Keraian Dua Sasterawan Negara Kelahiran Anak Negeri Selangor
- 16) Bengkel Sulaman Kelingkan
- 17) Pelancaran Sahabat Muzium
- 18) Bengkel Seni Tari Selangor
- 19) Bengkel Kompang Jawa Selangor
- 20) Bual Bicara Tokoh Ilmuwan Islam
- 21) Bengkel Hala tuju dan Cabaran Muzium di tahun 2020
- 22) Kembara Warisan 2012

- 23) Seminar Asal Usul Melayu dan juga,
- 24) Pameran Khas : Kenangan Zaman Kanak-kanak

Ini adalah di antara perancangan-perancangan PADAT yang akan dilakukan pada tahun 2012 ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang dulu.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang memang ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah mengadakan program-program aktiviti dan juga ada rancangan. Akan tetapi Kajang rasa program, program dan aktiviti yang disebutkan tadi dengan ada pameran dengan ada dengan program aktiviti-aktiviti di muzium dan sebagainya, ia merupakan program-program yang seharusnya tidak dilakukan bukan dilakukan oleh PADAT. Kerana PADAT harus memainkan peranan dari segi perancangan dan adakan ini penelitian dari segi ilmiah dan strategi bagaimana kerajaan dapat mengembangkan lagi adat Melayu dan juga warisan Selangor. Bukan mengadakan program-program yang seharusnya dilakukan oleh badan-badan institusi di bawah seperti di Muzium, atau pun NGO-NGO dan yang berkaitan. Jadi Kajang memang ingin bertanya PADAT sebagai salah satu institusi yang memang memainkan peranan penting dalam membangunkan masyarakat dari segi ilmiah, dari segi budaya dan juga kemanusiaan. Rancangan yang seterusnya, adakah rancangan untuk membina struktur dan juga bagaimana strategi untuk membangunkan adat Melayu dan juga warisan Selangor yang dapat menunjukkan kepelbagaiannya budaya yang ujud di Selangor ini. Terima kasih.

**Y.B. DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kajang, saya kira ekoran daripada program Konvensyen Identiti Negeri Selangor yang kita adakan pada 2011, kita juga telah mengadakan post-mortem dan kita melihat ada beberapa perkara yang saya kira akan diambil kira, apakah? Identiti-identiti Melayu di negeri Selangor ini yang saya kira ekoran daripada itu akan ada kesinambungan bagaimana kita hendak melihat identiti-identiti daripada setiap kategori yang kita ingin tonjolkan di Negeri Selangor ini, dan saya kira selepas itu, melihat kepada peruntukan yang kita ada, atau peruntukan yang kita boleh pohon daripada kerajaan negeri adalah ekoran-ekoran yang boleh kita lakukan, selepas daripada hasil Konvensyen Identiti Negeri Selangor yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya tertarik dengan jawapan daripada Yang Berhormat EXCO Sijangkang, yang menghuraikan secara panjang lebar tentang PADAT ini, saya melihat apa yang disebutkan tadi

kesemuanya adalah berkaitan seluruhnya adalah berkaitan dengan adat budaya, tarian warisan Melayu, saya menyokong untuk kita perkasakan adat dan warisan ini, tetapi saya percaya, saya hairan kenapa dalam soal warisan ini, adat ini di Selangor kita mempunyai pelbagai kaum, hanya adat Melayu sahaja ada warisan, ini jadi Melayu sahaja yang dititik beratkan dalam PADAT ini, apakah? matlamat dan objektif sebenarnya penubuhan PADAT ini, saya minta penjelasan daripada Si Jangkang.

**Y.B. DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Melihat kepada pengujudan PADAT ini, saya melihat bahawa saya nak mengenal pasti identiti-identiti adat-adat Melayu yang ada di negeri Selangor, saya tidak menafikan bahawa sudah tentunya bangsa-bangsa ataupun kaum-kaum lain yang ada di negeri Selangor ini mempunyai identiti-identiti sendiri ataupun masing-masing dan saya kira ada usaha-usaha di pihak kerajaan negeri yang saya lihat antaranya di dalam perbincangan mengujudkan tempat-tempat kebudayaan bagi kaum India dan Cina saya kira ini adalah di antara kesinambungan yang boleh kita lakukan di peringkat negeri Selangor supaya ada juga usaha-usaha mengujudkan identiti-identiti satu bangsa yang mana menjadi kemajmukan di Negeri Selangor ini dengan kepelbagaian kaum yang sedia ada, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN A. KASSIM:** Tuan Speaker, soalan nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : TANAH KG SUNGAI BUAYA**

23. Kerajaan negeri mempunyai tanah-tanah bekas peneroka FELDA di Kg Sg Buaya.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Rasional dan Apa rancangan kerajaan terhadap tanah tersebut ?
- b) Sekiranya dijual berapakah harga sehektar ?
- c) Apakah status Tanah yang dipulang balik oleh FELDA kepada kerajaan negeri yang seharusnya diberi kepada bekas peneroka seluas 2 ekar setiap orang?

**TUAN SPEAKER:** Oh, ini soalan Dato' Menteri Besar, besok.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOWWO SUAN:** Tuan Speaker, soalan no. 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK: WI-FI PERCUMA**

24. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Adakah kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan kemudahan wi-fi percuma di Selangor?
  - Sila nyatakan rasional untuk jawapan (a) di atas dan langkah yang telah diambil untuk mengatasi sebarang kesulitan dalam perlaksanaannya.
  - Berapakah anggaran kos untuk melaksanakannya?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, saya akan menjawab soalan daripada Subang Jaya bersekali dengan soalan no. 82 daripada Bukit Antarabangsa dan 119 daripada Pelabuhan Klang.

Soalan yang dikemukakan oleh Subang Jaya, Subang Jaya bertanya adakah? kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan kemudahan wi-fi percuma di Selangor?. Pastinya jawaban adalah Ya, kerana kerajaan negeri telah merangka pelaksanaan kemudahan wi-fi percuma memandangkan kini, Internet merupakan salah satu keperluan asas seperti mana juga, elektrik, air dan juga telefon, oleh itu kerajaan negeri merasakan adalah wajar kemudahan wi-fi diberikan secara percuma pada kadar minima seperti mana pemberian 20 meter padu air percuma yang telah dilaksanakan selama ini.

Jadi untuk permulaan ianya adalah selari dengan dasar kerajaan negeri supaya ianya mestilah penggunaan Internet ini untuk membolehkan program ataupun dasar pejabat kepada rakyat kerana banyak aplikasi-aplikasi sistem yang telah dibangunkan untuk memudahkan rakyat berhubung dengan kerajaan terutamanya sekali mengenai *touch on line* dan pembayaran cukai *on-line*, semak status tanah *on-line* dan sebagainya, ianya hanya boleh dicapai sekiranya semua orang dapat akses Internet atau menggunakan Internet ini dengan baik.

Oleh itu, kerajaan negeri telah pun menyatakan dasar di mana semua perkhidmatan Internet jalur lebar tanpa wayar ini perlu menjamin beberapa perkara iaitu:-

Pertamanya, di sudut sosial mestilah liputan itu menyeluruh tanpa diskriminasi di dalam penyediaan tempat sama ada di bandar ataupun di luar bandar, begitu juga dari sudut teknologinya kerajaan negeri ingin memberikan perkhidmatan yang memenuhi kualiti di sudut kelajuan, *up-time* dan integriti yang kita kemukakan.

Yang Ketiga, program *wi-fi* ini mestilah mengambil kira alam sekitar iaitu ianya mestilah Lestari di mana ianya termasuk pengawalan pencemaran dan kerosakan yang pemandangan mahupun dari sudut radiasi.

Dan Yang Keempatnya pastinya kita ingin di sudut ekonomi mengagihkan peluang yang sama rata dan mampu milik ataupun dengan izin *adore feasibility* kepada rakyat sekalian dengan adanya perkhidmatan jalur lebar ini ataupun *wi-fi* ini.

Jadi pada April 2010 kerajaan negeri Selangor telah melancarkan 3 fasa:-

Pertama *wi-fi* percuma, perancangan kerajaan negeri adalah lebih banyak lagi projek *wi-fi* dalam tiga bentuk inisiatif, iaitu pelaksanaan ini kita bahagikan kepada 3 :

Pertama, inisiatif kerajaan negeri di mana projek menyediakan *wi-fi* ini telah pun bermula semenjak April, 2010 dan kebanyakannya lokasinya adalah digabungkan antara PBT di dalam Lembah Klang dan juga di luar lembah Klang iaitu di luar bandar. Kerajaan negeri juga telah pada 2011 menyediakan 18 ataupun telah meluluskan 18 lokasi *wi-fi* yang telah dikenal pasti, di mana di antaranya adalah Sekinchan, Bestari Jaya, Kuala Selangor, Klang, Pinggiran Bandar di Shah Alam, Kajang, Kampung Kuantan Klang, Meru, Sabak Bernam, Sungai Burong, Permatang, Sungai Panjang dan Klang Central. Ianya tertumpu kepada kawasan-kawasan tumpuan di mana masyarakat boleh berada di kawasan tersebut menikmati perkhidmatan yang lain di samping dapat akses Internet dengan baik,

dan keduanya, inisiatif kerajaan ialah bila mana kita juga menyarankan supaya inisiatif kerajaan negeri seperti GLC kerajaan negeri seperti PKNS, juga memulakan satu projek yang dinamakan *FTTH* iaitu dengan izin, *Fibre to The Home* di mana projek ini ialah inisiatif PKNS untuk menyediakan *internet fibre* bagi projek perumahan yang bakal dibangunkan;

Dan yang ketiganya, projek ini ataupun *wi-fi* ini boleh disediakan dalam inisiatif daripada pihak swasta di mana ianya merupakan pelaburan pihak swasta yang mana ianya sepertimana yang saya telah saya umumkan sebelum ini iaitu projek *High wine* iaitu projek *Highbrick Willess Nightwork* dan yang terkini yang telah dilancarkan di Taman Medan iaitu *Selangor Public Integrated Services (SPINTS)* yang mana perancangannya untuk melaksanakan *wi-fi* dengan pihak swasta yang telah diadakan.

Untuk makluman Subang Jaya, apakah cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan *wi-fi* ini, pastinya cabaran adalah untuk memastikan pemetaan atau *mapping* yang telah dikenal pasti oleh pihak ICT itu kita ingin memastikan dalam tempoh 5 tahun ini, pencapaian itu dapat diperluaskan oleh itu, cabarannya adalah untuk memperluaskan pencapaian ini perlu di tingkat dan diambil juga oleh pihak PBT untuk menjadikan inisiatif ini adalah inisiatif bersama.

Yang Kedua itu, adalah untuk pastikan faktor kesihatan iaitu seperti ramai yang bimbang isu radiasi contohnya yang selalu menjadi kerisauan penduduk dan sebagainya perlu diperhalusi supaya setiap kali pembinaan infrastruktur *wi-fi* ini disediakan isu ini tidak menjadi kebimbangan kepada rakyat.

Seterusnya kerajaan negeri Selangor juga sekarang ini cuba untuk membuatkan hubungan yang terbaik kerana kita tahu selama ini SKMM ataupun Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia mungkin sedikit kurang penglibatannya di dalam kerajaan negeri tetapi kerajaan negeri Selangor terus berusaha memastikan perkara ini dapat disempurnakan dengan baik, kerana bagi saya program *wi-fi* ini bukan inisiatif kerajaan negeri semata-mata ia adalah tanggungjawab kerajaan persekutuan juga.

Begitu juga kita mesti dari sudut cabaran memastikan reka bentuk infrastruktur *wi-fi* ini mestilah ada *as static value* dan juga moden dan kita tidak mahu seperti sekarang yang mana pencawang ataupun meletak pemancar-pemancar yang kita lihat tidak *environment friendly* ataupun begitu menjolok mata.

Soalan yang ketiga yang ditujukan oleh Subang Jaya apakah anggaran kos yang telah dikeluarkan?, ingin saya nyatakan di sini sebelum membentangkan anggaran kos kerajaan negeri sebenarnya telah pun mengambil inisiatif program pelaksanaan ini kita tidak mahu ia hanya di monopoli oleh beberapa-beberapa syarikat, oleh itu, kita buka peluang kepada banyak syarikat untuk terlibat dan kita lihat di sini dari tahun 2010 seperti berikut

Tahun 2010 pada mulanya kita mengeluarkan perbelanjaan sebanyak 180,000, 2011 telah pun dikeluarkan sebanyak 700,000, 2012 dengan adanya inisiatif daripada pihak swasta pelaburan sebanyak 400,000,000 telah pun ditandatangani dan ianya juga komitmen daripada kerajaan negeri memperuntukkan 5 juta daripada geran Selangorku untuk melaksanakan projek *wi-fi* ini.

Saya juga ingin menjawab bahawa soalan daripada Pelabuhan Klang, satu soalan yang saya rasakan agak *straight forward* apakah? kerajaan negeri mampu, kewangan mencukupi, Insya-Allah kami pasti dengan corak dan pemerintahan dan pentadbiran yang telah pun dikemukakan ataupun ditunjukkan dengan belanjawan yang telah dikemukakan dan peningkatan rizab yang kita ada, insya-Allah kita yakin kerajaan negeri menyediakan dan mampu menyediakan peruntukan kewangan untuk melaksanakan dan projek *wi-fi* ini, sekian Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Masa pertanyaan sudah tamat dan terima kasih dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**TUAN SPEAKER:** Setiausaha Dewan.

#### **IV. USUL**

##### **Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Di Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul menyembah ucapan terima kasih serta Menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Seri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera. Tuan Speaker, saya Ahli Dewan Negeri Selangor bagi kawasan Sri Muda, memohon izin untuk membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:-

Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker, dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah serta Menjunjung Kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Kelima Persidangan Dewan Negeri Selangor yang Kedua Belas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya amat tertarik dengan titah ucapan Baginda Tuanku yang mengingatkan kita semua semalam, Ahli-ahli Dewan Negeri agar semuanya menggunakan dewan yang mulia ini sebagai tempat untuk berbincang, mengemukakan buah fikiran, yang bernalas dan membahaskan perkara-perkara dasar yang membawa kesejahteraan dan kemajuan dan pembangunan kepada rakyat negeri ini tanpa mengira latar belakang politik.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Al-Quran Surah Al-Imran ayat 159 yang bermaksud “*Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan dan apabila kamu telah bersepakat maka serahkan bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menyayangi mereka yang berserah*”

Di dalam usaha memartabatkan rakyat Selangor yang sebelum ini diambil kesempatan oleh UMNO dan Barisan Nasional dalam usaha mencerdikkan rakyat dan memperkasakan ilmu pengetahuan ke arah pemurnian jiwa, pemantapan akhlak dan agama kita dapat lihat dewasa ini terlalu banyak tindakan ala samseng ditunjukkan oleh segelintir pimpinan pembangkang Selangor yang bertopengkan pertubuhan bukan kerajaan. Dalam Surah At-Taubah ayat 27. “*Allah Subhanahu Wataala berfirman yang bermaksud, Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah*

*sama dengan setengahnya yang lain, mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik, dan mereka pula menggenggam tangannya iaitu yang bakhil dan kedekut, mereka telah melupakan yakni tidak menghiraukan perintah Allah, dan Allah juga melupakan dan tidak menghiraukan mereka , sesungguhnya orang-orang munafik itu, mereka adalah orang-orang yang fasik.”*

Tuan Speaker, adalah diharapkan sikap buruk seperti mencerobohi majlis ataupun program lawan politik dihentikan serta merta kerana ia jelas satu perbuatan yang sengaja diada-adakan sebagai salah satu usaha mencari nafas politik yang semakin sempit, kita tidak mahu perbuatan samseng seperti yang berlaku di negara Taiwan di negara-negara luar di bawa ke dewan ini semata-mata untuk mencari secebis keuntungan politik.

Pengasas negara India, Mahatma Ghandi pernah berkata, ‘kemarahan dan dendki adalah lawan bagi persefahaman’. Sementara Profesor Ruffles Johns, penulis buku Amerika pada tahun 1900 mengatakan bahawa negara bukan terdiri daripada samseng. Ia dibentuk daripada mereka yang cerdik. Maka adalah penting bagi kita mendidik rakyat di negeri Selangor khususnya golongan muda agar berpendidikan, berpengetahuan dan berilmu supaya dapat menahan sifat amarah, sifat dendki, sifat samseng, sifat munafik yang akhirnya akan merugikan semua rakyat zaman berzaman. Sifat perkauman lebih-lebih lagi sifat perkauman melampau sehingga mencetuskan pertengkaran, pertelingkahan dan pergaduhan hanya boleh diselesaikan dengan pendidikan berterusan dengan ilmu dan penghayatan agama yang mendalam. Martin Dute King Junior, pelopor gerakan hak civil Amerika pernah menyatakan dalam ucapan agungnya di Memorial Lincoln. Beliau mengatakan, saya mempunyai sebuah mimpi yang keempat-empat anak saya akan pada suatu hari nanti hidup di dalam sebuah negara di mana mereka tidak akan diadili berdasarkan warna kulit mereka tetapi mereka diadili dengan isi perwatakan mereka. Justeru itu dan mengambil iktibar daripada titah ucapan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam, saya menyeru rakan-rakan saya di pihak pembangkang Selangor agar menghentikan sokongan terhadap parti pelampau yang samseng dan sama-sama kita perangi mereka yang menggunakan hujah kemuliaan mana-mana kaum agar impian dan juga cita-cita Baginda Tuanku Sultan yang mahukan negeri ini aman sejahtera menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Diam tidak diam bulan Mac tahun 2012 ini menandakan sudah genap 4 tahun pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat menerajui perubahan di negeri Selangor. Memasuki fasa awal tahun kelima, kita sedari pelbagai program telah dilaksanakan dengan jayanya dengan matlamat yang amat murni iaitu mengembalikan semula semua hasil negeri kepada rakyat negeri ini. Pernah pada suatu ketika segala

khazanah dan hasil negeri dianggap hanya milik parti politik bernama Barisan Nasional dan UMNO dan rakan-rakan dalam Barisan Nasional semata-mata. Tetapi hari ini semua hasil negeri dikongsi bersama rakyat bak kata pepatah Melayu, ‘Hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah.’ Rakyat Selangor secara khasnya dan rakyat Malaysia amnya dapat mengenali program-program rakyat yang digubah dan dilaksanakan Kerajaan Pakatan Rakyat yang pelbagai. Dengan nama yang singkat dan bergaya, ia menarik perhatian rakyat dan menjadikan mereka tidak sabar untuk melihat inisiatif kerajaan negeri seterusnya setelah agak selesa menikmati pulangan dalam tempoh 4 tahun terakhir ini. Minat terhadap program berteraskan rakyat sampai sehingga ke pagar Putrajaya. Apabila rakyat melihat kerajaan pusat mula meniru dan melancarkan Program Mesra Rakyat mereka, sayang sekali rakyat Selangor kini sudah bijak. Mereka mengetahui siapa yang menjadi pencetus pembaharuan dan siapa pula yang meniru akibat ketandusan idea-idea baru. Kesalan kita hanyalah satu, iaitu wang jutaan ringgit yang digunakan oleh UMNO dan Barisan Nasional bagi membina istana kayangan, percutian haram di luar negeri dan penyalahgunaan dana rakyat sepatutnya disalurkan kepada rakyat Selangor dan mereka sepatutnya menikmati kekayaan negeri jauh lebih awal lagi sebelum hadirnya Kerajaan Pakatan Rakyat. Kini rakyat dapat merasa dan mereka mahukan lebih lagi didorong oleh kesedaran bahawa kekayaan negeri tidak wajar hanya berlegar di kalangan doktor-doktor gigi yang tidak amanah dan makhluk perosak yang bercita-cita tinggi namun kelabu matanya oleh wang ringgit dan jawatan besar. Kuang dengar baik-baik. Saya juga ingin mengucapkan takziah kepada pimpinan pembangkang Selangor yang termengah-mengah mencuba sedaya upaya untuk memburuk-burukkan prestasi dan pencapaian Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Namun kenyataan dan kebenaran mengatasi segala-galanya. Sesungguhnya telah nyata kebenaran daripada kesesatan. Walau bagaimana diguna sekali pun media masa, walau bagaimana diguna ceramah kosong, walau diguna apa pun juga termasuk mengupah unit media baru yang dibayar ribuan ringgit, hakikatnya Selangor telah bertambah makmur dengan lebih daripada RM600 juta hasil dari keuntungan negeri di salurkan terus kepada rakyat yang memerlukan. Tanpa perlu melalui tapisan kroni dan suku sakat yang sekiranya RM10 juta diperuntukkan oleh Kerajaan terdahulu diyakini hanya sekitar 30% yang sampai. Itu pun dah kira berasib baik.

Kalau hendak tanya boleh Kuang bangun aje. Ya, Batang Kali. Dan baki daripada 30% yang sampai itu pun tidak diberi terus dan dirompak pula atas nama dana pembangunan.

Tuan Speaker,

Saya amat menjunjung kasih di atas keprihatinan Baginda Tuanku yang mengambil maklum tentang prestasi Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Yang dapat menggandakan pendapatan kerajaan negeri. Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini sekali gus

menyanggah tuduhan pembangkang yang sering mencari helah memburukkan Kumpulan Semesta atau pun Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Justeru itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar Selangor di atas pengawasan dan juga pengurusan yang dapat menaikkan pendapatan dan hasil negeri. Hasil peningkatan yang konsisten, royalti pasir menandakan sistem yang diguna ini berfungsi dengan baik. Peningkatan pendapatan yang memecahkan rekod selama ini adalah natijah daripada pentadbiran telus yang baik tentunya tanpa penglibatan rasuah, tanpa kroni dan juga tanpa *korupsi*. Menjadi prinsip dan amalan ketelusan. Jika wang diluluskan untuk projek perternakan lembu, maka lembulah yang akan dibeli dan diusahakan dan bukannya dibeli penginapan kondo-kondo mewah. Peningkatan berterusan hasil bumi yang bukan menjadi rahsia lagi yang dahulunya dirompak pimpinan-pimpinan UMNO kini kembali ke tangan rakyat. Royalti yang dibayar ketara meningkat membuatkan pimpinan UMNO berasa tercabar dan tembelang mereka selama ini yang mendalangi rompakan hasil ini tidak dapat disembunyikan lagi daripada pengetahuan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya ingin ulangi apa yang sudah menjadi bahan sejarah penting. Pendapatan royalti 3 tahun daripada tahun 2005 sehingga tahun 2007 yang dipetik melalui titah ucapan semalam. Semasa zaman pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, hanyalah berjumlah sekitar RM12.51 juta berbanding zaman pemerintahan Pakatan Rakyat. Untuk tempoh 3 tahun yang sama, bermula daripada tahun 2009 sehingga ke tahun 2011 berjumlah RM32.5 juta.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Tuan Speaker, saya mohon penjelasan. Terima kasih. Saya setuju apa yang *you* baca tu tapi *you* takukah, Y.B. takukah berapa keluasan, berapa keluasan tanah yang digunakan untuk dikeluarkan pasir pada tahun pemerintahan Barisan Nasional dibandingkan dengan tahun sekarang ini? Kita jangan tengok soal jumlah wang itu tapi lihat bagaimana keadaan di Selangor hari ini bukan sahaja berlubang. Depan lubang, belakang lubang semuanya dah berlubang sekarang. Tahu kah? Sila sebutkan kepada saya berapa keluasan ketika BN memerintah dan berapa keluasan ketika ini yang dijalankan oleh KSSB ini?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Batang Kali. Saya tidak terkejut kerana di kawasan Batang Kali, Hulu Selangor merupakan kawasan yang banyak lompong, lama sebelum Kerajaan Pakatan Rakyat ambil alih kerajaan negeri lagi.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Itu lombong apa? Tahukah bukan lombong pasir? Dah tengokkah?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Belum jawab lagi.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Dah tengokkah? Saya tanya. Ada tengok tak? Saya tanya ada tengok tak?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Duduk dulu...

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Saya tanya ada tengokkah lombong-lombong tersebut? Jangan suka sebut-sebut aje. Ada fakta kah?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Duduk dulu saya jawab.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** You cakap tadi titah Tuanku..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali, saya minta duduk.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Batang Kali kenapa terasa sangat? Saya hendak baca ini. Fakta ini ada.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali..

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Speaker, saya hendak bagi tahu dia..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Fakta ini ada Yang berhormat..

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Bukan, saya tak nak dengar fakta. You cakap

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali saya minta duduk. Dewan ini memang diberi peluang kepada semua Yang Berhormat untuk berbahas. Ambil giliran dan patuh kepada Peraturan Tetap. Saya minta Batang Kali duduk dulu, duduk dulu. Yang Berhormat Batang Kali akan diberi ruang.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Saya hendak beritahu dia betulkan ayat..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali, saya tak perlu ulangi. Ingat pesanan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Berbahas bersopan jangan emosi. Sila duduk

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Speaker berat sebelah.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Batang Kali tarik balik kenyataan tersebut. Saya minta Batang Kali..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Kenapa marah sangat? Macam makan cili aje.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kita ada peraturan Batang Kali. Sila duduk, sila duduk, sila duduk. Batang Kali, saya belum habis cakap. Duduk.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Yang Berhormat...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk dulu.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Batang Kali, saya dah bagi laluan. Bagi ruang untuk saya menjawab. Batang Kali duduk. Bagi ruang untuk saya menjawab. Saya dah bagi

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Batang Kali, saya dah bagi laluan. Bagi ruang untuk saya menjawab. Batang Kali duduk. Bagi ruang untuk saya menjawab. Saya dah bagi

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kalau begitu dengar apa Speaker, Pengurus nak bercakap. Sila duduk dulu. Duduk. Saya minta Batang Kali duduk. Ini ruang untuk Sri Muda membentangkan cadangan usul beliau.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya ingin teruskan. Biasalah, Kuang, Batang Kali kawasan ini banyak sangat lompong. Mereka prihatin, saya setuju. Tapi lompong itu lama dah sebelum Kerajaan Pakatan Rakyat ambil pun dah lompong penuh. Ini kenyataan. Baik saya nak teruskan ucapan saya. Ada iklan daripada Batang Kali.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker,

**Y.B. TUAN MOHD, ISA BIN ABU KASIM:** Speaker, penjelasan Speaker.

Speaker, penjelasan

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya dah tak bagi dah. Bagilah saya habiskan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda tidak beri kebenaran.

**Y.B. TUAN MOHD, ISA BIN ABU KASIM:** Jawablah, lombong apa tadi?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Nak ceritalah ni, duduk dulu.

**Y.B. TUAN MOHD, ISA BIN ABU KASIM:** Nak cerita apa?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Duduk dulu.

**Y.B. TUAN MOHD, ISA BIN ABU KASIM:** Nak tanya *shot* baru ke?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Itu tuduhan jahat tu. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya ingin mengulangi balik ayat yang tergantung tadi. Pendapatan royalti untuk 3 tahun dari tahun 2005 sehingga 2007 di zaman pemerintahan Barisan Nasional hanyalah berjumlah sekitar RM12.51 juta berbanding semasa zaman pentadbiran Pakatan Rakyat untuk tempoh 3 tahun yang sama bermula dari 2009 sehingga ke tahun 2011 berjumlah RM32.5 juta. Persoalannya, ke mana pergi pasir royalti berjumlah RM19.9 juta sebelum ini?

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Timbalan Speaker, boleh minta penjelasan? Minta laluan?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ia, silakan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Seri Serdang.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Terima kasih. Sahabat saya DUN Sri Muda. Cuma saya hendak bertanya perasan tak Yang Berhormat Sri Muda ini ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dalam Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia sendiri. Dia kata hasil pasir ini akan dikutip sebanyak RM150 juta satu tahun, RM150 juta setahun. Persoalannya di sini, apakah RM150 juta setahun kalau sekarang ini yang disebutkan tadi 3 tahun bermakna sudah berapa ratus juta? RM450 juta. Ini baru dapat *collect* berapa 3 tahun tadi tu? Jadi di mana ni? Di mana kebenarannya di sini? Kerana telah dinyatakan kita semasa di dalam Barisan Nasional pasir ini bukan merupakan satu pendapatan yang utama bagi kerajaan negeri tetapi nampaknya di bawah kerajaan yang ada sekarang ini macam pasir ini macam jadi satu industri. Apa muslihat sebenarnya? Sedangkan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar RM150 juta setahun pun tak dapat. Jadi jangan seolah-olah kononnya, ini yang saya sebutkan tadi berapa keluasan selama 3 tahun? Selama kita memerintah

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Berhormat, saya akan menjawab. Terima kasih, saya akan jawab. Terima kasih Seri Serdang. Seri Serdang dan juga rakan-rakan pembangkang ini saya rasa ketinggalan zaman agaknya. Sebab kita mempunyai fakta. Saya akan baca, sabar sekejap. Saya akan susul, saya akan beri fakta, banyak fakta yang ada termasuklah fakta syarikat mana yang dapat semasa zaman UMNO dulu pun kita ada. Kalau nak bongkar, kita boleh bongkarkan semua.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Persoalannya sekarang ialah janji. Janji yang telah diutarakan sebanyak RM150 juta.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya belum jawab lagi

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya nak itu aje. Bukan soal

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ia, saya nak jawab ni.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** RM150 juta satu tahun.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Baik saya nak beritahu Yang Berhormat

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Di depan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya jawab.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang. Beri peluang Sri Muda jawab dulu soalan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Baik terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker dan juga Seri Serdang, Kuang, Batang Kali. Soalan itu, ya saya masih ingat kalau hendak dijawab tentang soalan itu saya tidak menafikan bahawa unjuran kita ialah untuk mendapatkan pendapatan royalti hasil bahan batuan. Hasil bahan batuan ini bukan pasir semata-mata. Bahan batuan ini merangkumi semua hasil-hasil sumber tanah dan juga sumber alam kerajaan negeri yang merangkumi semua. Yang dimaksudkan oleh Dato' Menteri Besar ialah apabila pengurusan ini dijalankan dengan baik, dengan sistematik, terkawal, unjuran pendapatan boleh mencecah RM150 juta setahun. Kalau dipanggil unjuran, itu ialah satu angka

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ia, faham. Tetapi yang disebutkan ialah pengeluaran pasir. Dia tidak sebut bahan batuan. Pengeluaran pasir.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Yang Berhormat Seri Serdang,

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Pengeluaran pasir sebanyak RM150 juta satu tahun.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ia, Yang Berhormat biar saya

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Bukan soal unjuran, bukan soalan unjuran.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya tak cerita habis lagi ni. Dengar, habis saya cerita, baru tanya lain.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Dan dia sebut secara spesifik. RM150 juta setahun hasil kutipan pasir.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Seri Serdang. Saya akan jawab. Akan sampai perkara itu sebentar lagi. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Persoalannya ke mana pergi hasil berjumlah sekitar RM19.9 juta sebelum ini? Sedangkan jumlah pengeluaran zaman Pakatan Rakyat jauh berkurangan

berbanding dengan zaman pemerintahan kerajaan Barisan Nasional. Ke mana pergi hasil ini

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Minta laluan Puan Timbalan Speaker, minta laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda beri laluan?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya tak bagi laluan. Saya nak jawab habis dulu.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Nak minta laluan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang harap bersabar ya?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ini platform saya, saya tak bagi laluan biar saya baca habis dulu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang nanti boleh ruang diberikan. Saya akan beri Seri Serdang untuk bahas ini.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Betullah, tapi saya minta laluan supaya saya juga

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Seri Serdang, saya tak bagi laluan. Bagi ruang untuk jawab satu persatu. Nak jawablah ni. Nak jawab ni, nak jawab. Kalau tak bagi ruang untuk jawab macam mana? Boleh sabar sekejap? Boleh tak ada masalah. Sedangkan jumlah pengeluaran zaman Pakatan Rakyat jauh berkurangan berbanding dengan zaman pemerintahan kerajaan Barisan Nasional. Ke mana pergi hasil ini disorok dan disimpan? Saya yakin rakyat sudah ada jawapannya. Pendapatan tadi yang saya sebutkan tadi itu belum dikira hasil keuntungan perniagaan oleh Syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Yang diamanahkan mengurus secara sistematik pengeluaran pasir di negeri Selangor. Sebelum ini tidak ada pengurusan yang sistematik. Sebelum ini yang adalah dua, tiga buah syarikat yang dilantik dan salah satu syarikat utama yang dilantik menguruskan pengeluaran ini bernama Kunci Produktif. Saya hendak sebutkan. Pengeluaran sejak tahun 2008 bermula 15 September sehingga Disember tahun 2011 merekodkan jumlah kuantiti jualan sebanyak RM15,909,396.00 metrik tan dan pendapatan sebelum cukai sebanyak RM181,567,481.00. Amat pelik. Kenapa bukti ini enggan diterima oleh kepimpinan UMNO Negeri Selangor? Bahkan semakin suka memfitnah dan menjadi seperti ayam jantan yang berk Kokok kuat tetapi ekor bergelumang dengan najis.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Timbalan Speaker, saya minta laluan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Minta laluan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Silakan Seri Serdang.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Soal pasir ni. Di bawah kerajaan Barisan Nasional bukanlah sebagai satu yang utama, yang hendak diurus. Itu sebabnya diletakkan di bawah Pejabat Tanah dan Galian untuk mengurus. Tetapi yang saya pelik semenjak kerajaan yang ada sekarang ini, dia tubuh satu syarikat seolah-olah agenda pasir ini lebih utama. Itu yang menjadi persoalan mungkin juga kepada rakyat. Dan saya rasa banyak, ramai yang dah tahu dah semenjak kerajaan ini mengurus pasir yang dulu tak ada kawasan jadi lombong, hari ini boleh jadi lombong. Yang juga sedikit sebanyak menimbulkan kemarahan kepada rakyat. Tebing sungai pun runtuh. Bila pengorekan tidak ada kawalan. Cuba bayangkan dikorek hari ini, bila hendak dibangunkan di masa akan datang sudah barang tentu juga akan menimbulkan kos yang tinggi juga kerana penimbusan. Itu semua tak diambil kira. Itu sebabnya bila nak tuduh tu biar ada, orang kata cara. Bukan sewenang-wenangnya seolah-olah kerajaan Barisan Nasional ini juga tidak bertanggungjawab sehingga Selangor boleh maju 2005 lebih awal daripada negeri-negeri yang lain.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Seri Serdang. Saya ingin mengolah dan mengulas lanjut berkenaan dengan apa yang disebut oleh Seri Serdang. Kalau kita lihat kepada rekod pentadbiran zaman kerajaan di bawah doktor gigi dahulu. Saya ingin sebutkan bahawa pengurusan di bawah itu caca marba. Pengurusan dan juga rekod dokumentasi langsung tidak wujud. Langsung tidak ada penyata-penyata yang jelas. Bahkan doket yang diguna pakai di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah pada waktu itu diguna berulang, ulang, ulang kali Yang Berhormat Seri Serdang. Dan ini mengurangkan pendapatan kepada hasil negeri. Bagi saya habis dulu. Bagi saya habis dulu. Dan kalau dilihat kepada rekod, kepada Kumpulan Semesta, Kumpulan Semesta sendiri pun untuk makluman Yang Berhormat mendapatkan permit kelulusan ini melalui kelulusan yang diberikan oleh Pejabat Tanah dan Daerah. Dia bukan keluarkan permit itu kelulusan kepada diri sendiri, tak ada. Dia mohon kepada Pejabat Tanah dan Daerah dan dikawal selia oleh 7, 8 agensi kerajaan negeri. Ada Lembaga Urus Air Selangor. Kumpulan Semesta pernah di saman oleh Lembaga Urus. Pernah juga ditegur oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Pernah terlibat juga

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Timbalan Speaker.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Belum habis lagi, minta laluan dulu

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Timbalan Speaker

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta bersabar dahulu. Biar dia habis, jelaskan Seri Serdang boleh mencelah.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tak, dia sekarang faham tak apa dia perlu jelaskan apa yang saya maksudkan?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya tak bagi laluan, biar saya habis dulu satu persatu.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Apa yang kita maksudkan itu kena faham. Semasa Barisan Nasional dulu itu bukanlah hasil yang paling utama.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tuan Speaker, saya tidak bagi laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang. Kalau Ahli Yang Berhormat tidak mematuhi Peraturan Tetap, tidak menghormati Pengurus yang duduk di depan sini, tiada guna kita membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan rakyat di dalam Dewan ini. Jadi saya mohon semua Ahli Yang Berhormat mematuhi Peraturan Tetap yang kita telah putuskan di dalam Dewan ini. Kalau ingin mencelah, mohon keizinan dulu kepada yang sedang membentang atau membahas. Saya harap Ketua Pembangkang boleh faham. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya ingin meneruskan ucapan saya dan ingin menasihatkan kepada kepimpinan UMNO dan juga Barisan Nasional dan Pembangkang negeri Selangor terimalah kenyataan bahawa Barisan Nasional tidak pandai mengurus dan tidak pantai mentadbir negeri, sebaliknya hanya bijak menghabiskan duit rakyat semata-mata. Itu kenyataan. Justeru itu saya ingin menyarankan oleh kerana terdapat pertanyaan-pertanyaan daripada rakan-rakan kita, pembangkang Selangor, Wakil-wakil Rakyat daripada Barisan Nasional. Saya ingin menyarankan agar kerajaan negeri Selangor memberi peluang kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional duduk dan belajar di Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. selaku Ahli Lembaga Pengarah supaya mereka dapat fahami prinsip perakaunan dan kira-kira kewangan. Mereka yang bising seperti Kuang, Batang Kali, Seri Serdang, Jeram kalau berminat boleh sahaja mungkin boleh dipertimbangkan untuk masuk ke dalam Syarikat Kumpulan Semesta. Kita tidak takut kerana kita telus. Tidak ada apa yang perlu ditakutkan. Kuang kalau hendak tanya dipersilakan Kuang. Jangan sekadar cakap tunjuk-tunjuk macam tu. Ini Sidang Dewan Negeri. Saya jemput silakan kalau ada perkataan hendak dikemukakan. Kalau berani, ayuh. Kemukakan sekarang.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS:** Speaker, mohon penjelasan, saya nak tanya hebat mana sangat Pakatan Rakyat memerintah Selangor empat tahun ni. Yang saya tahu sebelas ringgit air sampai nak bankrap KDEB dan empat tahun korek pasir aje. Boleh apa, buat apa. Namakan sebatang jalan buat atas nama PKR ataupun atas nama Pakatan Rakyat. Sebatang jalan Selangor katakan Shah Alam ke

Kuang contohnya. Yang saya tahu empat tahun korek pasir jual tanah jual harta jual aset anak syarikat, itu aje saya tahu..

**Y.B. TUAN SHUHAIMI SHAFEI:** Terima kasih Kuang. Yang saya tahu jual tanah tu Sri Serdang, bukan kerajaan negeri. Yang jual tanah itu Tanjung Karang, bukan kita. Ini kenyataan ini rekod yang ditunjukkan. Jadi kalau nak tanya Kuang periksa dulu fakta supaya tak kena kawan sendiri. Tiba masa saya akan buktikan tanah-tanah yang dijual. Okey, kalau begitu tanya orang yang bahas pasal tanah, saya bahas tentang pasir.

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM:** Puan Speaker, Puan Speaker

**PUAN SPEAKER:** Sri Muda, Sekinchan ingin mencelah

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker, Y.B. Sri Muda saya nak tanya tadi, sebentar tadi Y.B. menyebut ada Ketua Pembangkang jual tanah, boleh ceritakan sikit, saya tak faham sangatlah, samar-samarlah sikit. Boleh perincikan macam mana dia jual tanah, saya ni tak ada tanah tapi nak tahu macam mana orang jual tanah minatlah juga.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI SHAFEI:** Terima kasih Sri Serdang, terima kasih Sekinchan. Saya tidak berniat untuk memalukan orang eloklah ditanyakan kepada orang yang terlibat.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Puan Speaker, saya nak mencelah, sikit je Pn. Speaker.....

**PUAN SPEAKER:** Sri Muda, Batang Kali nak mencelah, boleh Sri Muda.....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI:** Silakan

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Y.B. Sri Muda jawab bagi penjelasan yang Sekinchan minta. Saya pun nak dengar juga di mana tanah yang dijual oleh yang disebut-sebutkan tadi jangan sebagai memburuk-burukkan sahaja rakan-rakan kita, beritahu...beritahu dengan Dewan, Dewan ni dewan mulia. Kalau setakat nak buat fitnah tak payah. Buang masa je. Dia cakap menghormati Ke Bawah Duli, tapi cakap apa ni silakan, .silakan....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI:** Batang Kali, hari ni Batang Kali aktif, biasa diam....tunduk membisu.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya kena....saya kena buang Dewan Perhimpunan yang lalu tau jangan menghina orang.....

**PUAN SPEAKER:** Jangan emosi jangan emosi sila kita teruskan...

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Jangan menghina memperkecilkan orang tak baik, kita bukan baik sangat takkan dah bergaya sikit jadi Ahli Lembaga KSSB sudah sompong, tak baik nanti Allah murka jawab soalan saya jawab soalan, jangan mencekeh jangan buang masa Speaker saya nak dia menjawab soalan....

**PUAN SPEAKER:** Ya beri peluang kepada dia untuk menjawab

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Bagi peluang, bagi peluang tapi bila dia bangun dia cakap yang bukan-bukan .....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI:** Itu hak saya sama ada nak menjawab ataupun tidak, jadi ikut peraturan Dewan Batang Kali. Puan Timbalan Speaker perlu diingatkan bahawa corak Pentadbiran yang menitik beratkan kompetensi, *Accountability* dan juga *Transparency* telah menjadikan.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Speaker saya mohon kalau *you* tak nak jawab soalan yang *you* kata tadi orang tu jual tanah orang ni jual tanah tolong tarik balik kata-kata tersebut. Kata siapa jual tanah tadi Satim, Sg. Burong kalau *you* tak nak jawab soalan itu tarik balik tuduhan itu. Saya mohon Speaker minta dia tarik balik.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI:** Terima kasih banyak-banyak Batang Kali, saya tak tarik balik sebab saya tak tuduh apa-apa.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Sekinchan yang bersetuju tadi.....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI:** Sekinchan yang bertanya, bukan saya,

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Eh...kita belum pekaklah Shuhaimi, Sementa eh minta maaf Sri Muda, kita belum pekak lagi tau.....

**PUAN SPEAKER:** Batang Kali.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya nak tanya speaker ada tak dia membuat tuduhan tadi, orang ini menjual tanah, orang itu menjual tanah ada tak saya nak tanya, Speaker pekak ke ....

**PUAN SPEAKER:** Saya dengar Sekinchan minta Sri Muda.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Sebelum Sekinchan buat penjelasan dia ada cakap, itu pasal Sekinchan bangun.....

**PUAN SPEAKER:** Huraikan, huraikan.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya minta dia tarik balik tuduhan itu tuduhan prasangka buruk tu.....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI:** Nak tuduh saya tu tengok peraturan berapa

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya bertanya speaker, itu hak speaker, hai nak jadi speaker ke.....

**PUAN SPEAKER:** Batang Kali saya fahamlah kali ni sidang mungkin sidang yang terakhir sebelum pilihan raya....sila duduk....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Tahu tak pe....sidang terakhir bagi puan speaker jadi speaker....

**PUAN SPEAKER:** Sila duduk, sila duduk.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Tak, saya minta dia tarik dulu

**PUAN SPEAKER:** Semua Ahli-ahli yang berhormat semua teruja dalam sidang kali ini, bagus, ini satu perkembangan yang sangat baik.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya nak dia tarik dulu speaker sebelum dia sambung speaker. Gunakan speaker kuasa speaker, inilah peluang terakhir speaker gunakan kuasa speaker.

**PUAN SPEAKER:** Ini siapa yang mengajar siapa ni...Diminta batang kali duduk segera.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya mohon speaker minta dia tarik tuduhan tadi terhadap rakan-rakan saya

**PUAN SPEAKER:** Sila duduk....teruskan Sri Muda...

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI:** Terima kasih, Puan Timbalan Speaker, macam ada *share* saja antara Batang Kali dengan Sri Serdang.

**PUAN SPEAKER:** Teruskan....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Tengok Speaker, dia bersangka buruk lagi Speaker, tengok Speaker....

**PUAN SPEAKER:** Janganlah terasa.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Dia bersangka buruk speaker, bukan terasa, saya tegak lagi di sini. Dia bersangka buruk terhadap saya Speaker....

**PUAN SPEAKER:** Saya dengar tak ada, kenyataan dia tu sangat umum.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Dia cakap ada share tak tahu saya samada saya ada share ataupun dia speaker...

**PUAN SPEAKER:** Jangan terasa jangan terasa

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya minta dia tarik balik tuduhan tadi Speaker....Speaker....tarik balik tuduhan tadi Speaker.....Tuan Speaker, berlaku adil Speaker....dia buat tuduhan .....

**PUAN SPEAKER:** Terlampau riuh sangat saya tak dengar apa yang dibincangkan.....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Masya-Allah Speaker, satu Dewan dengar, Speaker buat apa dia tuduh saya jual tanah Speaker.....

**PUAN SPEAKER:** Minta semua duduk.....duduk semua....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Dia tuduh rakan saya jual tanah Speaker, saya minta.....penjelasan

**PUAN SPEAKER:** Batang Kali.....ini kali terakhir saya minta berhenti

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya tak kira, saya minta dia mohon maaf dan tarik balik....

**PUAN SPEAKER:** Saya minta Batang Kali duduk .....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya tak peduli, minta dia tarik balik tuduhan kalau tidak berikan penjelasan

**PUAN SPEAKER:** Jangan sehingga saya menggunakan peraturan .....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya tak kira Speaker saya tak puas hati tuduhan tadi dia tak jawab (terus bertegang lidah).....

**PUAN SPEAKER:** Saya ingin bacakan Peraturan 44 (1) Pengurus setelah menarik perhatian....

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Itulah kerja buang orang, buang orang tak ada kerja lain ke.....

**PUAN SPEAKER:** Pada kelakuan seorang ahli yang degil menyebutkan hujahnya di sini dalam sesuatu perbahasan memerintahkan ahli ni berhenti bercakap, saya menangguhkan Ahli Y.B. daripada Batang Kali untuk Sidang ini.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Apa ni Speaker! ( menjerit )

**PUAN SPEAKER:** Duduk.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Siapa Speaker, dia ke (menjerit )

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI SHAFEI:** Y.B. Puan Speaker.....

**PUAN SPEAKER:** Saya memberi peluang kepada semua, tunggu dulu Sri Muda, Dewan ini memang untuk semua Ahli Yang Berhormat berbahas, semua akan diberi peluang. Saya kesal dengan sikap yang ditunjukkan pada hari ini oleh semua ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak langsung menghormati Dewan ini. Jelas dalam Peraturan Tetap di sini. Duduk. Inikah contoh yang kita nak pamerkan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Negeri Selangor. Sidang ini disaksikan oleh rakyat yang kita wakili. Tunjuk anda punya kewibawaan. Saya minta Sri Muda Teruskan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS:** Speaker, saya ingin menarik Peraturan 36(6) Speaker. Ini demi membagikan kewajaran kepada semua pihak. Kalau kita mengeluarkan isu-isu yang boleh menimbulkan tadi tuduhan jahat, sangkaan jahat, ini yang menyebabkan jadi kecoh kat Dewan ini. Jadi itulah kalau boleh perkara-perkara sangkaan jahat ini jangan ditimbulkan ya....dan kalau boleh tarik baliklah ya jangan timbulkan sampai menuduh macam tadi ada *share jual tanah*. Ini tuduhan sangkaan jahat belum tentu betul. Jadi bila berlaku macam ini kan yang ini yang jadi timbul, kalau ada provokasi tentulah ada tindak balas balik. Yang ini meninggalkan Dewan tu kecoh.....

**PUAN SPEAKER:** Baik itu amaran kepada semua. Selepas ini semua Ahli Yang Berhormat ya kalau ingin berbahas mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Teruskan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI SHAFEI:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, saya ingin teruskan ucapan saya. Perlu diingatkan bahawa corak pentadbiran yang menitikberatkan kompetensi, akauntabiliti dan transparensi telah menjadikan negeri Selangor sebagai tarikan kepada pelaburan langsung luar negeri atau "*Foreign Direct Investment*" atau FDI dengan izin. Tinjauan oleh Media bebas yang bukan ditapis dan diolah oleh unit Media Baru UMNO menunjukkan bahawa FDI hanya akan berlaku apabila injin kerajaan dikelola dan ditadbir dengan efisien tanpa rasuah dan birokrasi melampau. Program kerajaan pusat di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia *My Second Home* ataupun MM2H sebagai contoh gagal menarik pelaburan apabila bakal peserta dikatakan jijik dan muak dengan iklim perkauman yang tebal. Kekangan terhadap media tidak telus dan ketirisan melampau dan bukannya ia gagal disebabkan oleh perhimpunan masa seperti yang didakwa. Perkara ini turut disepakati oleh pertubuhan bernama Associated Chinese Chambers of Commerce And Industry of Malaysia ataupun ACCIM. Pelik juga apabila kita melihat negeri yang lebih banyak demo dan perhimpunan mampu menarik lebih ramai warga negara asing untuk menjadi warganegara angkat sepertimana yang banyak berlaku di negara Thailand dan juga Indonesia. Salah satu kejayaan kerajaan Pakatan Rakyat adalah apabila melihat kesediaan kerajaan negeri untuk merujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk apa juga aduan mengenai sebarang tuduhan-tuduhan liar. Inilah

keberanian kerajaan negeri. Berani kerana benar, takut kerana salah. Wajar dilihat secara mendalam akan intipati maksud yang tersirat. Janganlah kita harap perkara untuk rujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini boleh berlaku sekiranya Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional masih berkuasa. Jika difikirkan kembali kemungkinan lebih banyak lawatan ke Disneyland dibuat dan mesyuarat teknikal diadakan sementara menaiki *roller coaster* bersama keluarga sekiranya UMNO dan Barisan Nasional masih berkuasa di Selangor. Kepada agen pembangkang di Selangor saya memang setuju benar Selangor perlu diselamatkan. Selangor perlu diselamatkan bukan daripada Pakatan Rakyat tetapi amat perlu diselamatkan daripada UMNO dan Barisan Nasional yang merasakan wang rakyat adalah hak mereka anak beranak. Bayangkan bagaimana pinjaman RM250 juta diberi kepada keluarga kroni yang kaya raya hanya dikenakan *interest* sebanyak 2% sedangkan rakyat yang kesempitan hidup mesti membayar 6.5% jika berhajat memiliki rumah yang hanya bernilai RM42,000.00 pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di kawasan yang pernah diwakili oleh menteri yang terlibat. Inikah contoh rakyat didahulukan. Ya, benar, rakyat susah didahulukan untuk disembelih berbanding dengan lembu yang tinggal di kondominium. Tidak seperti di negeri Selangor ini, dari tahun pertama hingga sudah masuk tahun yang kelima, kini terdapat lebih kurang 20 program Merakyatkan Ekonomi Selangor yang tidak perlu dipertikaikan lagi perancangan dan keberkesanannya. Program-program seumpama ini merapatkan rakyat bersatu dengan negeri dan melahirkan konsep Selangorku. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan negeri agar konsep ini terus diperhebat dan diperancakkan dan segala aspek kelemahan dikaji dan diperbaiki kerana kemajuan berterusan ataupun *continuous improvement* dengan izin akan menghasilkan proses yang maju dan lancar. Pengasas Hotel Hilton antarabangsa, Mr. Conrad Hilton pernah menyatakan, Conrad Hilton ini adalah datuk ya untuk maklumat Kuang, dah tiada dah. Adalah datuk kepada Paris Hilton, menyatakan kejayaan terikat dengan tindakan. Mereka yang berjaya tegal bergerak maju. Mereka mungkin melakukan kesilapan tetapi mereka tidak pernah mengaku kalah. Begitu juga dengan program-program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor, mesti dikaji kelemahan yang ada dan dibaiki lagi supaya matlamat sebenar akan tercapai. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, sudah lebih 50 tahun berlalu apabila Dewan Negeri dimulakan dan rakyat pada hari ini masih terus menuntut dan akan berterusan menuntut agar semua perkara yang melibatkan kebajikan serta kehidupan mereka dipertingkatkan dari masa ke semasa. Justeru itu setelah melalui zaman peralihan selama 4 tahun ini rakyat mula bertanya bilakah sistem penyampaian lama yang penuh birokrasi berlebihan akan digantikan dengan satu sistem penyampaian yang lebih mesra bersesuaian dengan slogan kerajaan negeri yang menitikberatkan Selangor sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan. Sudah lama rakyat merungut tentang kelemahan tindakan yang ada di beberapa jabatan dan agensi kerajaan seperti di pejabat tanah dan daerah, pejabat pihak berkuasa tempatan yang bertaraf bandar raya, perbandaran ataupun majlis daerah, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Zakat, Jabatan Pengairan dan Saliran dan sebagainya. Masa menunggu yang panjang, aduan yang berulang-ulang kali, rayuan yang tidak diberikan perhatian segera, pembaikan dan permintaan infrastruktur yang bagaikan menanti buah yang tidak gugur dan seribu satu macam permasalahan rakyat yang saban hari kian bertambah serta tidak diselesaikan. Rungutan yang berpanjangan ini

juga lah sebenarnya merupakan salah satu daripada penyebab utama kenapa rakyat menolak kerajaan Barisan Nasional dan akhirnya mereka tersungkur pada pilihan raya kedua belas yang lalu. Rakyat kini sedang melihat perubahan yang dibawa oleh kerajaan Pakatan Rakyat. Rakyat kini menantikan bilakah agaknya perubahan besar dilakukan di jabatan-jabatan yang hampir dengan rakyat. Rakyat dahagakan lebih ramai pegawai-pegawai yang berhemah, berakhhlak dan amanah dan kini rakyat semakin dapat melihat perubahan tersebut pada corak kelolaan pegawai-pegawai di negeri Selangor. Mereka makin mesra, makin bertanggungjawab dan telus daripada segi pentadbiran. Pakatan Rakyat membudayakan amanah dan integriti dalam pentadbiran dan mahukan nilai-nilai yang sama diterapkan dan diturunkan kepada pegawai-pegawai kerajaan. Sifat *kaizen* ini seperti mana yang dibudayakan oleh rakyat di negara Jepun berjaya menjadikan Jepun sebuah negara yang penuh adab, sopan dan tatasusila. Lebih amanah sifatnya daripada Malaysia yang kononnya penuh dengan pahlawan-pahlawan Islam namun rasuah sampai terkhilaf rasuah kononnya. Rasuah menurut penulis Inggeris Charles Cotton, seumpama bola salji. Apabila ia mengguling maka ia akan bertambah besar dan hakikat itu sedia termaklum apabila hasil titik peluh rakyat dirompak dan dipersiakan sesuka hati. Justeru reformasi terhadap semua sistem penyampaian mestilah dilaksanakan secara sistematik dan berkesan mengikut kemampuan dan kuasa yang ada dalam tangan kerajaan negeri. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin mengajak dan menyeru kebijaksanaan kerajaan negeri agar lebih pantas meneliti aspek reformasi, proses dan undang-undang negeri khususnya di dalam usaha mempertingkatkan pelaburan, menggiatkan kemudahan dan menitik beratkan aspek mesra rakyat atau *people centric* dengan izin khususnya dalam menyediakan kemudahan kepada rakyat di kawasan kampung-kampung. Walaupun dihalang oleh kerajaan pusat yang lebih gemar mengagihkan dana pembangunan kepada ketua-ketua UMNO bahagian dan agensi di bawah kawalan mereka seperti ICU, kerajaan negeri diseru lebih giat untuk membangunkan prasarana lainnya untuk digunakan oleh rakyat. Rungutan berkenaan jalan, parit, longkang mesti dicari satu formulasi penyelesaian pantas. Geran Selangorku mesti sampai segera kepada rakyat di bawah agar rakyat dapat bersama merasai kekayaan negeri ini. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya ingin memberi ingatan saya kepada pimpinan UMNO dan Barisan Nasional jika mahu berpolitik pun biarlah kena pada tempatnya. Kita lihat pertarungan politik dimainkan di sekolah-sekolah. Dimainkan di sekolah rendah dan sekolah menengah, dimainkan di tempat anak-anak kita masih terkial-kial untuk belajar. Anak muda bermotosikal dimainkan, diupah menjadi samseng jalanan. Inilah hadiah UMNO kepada ibu bapa menjadikan anak-anak sebagai mat rempit tanpa tujuan dan arah hidup. Janganjadikan rakyat mangsa semata-mata mahu mendapat sedikit keuntungan politik murahan seperti yang dititahkan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semalam.

Kita tidak mencari suluh,  
suluh datang mencari api,  
kita bukan mencari musuh,  
musuh datang kita menanti.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya sekali lagi mencadangkan agar kerajaan negeri mempertimbangkan kewujudan peruntukan dana khas dengan kadar segera kepada semua kampung-kampung di seluruh negeri Selangor kerana ketua-ketua kampung dan pengurus JKPK menjadi tempat rakyat untuk mengadu. Dana sebanyak RM30 juta yang dikhabarkan disediakan oleh kerajaan negeri harus segera dimanfaatkan. Tindakan ini akan merapatkan lagi rakyat kepada Kerajaan Negeri Selangor dan saya seru dapat kiranya menghapuskan birokrasi melampau yang merupakan hasil sampingan kerajaan UMNO dan Barisan Nasional sewaktu ketika dahulu. Saya melihat perlu segera difikirkan penyaluran bersesuaian kepada kampung-kampung ini kerana ketua kampung adalah orang yang paling hampir dengan masyarakat setempat. Akhir sekali saya mencadangkan agar penyelarasaran kerja di antara agensi-agensi kerajaan yang melibatkan pihak berkuasa di pejabat tanah dan daerah dan semua agensi-agensi perbandaran mestilah dipertingkatkan ke tahap maksimum kelihatan kerja-kerja pembangunan yang dilakukan antara agensi ini tidak begitu lancar dan teratur. Budaya kerja yang lebih cermat dan fokus hendaklah dimulakan agar rakyat berpuas hati dengan pentadbiran kerajaan negeri. Puan Timbalan Speaker, saya mohon mencadangkan, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan yang menyokong Meru.

**Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN:** Boleh sambung?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Yang Berhormat EXCO-EXCO kerajaan negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor, ketua-ketua jabatan kerajaan, penjawat-penjawat awam, para-para wartawan dari pelbagai media, pasukan-pasukan keselamatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Terima kasih Puan Timbalan Speaker kerana membenarkan Meru mengambil bahagian dalam membahaskan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Pembukaan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan kali kedua belas. Terlebih dahulu Meru mewakili seluruh wakil-wakil rakyat dari PAS, Parti Keadilan Rakyat dan DAP ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah menerima penganugerahan pangkat tertinggi daripada kerajaan Perancis iaitu dengan izin *Commandeur de la Legion D'Honneur* daripada ketua Angkatan Pertahanan Perancis, Laksamana Edouard Guillaud di kedutaan Perancis pada bulan Februari 2012. Anugerah yang dicipta Laksamana Napolean Bonaparte pada tahun 1802 itu merupakan penghargaan tertinggi kepada tentera dan rakyat Perancis yang berjuang untuk pembebasan negara Perancis dari cengkaman penjajah ketika itu. Anugerah tersebut adalah sebagai satu

pengiktirafan dan penghargaan serta penghormatan kepada jasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku mentadbir baik Tentera Laut Diraja Malaysia atau TLDM dan rakyat majmuk di negeri Selangor yang terdiri dari berbilang kaum dan bangsa. Kami rakyat Selangor berasa bangga dan bersyukur atas kurniaan tersebut dan berharap ianya menjadi penjana dan pemangkin ke arah urus tadbir yang baik dan telus kepada seluruh lapisan pimpinan di negeri Selangor ini. Kalau pada zaman Napoleen Bonaparte, anugerah tersebut diberikan kepada mereka yang berjuang membebaskan negara Perancis daripada penindasan dan cengkaman penjajah. Maka Meru berharap ianya akan memberi semangat kepada pimpinan Pakatan Rakyat di negeri Selangor ini untuk terus membebaskan negeri yang tercinta ini daripada cengkaman puak-puak penindas yang kejam yang apabila diberikan kuasa memerintah, mereka mengamalkan rasuah, kronisme, merompak harta rakyat dan pencetus kepada ketirisan dana awam yang melampau yang tidak dapat dimaafkan. Walaupun berulang kali mereka meminta maaf kepada rakyat, malainkan mereka memulangkan balik hak-hak rakyat dan bersedia menerima hukuman setimpal dengan kesalahan mereka itu. Anugerah tersebut juga secara tidak langsung menafikan dakwaan soalan seorang mantan EXCO agama yang seolah-olah menggambarkan bahawa Majlis Agama Islam Selangor ataupun MAIS dan Jabatan Agama Islam Selangor ataupun JAIS di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan selaku ketua agama Islam seolah-olahnya lemah dalam menangani pelbagai isu berkaitan agama Islam termasuk isu arak dan murtad di negeri Selangor tanpa beliau sendiri mengemukakan bukti-bukti yang kukuh terhadap dakwaan-dakwaan tersebut. Meru ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan merujuk kepada titah ucapan baginda di muka surat 2 dan 17. Di muka surat 2, baginda telah bertitah beta suka mengingatkan bahawa Dewan Negeri ini adalah sebuah tempat yang mulia untuk Ahli-ahli Dewan bersidang bagi menggubal undang-undang, membincangkan dan membahaskan perkara yang dibawa ke dewan untuk pembangunan kemajuan dan kesejahteraan rakyat di negeri Selangor ini. Di muka surat 17 pula, Duli Yang Maha Mulia Sultan telah bertitah beta percaya Dato' Menteri Besar mampu bersama-sama memartabatkan lagi agama Islam dan umat Islam di negeri ini. Cara kerja yang profesional dapat menangkis segala macam fitnah dan tuduhan jahat sekali gus membuktikan kemampuan sebenar sistem Islam itu secara menyeluruh. Ini jelas menunjukkan betapa tingginya keprihatinan tuanku agar mereka yang menabur fitnah ini dinyahkan jauh dari pentadbiran beramanah dan telus di Selangor ini demi memelihara kesejahteraan dan keharmonian rakyat berbilang kaum di negeri ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, jam sudah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Kita perlu, saya mohon Yang Berhormat sambung di slot petang.

**Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN:** Baik.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 1.00 tengah hari, dengan itu saya menangguhkan dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dewan disambung sekali. Silakan Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ya. Terima kasih Timbalan Puan Speaker. Jadi saya hendak sentuh, nak sambung lagi yang tadi saya sebut bagaimana unsur fitnah yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam titah ucapan baginda dalam muka surat 2 dan 17. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian fitnah adalah perbuatan keji yang sangat dicela oleh syarak justeru kesan relasi fitnah jauh lebih dahsyat daripada membunuh. Allah SWT telah menegaskan perkara ini di dalam firmanya yang berbunyi *Bismillahir Rahmanir Rahim* (ayat al-Quran) bermaksud "*Fitnah itu lebih dahsyat kesan dan akibatnya daripada kesan membunuh*" Surah Al-Baqarah ayat 191. Fitnah adalah angkara perbuatan jahat yang suka membuat kekacauan, pergolakan, permusuhan, pengkhianatan, dendam, huru-hara dan seribu satu lagi kerosakan di kalangan masyarakat umat manusia. Sedangkan Islam yang diturunkan oleh Allah SWT adalah agama yang harmoni yang memelihara kesejahteraan masyarakat dan melarang sekeras-kerasnya sebarang tindakan yang mencetuskan perpecahan dan permusuhan seperti fitnah, tohmah dan khianat. Fitnah Allah SWT di dalam Surah Al-Rad ayat ke10 *Bismillahir Rahmanir Rahim* (ayat al-Quran) yang bermaksud "*Sesungguhnya orang-orang yang mencetuskan bencana fitnah untuk memesongkan dan memporak-perandakan orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman kemudian mereka itu tidak bertaubat maka mereka akan menerima azab neraka jahanam kerana perbuatan keji itu dan mereka akan beroleh azab api yang kuat yang akan membakar mereka kerana mereka tidak bertaubat*". Sebagai insan yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT selayaknya kita menjauhkan diri malah memerangi perbuatan fitnah agar ia tidak berleluasa di kalangan masyarakat di dalam negara kita. Sebagai yang telah saya tegaskan tadi bahawa fitnah adalah perbuatan yang dicetuskan oleh manusia pujur yakni jahat yang dipengaruhi oleh pemikiran jiwa syaitan yang durjana. Umumnya objektif pelaku fitnah adalah untuk menolak kebenaran yang gagal di sangkal dengan hujah-hujah mereka. Fitnah menjadi senjata yang paling murah dan mudah dihasilkan untuk memerangi kebenaran. Ia juga adalah senjata yang digunakan sejak berzaman termasuk untuk menolak kebenaran yang diperjuangkan oleh Nabi s.a.w dan ia telah digunakan kalau kita tengok sejarah daripada golongan jin dan macam-macam manusia kalau sekarang manusia mengaku dirinya ada PH tuan-tuan. Firman Allah SWT (ayat al-Quran) "*sesungguhnya mereka telah melakukan fitnah semenjak dahulu lagi dan mereka merancang terhadapmu wahai Muhammad berbagai-bagai tipu daya sehingga datanglah kebenaran dan nyatalah kemenangan agama Allah ini Islam sedangkan mereka benci kepadanya*" (Surah Al-Taubah ayat 48). Sungguhpun demikian akan pasti ada fitnah yang menjalar sejak zaman dan tempat ianya di nyala dan ditiup agar umat manusia bertelagah dan bermusuhan. Justeru itu kita tidak boleh berpeluk tubuh membiarkan api fitnah ini membakar kesejahteraan ummah dan membinasakan kebenaran yang diperjuangkan. Sungguhpun perit dan sengsara yang dihadapi

yakinlah bahawa Allah SWT bersama dengan mereka memperjuangkan kebenaran. Firman Allah SWT (ayat al-Quran) “*Kemudian sesungguhnya Tuhan mu memberikan pertolongan kepada orang-orang yang telah berhijrah sesudah mereka difitnah oleh kaum musyrik kemudian mereka berjihad serta bersabar sesungguhnya Tuhan mu sesudah mereka menderita dan bersabar dalam perjuangan Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi*”. Meru menyeru seluruh mereka yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT agar menghindarkan diri kita dari fitnah dan bangkit menentang sebarang usaha fitnah lantaran inilah yang diperintahkan oleh Allah SWT Allah berfirman (ayat al-Quran) “*Dan perangilah mereka yang membuat fitnah ini sehingga tiada lagi fitnah jadilah satu, satu cara hidup milik Allah iaitu Islam maka bila ia berakhir maka tiada lagi permusuhan kecuali ke atas kepada orang-orang zalim*”. Membiarkan fitnah yang berleluasa tanpa langkah yang berkesan diambil oleh orang-orang yang beriman dan bertakwa untuk mencegahnya maka tunggulah kebinasaan yang akan menimpa masyarakat ini. Kepada Allah SWT kita meminta perlindungan dari kebinasaan yang tidak mampu kita hadapinya kelak. Malah apa yang dibimbangkan adalah murka dan azab Allah SWT di akhirat nanti ekoran sikap yang mendiamkan diri lalu memberi peluang kepada fitnah ini untuk terus menjalar. Nasihat saya juga kepada yang berkuasa mereka yang memegang amanah untuk menjaga dan kesejahteraan rakyat sebagai pemimpin yang diberi mandat agar memberi perhatian serius terhadap perkara ini. Sesekali jangan jadikan fitnah ini menjadi amalan di dalam politik kita kerana politik sedemikian hanya politik kotor lagi jijik pula dengan berdepan dengan Allah SWT marilah kita berdoa kepada Allah SWT agar menghindarkan diri kita dari menjadi mangsa fitnah dalam masa yang kita juga berdoa agar kita tidak memfitnah orang lain. Sungguhpun antara kita berbeza fahaman politik namun berpolitiklah batas tidak mengundang kemurkaan Allah SWT berpolitiklah dalam suasana yang sihat dan saling berlumba untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara. Berpolitiklah dengan maksud untuk membebaskan rakyat dan negara dari kemurkaan, penyelewengan, rasuah, menyalah gunakan kuasa serta penindasan. Berpolitiklah untuk mencari redha Allah SWT Meru juga menarik perhatian kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan di muka surat 5 yang berbunyi “Usaha dan tindakan untuk menagihkan hasil pembangunan dan limpahan rezeki kurniaan Allah SWT di muka bumi Selangor ini kepada rakyat hendaklah dilakukan secara adil dan saksama. Dalam kata lain Baginda Sultan mengharap unsur-unsur rasuah salah urus tadbir negeri dapat dielak dari berlaku sekiranya kepimpinan menggunakan kuasa yang ada untuk mengamalkan rasuah dan salah tadbir maka ketirisan dan pembaziran dana awam akan berlaku dan ia bukan setakat berlaku zalim kepada rakyat tetapi boleh menghancurkan ekonomi negeri dan negara itu sendiri. Kita kena ingat Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pembaziran dan pembohongan dan ketirisan harta adalah perbuatan terkutuk dan dilarang dalam semua ajaran agama dan dibenci oleh setiap golongan masyarakat yang bertamadun di seluruh dunia ini. Apatah lagi ia melibatkan wang titik peluh rakyat yang diamanahkan oleh kepada pemimpin negara atau negeri untuk menguruskannya. Bagi orang Islam kita sepatutnya menginsafi dan menjadikan cara hidup Rasulullah S.A.W. sederhana dan para Khulafah Al Rashidin sebagai uswah ataupun contoh untuk kita hidup di dunia yang sementara dan menjauhkan diri daripada terlibat kehidupan mewah yang keterlaluan apatah lagi memunggah dan meratah duit rakyat yang bersusah payah membayar cukai tetapi tidak mendapat pulangan kebajikan yang

sepatutnya dinikmati oleh mereka. Alhamdulillah negara kita tercinta Malaysia ini dianugerahkan oleh Allah dengan hasil mahsul yang sepatutnya cukup untuk rakyat hidup dengan selesa. Selain hasil petroleum lumayan dan berbagai-bagai jenis hasil laut dan pertanian di bumi yang subur ini yang mampu menjana ekonomi yang mampan. Kita juga mesti bersyukur dengan wujudnya hasil galian yang berharga yang membawa pulangan yang bukan sedikit. Namun malangnya apabila kuasa pemerintah negara berada di tangan mereka yang pemboros, pengamal rasuah dan langsung tidak takutkan amaran Tuhan mereka sendiri. Maka berlakulah ketirisan perbendaharaan, projek-projek mewah bertaburan seperti cendawan tumbuh selepas hujan yang menguntungkan pemerintah yang kurap dan kroni-kroni mereka yang akhirnya menyebabkan negara menanggung beban hutang yang cukup mengerikan. Bayangkan bila rakyat dapat maklumat bukan di tepi jalan, bukan di tepi laut tetapi berdasar kepada Ketua Audit Negara bahawa Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh UMNO dan Barisan Nasional gagal mengawal urusan duit rakyat yang diamanahkan kepada mereka sehingga menyebabkan ketirisan wang yang besar, perbelanjaan yang melampau dan penyelewengan yang cukup ketara menyebabkan kerajaan persekutuan sekarang terpaksa berhutang sejumlah RM400 bilion atau RM400 juta. Natijahnya tanpa disedari oleh rakyat termasuk Ahli-ahli Barisan UMNO di kampung sendiri berhadapan dengan hutang berjumlah RM16,300 seorang. Akibatnya adalah harga barangan seperti petrol, air dan elektrik dinaikkan menyebabkan harga-harga keperluan seperti gula, tepung dan minyak masak dan sebagainya melonjak dan terus melonjak sekiranya UMNO dan Barisan Nasional diberi peluang sekali lagi untuk memerintah tanah air yang tercinta ini. Sebab itu Pakatan Rakyat selain menjalankan amanah yang diberikan kepada rakyat untuk mencorakkan urus tadbir negeri dengan lebih berhemah dan kata kelola pentadbiran yang jauh lebih bermaruah dan dengan penuh ketulusan berbanding UMNO dan Barisan Nasional juga berusaha mendedahkan segala jenis kejijikan, penyelewengan, rasuah, keburukan dosa-dosa yang telah yang sentiasa dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Apabila harga barang asasi keperluan rakyat naik dengan mendadak jawapan yang sinis dari mulut kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional ialah agar rakyat mengubah cara hidup mereka ke arah yang lebih berjimat dan berhemah. Bila harga petrol naik mereka suruh rakyat naik basikal, bila gula naik dia suruh rakyat kurangkan gula jauhkan penyakit kencing manis bila harga turun naik mereka nasihatkan rakyat pakai jalan yang tidak betul, bila harga lembu naik mereka nasihatkan rakyat jangan makan daging lembu. Namun hakikatnya kepimpinan UMNO dan Barisan Nasionallah yang berbelanja besar dengan menggunakan wang cukai rakyat untuk terus hidup dengan cara hidup yang membazir dan meloyakan. Kita dapati apa yang disebut oleh Ketua Audit Negara bayangkan bil elektrik kediaman Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri setahun RM2.1 juta sebulan RM171,000 sebulan dan sehari bil elektriknya ialah RM5,700 sehari tuan-tuan. Bil air RM393,000 setahun, RM330,000 sebulan dan sehari air ialah RM1,100. Kos sewa kediaman mereka setahun RM66 juta sebulan RM550,000 dan sehari kos sewa kediaman kedua-dua Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kos sewa kediaman sehari ialah RM18,000. Sekiranya mereka dipertanggungjawab untuk mengurus tadbir kewangan negara ini bukan terdiri daripada golongan mereka yang amanah dan takut kepada Allah pencipta mereka maka tunggal kehancuran pentadbiran dan ekonomi negara tersebut. Dengan kata yang

lain di Malaysia ini tunggulah rakyat yang menderita ini di bawah ini bangun dan menggunakan kuasa diri mereka dalam Pilihan Raya Umum ke-12 ini. Inilah amaran bukan sekarang bukan 10 tahun tetapi 1014 dahulu diberitahu oleh Rasulullah dalam sabdanya (ayat surah) "Jika sekiranya suatu urusan itu diserahkan kepada bukan yang ahlinya maka tunggulah saat kehancuran baginya. Selain dikaitkan dengan berbagai isu-isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan harta rakyat kepimpinan-kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional sebenarnya ada lebih lain diberi anugerah pelakon baik setiap penggal pemerintah mereka. Mereka menggunakan media arus perdana mereka termasuk TV dan akhbar-akhbar harian mereka untuk menangis di hadapan rakyat. Melensing lengan tangan dan angkat kain. Menghulur keris konon untuk mempertahan bangsa Melayu, menganjurkan perhimpunan rakyat konon untuk mempertahankan akidah membuat *public* atau minta maaf secara umum bagi mengaburi mata rakyat dan meraih simpati rakyat bagi memberi undi kepada mereka pilihan raya umum yang akan datang sepayah mereka dapat terus menjalankan agenda-agenda kotor dan zalim mereka untuk terus menindas rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan rakyat itu sendiri. Kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional harus sedar bahawa sikap prejedis dan hipokrit mereka bukan sahaja diperhatikan dan dinilai oleh manusia atau rakyat yang mengundi mereka tetapi juga diperhatikan oleh Allah *Rabbulizzati* Tuhan yang maha mendengar lagi maha melihat setiap apa yang berlaku sama ada di dalam hutan, di dasar lautan, di angkasa lepas mahu pun di bilik-bilik gerakan atau di bilik mesyuarat yang kononnya tersembunyi, di dalam atau di luar negara. Allah berfirman di Surah Lokman (ayat al-Quran) yang bermaksud "*Wahai Lokman, Lokman berkata kepada anaknya, wahai anakku sesungguhnya ketahuilah kamu jika ada sesuatu perbuatan yang seberat biji sawi sekalipun dan berada di dalam batu yang besar ataupun kamu cuba sorokkan di petala langit atau di mana-mana tempat di bumi sekalipun nescaya diketahui oleh Allah dan akan diberi balasan oleh Allah SWT.*" Sesungguhnya Allah itu maha teliti dan maha halus dalam perhitungan-Nya". Sikap hipokrasi atau cakap tak serupa bikin atau munafik ini bukan sahaja satu sifat kotor dan jijik yang dibenci oleh semua golongan masyarakat tetapi juga mengundang kemurkaan yang besar daripada Allah SWT. Allah Rabbuljalil memberi amaran keras terhadap golongan yang tidak melaksanakan apa yang mereka perkatakan ini (sepotong ayat Al-Quran) yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman mengapakah kamu mengatakan apa yang kamu sendiri tidak lakukan. Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang kamu tidak lakukan.*". Di dalam surah Al-Baqarah Allah SWT. dari ayat 8 hingga 20 dengan jelas menjelaskan ciri-ciri mereka ini. Allah memperincikan sifat-sifat mereka ini agar manusia tidak mudah terperangkap, tidak mudah dipermainkan dan tidak mudah diumpam dengan lakonan mereka yang berpura-pura ini. Golongan ini wujud sejak zaman Nabi lagi dan akan terus wujud hingga dunia kiamat Insya-Allah. Allah berfirman (sepotong ayat Al-Quran) yang bermaksud "*Dan apabila dikatakan kepada mereka janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi ini. Mereka menjawab, sesungguhnya kamilah orang yang membuat kebaikan. Allah menjawab kembali sebenarnya merekaalah orang-orang yang membuat kerosakan di muka bumi sedangkan mereka tidak menyadarinya.*". Sebab itu kalau kita tengok ketirisan ini juga didedahkan oleh Ketua Audit Negara Yang Berhormat ini kita rujuk kepada laporan Ketua Audit Negara ini kita tengok bahawa screw driver yang sepatutnya berharga RM30 menjadi RM224.

Kita tengok buku yang sepatutnya berharga RM417 boleh dibeli dengan harga RM10,700. Banyak lagi kepincangan-kepincangan yang berlaku, Saham Bumiputra merosot daripada RM54 bilion menjadi RM2 bilion. Mana pergi RM52 bilion itu? Ketirisan RM28 bilion setahun juga dalam laporan Tan Sri Ambrin Buang selaku Ketua Audit Negara. Ketirisan di zaman-zaman Dr. Mahathir dulu RM100 bilion, Abdullah Badawi RM270 bilion, indeks rasuah di tangan zaman Tun Dr. Mahathir 25 turun ke 40 masa beliau meletakkan jawatan turun ke 47 semasa Pak Lah menjadi Perdana Menteri, Sekarang turun lagi ke 60 ke tangga 60 zaman sekarang ini setaraf dengan Kenya dan Zimbabwe. Tetapi kita tengok bila Selangor diberikan oleh Allah SWT. duduk di bawah Pakatan Rakyat kita tengok bahawa Yayasan Selangor hasil siasatan SELCAT Jawatankuasa Keupayaan dan Keber tanggungjawaban dan Ketelusan Selangor semasa zaman Barisan Nasional dulu tahun 1991 hingga Mac 2008 kehilangan aset Yayasan Selangor berjumlah RM500 juta tetapi di zaman Pakatan Rakyat Alhamdulillah simpanan tetap Yayasan Selangor meningkat 105%, 2007 simpanan tetap itu RM20 juta, 2011 RM51 juta. Meru ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di muka surat 2 dan 17. Di muka surat 2 Baginda telah bertitah "Beta menyeru supaya perpaduan yang terjalin di antara seluruh rakyat negeri Selangor ini hendaklah terus dikekalkan dan saling hormat menghormati antara satu dengan lain. Di muka surat 17 Baginda telah bertitah "Perhatian serius kepada usaha memajukan umat Islam ini tidak pernah menjadi alasan untuk mengabaikan atau meminggirkan rakyat beta yang lain. Jelas daripada titah Tuanku ini memperlihatkan kehebatan risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. yang kadang-kadang masih lagi kabur di kalangan orang Islam sendiri tapi di masa yang sama menepuk dada seolah-olah mereka lah yang berusaha meninggikan syiar Islam itu sendiri. Sebab itu kata Iman Al-Ghazali (bahasa Arab) "*Ketahuilah bahawa syariat itu adalah dasar dan pemerintah itu adalah pelindungnya. Sesuatu yang tiada dasar akan runtuh dan sesuatu yang tiada pelindungnya akan menjadi sia-sia*". Di dalam Islam juga dikatakan bahawa kita tengok Rasulullah S.A.W. Rasulullah itu daripada perkataan Rasul itulah datangnya perkataan Risalah. Nak bagi tahu saya nak bagi tahu dalam bahasa Inggeris Rasulullah itu sebagai *Messenger of God*, maknanya ada mesej yang hendak disampaikan. Kita ingin bagi tahu bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rasulullah S.A.W diangkat menjadi rasul ketika berumur 40 tahun. Kalau setakat Nabi ni nak ajar kita cara nak baca Quran sahaja, cara nak berpuasa bulan Ramadhan sahaja, nak pergi tawaf, saie, nak pergi umrah dan begitu sahaja maka tak perlulah Rasulullah S.A.W. itu dihidupkan sampai 23 tahun selepas itu, cukup saya rasa Rasullah dengan izin *more than capable* untuk ajar umat-umat manusia ini cara nak sembahyang macam mana, cara nak bayar zakat macam mana, cara nak buat haji bagaimana, tak payah tunggu sampai 23 tahun, sampai 45 tahun pun dah cukup dah tetapi sejarah membuktikan bahawa Rasulullah S.A.W. dihidupkan selama 23 tahun selepas beliau diangkat menjadi Rasul untuk bagi tahu kepada kita bahawa Islam mengajar kita untuk mengurus tadbir dunia ini. Ustaz, kalaualah zaman Rasulullah ada *title* presiden, Rasulullah itulah seorang presiden. Kalau ketika itu zaman Rasulullah itu ada *title* Perdana Menteri, Rasulullah itulah Perdana Menteri, kalau ada gelaran Menteri Besar pun dia adalah Menteri Besar sebab dia mengurus tadbir negeri dan negara. So sebab itu mungkin di antara kita sebab itu ingin saya tegaskan saya ingatkan Gombak Setia ada tapi semalam pun tak ada, kata

perjuangkan IMR, Islam, Raja dan juga Melayu tetapi semalam pun kita tengok Santapan Diraja pun tak datang, kemudian masa perbarisan pun datang lambat, balik cepat, hari ini pun saya ingat nak tuju pada dia ni, tapi dia pun tak ada. Saya tak tahu ke mana dia pergi.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker, mintak laluan.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Speaker, ialah saya bukan Gombak Setia, Taman Templer tapi saya nak tanya dengan Yang Berhormat Meru ni ialah mentang-mentang baru dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS negeri Selangor, soalan saya, yang ni bukan fitnah ke yang bercakap ni? Tadi dok bukan main bercakap jangan fitnah, jangan fitnah yang ni dok maki hamun orang pula tambah lagi orang tu tak ada pula kat sini, jadi macam mana pandangan Yang Berhormat ni, adakah Yang Berhormat ni tak sedar Yang Berhormat pun buat fitnah ni?

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Saya tak sedar, saya kata dia tak datang, betul dia tak datang, dia punya dalil depan kata tak datang, semalam pun tak datang. Semalam kalau Yang Berhormat ada dekat Majlis Santapan Diraja, dia tak ada.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat, boleh mencelah? Mintak penjelasan sikit. Saya nak bagi tahu ialah saya dimaklumkan Yang Berhormat apa ni Gombak Setia berpuasa dan sebab itu dia tak dapat hadir makan tengah hari, itu sahaja. Itu saya tak nak komen.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Alhamdulillah, tapi puasa malam dah boleh makan. Kalau kita mengatakan bahawa Islam itu hanya untuk , kita harus ingat apa yang di bawah oleh Rasulullah itu ada satu mesej yang dibawa, bukan saya kata bukan ini, Mufti Perak kata tapi Rasulullah sebut..(bahasa Arab), Rasulullah tidak kata (bahasa Arab), tapi Rasulullah kata (bahasa Arab), maksudnya apa? Rasulullah kata berapa ramai orang yang *qariq*, *qariq* ni apa, *qariq* ni baca Quran dengan baik, dengan tajwid dengan apa tapi di masa yang sama Quran itu melaknat dia balik, Quran itu melaknat dia balik. Kalau kita kaji Quran dan Hadis ni, mengatakan bahawa dia baca Quran tapi dia tak faham risalah yang dibawa oleh Quran itu sendiri. Oi, kita puasa bulan Ramadhan kita puasa semua orang puasa alhamdulillah, ada orang bagi tahu dia tak sempat sahur tapi puasa tak apa tapi Rasulullah sebut...

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Speaker, saya mohon penjelasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Terima kasih Meru. Saya datang lebih awal daripada *you* tau. Saya bersetuju dengan apa yang *you* cakap, sebab itulah apa

yang berlaku dekat PAS sekarang. Pembalasan kerana mempermaining ayat-ayat Al-Quran hinggakan hal agama pun tidak diberi kepada PAS lagi, diberi kepada parti lain. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Terima kasih, terima kasih, saya jawab sendiri, saya baca tiga ayat dulu kemudian saya jawab. Kemudian Rasulullah pun (ayat dalam bahasa Arab) berapa ramai orang yang puasa, puasa elok tapi tak faham konsep puasa itu menyebabkan kata Rasulullah tak mendapat apa-apa pahala melainkan dia letih meninggalkan, meninggalkan apa nama ni, tinggalkan makanan dan juga minuman. Saya sentuh sikit apa yang disebut oleh YB tadi tentang EXCO Agama. Tadi baru saya bacakan bagaimana puas hatinya Duli Yang Maha Mulia Sultan dan titah ucapan Baginda mengatakan bahawa dia *appreciate* apa yang telah dibuat oleh EXCO walaupun daripada PKR. Ini saya nak bagi tahu bahawa soalan itu pernah ditanya oleh beberapa orang wartawan dan jawapan ini saya bagi kepada YB. Bila dia orang tanya saya, eh, kenapa ini jawatan EXCO Agama ini tidak diberi kepada PAS, itu satu, yang kedua dia kata adakah YB tidak rasa kecewa sebab dia kata nama YB yang naik keronnya nak jadi EXCO Agama dan yang ketiga dia kata kenapa diberikan kepada seorang YB yang tidak ada *background* agama? Itu tiga soalan. Saya jawab, saya kata, hari tu bahawa saya katakan, demi Allah saya tahu yang saya bukan menjadi EXCO Agama tu bukan sekarang tetapi saya tahu dah dua hari lepas sebelum itu lagi satu, kalau saya kecewa saya tak datang akhirnya, yang kedua nak mengatakan bahawa inilah kami yang ditarbiah di dalam PAS ni. Di dalam PAS kita ditarbiah bukan untuk mengejar jawatan, bukan untuk ni mengejar jawatan dan sebagainya itu bukan masalahnya dan yang ketiga saya nak *beritahu you reporters* sama juga saya nak bagi tahu kepada YB mintak maaf, *you're not doing your homework*. Sebab apa Menteri Besar daripada Pahang, daripada Johor, daripada Perak *automatic* jadi , jadi apa jadi EXCO Agama, apa salahnya saya dia orang pun tak ada *background* agama, saya, saya EXCO PAS kita juga pun tak ada. Itu maksudnya dan kita di sini bekerjasama ...ya sila.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sabar, sabar, sorang-sorang.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Kang dia marah saya lagi. Saya tak pertikaikan pelantikan oleh kerajaan negeri kepada Yang Berhormat Ustaz Khalid Ibrahim, saya tak pertikai (Dewan ketawa). EXCO baru kan, EXCO Agama cuma kita, kita bercakap soal Al-Quran tadi beri yang hak, ya sepatutnya beri pandangan saya yang tak berapa nak cerdik ni, tak buat *homework* ni yang Meru kata yang selayaknya Meru, Meru selayaknya tapi rupanya tak layak. Jadi saya ingat bagaimana perjuangan PAS, bukankah Islam dalam negeri Selangor ini hendak diperjuangkan sedangkan sepatutnya orang yang sepatutnya memimpin gerakan itu tidak diletakkan kepada yang

sepatutnya. Simpati saya sebenarnya, saya nak menunjukkan simpati saya saja. Terima kasih Meru.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Yang Berhormat Timbalan Speaker, boleh saya nak mencelah.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ha, ringkas.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Meru ni, mana lebih elok, mana lebih yang cantik, andai kata dah tertulis tu Parti Islam Se-Malaysia, oh hebat tu nama ya, Parti Islam Se-Malaysia. Dulu bila sebut saja soal Islam terbayang Parti Islam Se Malaysia ni. Itu sebab ketika itu mungkin jawatan EXCO Agama ini diberi kepada Parti Islam Se-Malaysia la, tapi Yang Berhormat Meru ni dilantik jadi Yang Dipertua PAS negeri Selangor, tinggi jawatan tu tinggi, tinggi kan Yang Dipertua....ah Pesuruhjaya tu lagi tinggi tu, lagi tinggi tu Pesuruhjaya, walaupun orangnya rendah la ya, tak kisah lah dan saya juga difahamkan betul ke rancangan menjatuhkan Yang Berhormat Gombak Setia dari rakan-rakan parasit, ha termasuklah Yang Berhormat Meru, itu katanya...ha itu dia. Jadi bila dah jadi Yang Pesuruhjaya ini tinggi jawatannya sudah barang tentu mana yang molek dan mana yang sesuai bila jawatan itu, ini ramai ada, Bangi ada, Lembah Jaya ada, ramai lagi, mana? Sri Serdang? Eh Sri Serdang tak layak tapi itu yang saya kata mana yang molek, mana yang lebih molek, yang mengaku betul-betul nak menjalankan agama ni tadi, kalau betul-betul diberi peranan betul-betul memegang yang sepatutnya. Dan saya berterima kasihlah bila Yang Berhormat Meru kata Melaka jadi contoh, Perak jadi contoh, mana lagi satu, Negeri Sembilan jadi contoh, Johor jadi contoh, wah itu semua kerajaan Barisan Nasional tu..ha..ha..kira hebat jugalah .terima kasihlah, itu saya kata mana yang boleh.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Terima kasih kepada Yang Berhormat kata tadi. Dalam organisasi, dalam kita berorganisasi ini, ada satu apa yang disebut sebagai satu ciri iaitu dan ciri ini disebut dalam Quran sehingga ada nama, ada nama satu surah dalam Quran dinamakan Surah Syurah. Pentingnya sebutan Syurah itu dan kita kata kanlah contoh, contoh ye. Katakanlah kita nak bincang siapa nak jadi ini...calon di Meru, contoh, tiba-tiba kita panggil dua puluh (20) orang. Lapan belas (18) kata Dr. Rani jadi calon di Meru, dua (2) orang kata Y.B. Sekinchanlah..contoh, ini contoh, sebab dia boleh cakap jawa lebih hebat daripada aku, tetapi dan dua (2) orang cakap tak boleh, dia kata Dr. Rani tak boleh cakap jawa.....jadi dia tak boleh jadi....dan kalau Y.B. Sekinchan yang jadi calon maka dia boleh menang. Tetapi keputusan Syurah, keputusan Syurah itu yang lapan belas (18) itu nak juga saya jadi calon ini saya bagi contoh. Tiba-tiba selepas pilihanraya memang betul saya kalah, kalah tak banyaklah...123 undi saja, contoh..159 undi..contoh, contoh, contoh...tetapi kita tengok bahawa walaupun...selepas dibuat *post mortem* kalau rupa-rupanya kalau Y.B. Sekinchan yang bertanding di Meru memang menang. Mungkin lebih daripada 4,000 undi majoriti contoh. Tetapi Islam mengajar kita, ini hebat Islam, Islam mengajar kita Allah redha kepada keputusan Syurah tadi tu...ha ini sebab itu saya nak bagi tahu dalam PAS kita ada apa yang disebut dalam Syurah yang dia punya itu tuan guru

nikmatlah Yang Amat Berhormat Tuan Nik Aziz punya nikmatlah dia punya mursyidul amnya, jadi nak bagi tahu bahawa keputusan yang saya tak jadi EXCO, bukan keputusan Tan Sri Khalid *alone*, bukan, bukan itu....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Timbalan Speaker, saya cuma tanya mana yang lebih elok.....

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** ya...

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** mana yang lebih elok dan cantik.....

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** yang penting Syurah itu ....walaupun....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** .....kalau orang itu betul-betul...yang mengaku dirinya memang dia mengaku dirinya betullah...oh...siapa yang tak mengkafirkan orang UMNO dulu. Maknanya dia yang lebih Islam, Islamlah senang kata....ya, sanggup mengkafirkan Islam sesama Islam lebih kurang begitulah. Ini saya tanya mana yang lebih elok. Kalau betul-betul dah mengaku.....

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** itu yang saya katakan tadi keputusan Syurah itu penting. Walaupun pun salah, walaupun salah.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** walaupun salah, walaupun salahlah kalau macam itu saya setuju, walaupun salah.....

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** ....walaupun salah tetapi dia redha oleh Allah SWT ha ini yang penting keredhaan Allah dan kalau tak betul kita beri syura yang akan perbetulkannya. Sebab itu dikatakan bahawa, kemudian dia tengok orang yang sembahyang. Kita tengok orang yang sembahyang ini, *conform* lah sembahyang. Tapi semalam Alhamdulillah, saya sembahyang di Concorde Hotel semalam yang diimamkan oleh seorang OBD kita, Alhamdulillah, dia baca ayat *Fawailulilmussalin*. *Fawailulilmussalin* itu apa, celaka orang dalam sembahyang, banyak orang sembahyang, sembahyang dia elok...rukun... tapi selepas sembahyang dia tak faham, dia salah dibawa oleh Islam itu sendiri. Antaranya saya nak bagi tahu ialah itu sebab saya katakan tadi, dalam Islam, Islam ini untuk semua. Saya minta maaf, saya tak bersetuju.... mana Gombak Setia tak datang-datang lagi, saya tidak bersetuju dengan Gombak Setia ini yang mengatakan kononnya dia memperjuangkan Islam, Melayu dan Raja. Saya nak bagi tahu dalam Quran, Allah kata apa...(Ayat Quran).....tidaklah aku utuskan engkau wahai Muhammad melainkan kamu itu wahai Muhammad menjadi rahmat di seluruh alam. Yang Berhormat balik cuba cari ..kot-kot ada ayat .. "*Muhammad sodri alah lilmukminin*". tak akan jumpa. Tidaklah aku utuskan Muhammad untuk menjadikan rahmat untuk orang mukminin, tak akan jumpa, atau lagi tak jumpa kata Dato'.....bahawa . "*Allahumma Muhammad sodrialah almelayuin* .tak akan jumpa. Sebab itu perjuangkan bangsa ini satu ..... yang jauh konsepnya yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Bayangkan kalau Rasulullah perjuangkan bangsa

maka Islam itu hanyalah untuk bangsa arab, orang jawa pun tidak ada Islam, orang India pun tidak ada Islam, Cina pun tidak ada Islam, Bugis pun tidak ada Islam, Islam hanya untuk orang-orang ...ini apa nama Arab sahaja. Sebab itu betul ‘*hadratul minaliman*’, sayangkan bangsa lebih daripada iman. Siapa tak sayang orang Melayu, saya sayang orang Melayu, saya kata songo...au...wahuwabihun.. memang kita sayang bangsa kita sendiri, tak apa. Tetapi Rasulullah kata dalam hadis yang lain, Rasulullah kata apa (Hadis) “*laisam minna mandai assobiyya*” bukan dari golongan aku kata Rasulullah orang yang perjuangkan *assobiyya*. *Assobiyya* ini apa, *assobiyya* sayang dia punya, dia punya bangsa berlebih-lebihan. Tak apalah yang beli RM24 juta cincin tak apa, asalkan bangsa kita, tak apalah yang ambil rasuah bangsa kita....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Timbalan Speaker minta laluan, boleh tak?

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** ya,..ya....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Terima kasih, Yang Berhormat Meru. Saya cuma nak tahu, bila disebut tadi Islam untuk semua, betul, betul untuk semua tetapi bila nak melaksanakan hukum hudud, kenapa ada bantahan. Nanti dulu, belum ...sabar. Islam untuk semua, bila nak melaksanakan hukum hudud ada bantahan, betullah untuk semua tetapi boleh ke, sesuatu hukum untuk orang Islam umpamanya, boleh ke kepada orang bukan Islam. Itu yang saya katakan tadi nak melaksanakan hukum hudud, hukum hudud pun sendiri ada bantahan. Jadi apa maksudnya Islam untuk semua. Betullah tu...tetapi kenapa bila nak disebut, saya ulang sekali lagi, bila nak melaksanakan hukum hudud, langkah mayat aku dulu kata dia, ha..... macam mana tu....

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Okey, Insya-Allah, saya nak bagi habiskan lagi sikit, Insya-Allah. Kita tengok bahawa dalam Quran, saya Alhamdulillah saya boleh masuk dalam gereja, saya boleh jumpa dengan orang-orang India di Pesta Ponggal dan juga masuk kuil dan juga To' Kong orang cina. Demi Allah bila saya masuk semua tempat, saya baca Quran. Saya kata ini Quran Allah said dengan izin” (Ayat Al-Quran) *on main time we have created you for men and women and all made if and also we created you from different tried and research, so we did know each other*, kita kena faham kerjasama antara Islam dengan bukan Islam ini bukan benda yang baru, orang UMNO yang tak faham kerjasama PAS dengan DAP tak faham...

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** UMNO dah lama dah mengamalkan ini, UMNO dah berkawan lama dengan MCA, MIC dah lama bukan baru sekarang.....sekarang ni ..... Parti PAS ini bukan main dulu berkawan dengan orang UMNO ini kafir aje..kafir aje.....perkataan kafir tu sentiasa bermain di bibir je dulu.....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** ini tuduhan tak betul. Panduan mesyuarat ....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** ..... bukan tak betul, memang betul .....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Panduan mesyuarat, ini saya ingin merujuk kepada Panduan Mesyuarat 36(6) iaitu seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain. Tadi saya dengar Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengatakan bahawa orang bukan Islam di dalam DAP dan kehadiran ini sebagai orang kafir, saya rasa orang kafir ini mempunyai maksud yang sangat jahat terhadap kami, kami tidak .....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:**.....bukan sangkaan jahat, saya mengulangi perkataan yang pernah dibuat oleh parti PAS ...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang biar Kg. Tunku bacakan Peraturan Tetap.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** .....saya faham.....saya faham, saya tidak kata..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang, saya tak minta Seri Serdang menghuraikan apa maksud peraturan itu. Dengar dulu apa peraturan yang hendak dibacakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker. Ini adalah satu perkataan yang mempunyai maksud sangkaan jahat terhadap kami selaku Ahli Dewan Negeri Selangor yang bukan beragama Islam dan saya meminta Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk tarik balik. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Timbalan Speaker, saya sebenarnya perkataan ini mengulangi perkataan yang mereka cakap dulu, bukan saya yang mengeluarkan, dia orang yang mengeluarkan perkataan itu, dulu lama-lama, UMNO kawan dengan orang bukan Islam MCA, MIC dia sebut perkataan itu, saya mengulangi apa yang dia sebut, bukan saya nak sebut. Saya tak berniat pun nak mengeluarkan perkataan itu, ini saya mengulangi...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Sapa sebut, siapa namakan peraturan ada.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ada ...tarikh bila ....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Namakan siapa peraturan ada, kalau tidak ada..... sebut kena tarikh balik. Saya tidak pernah sebut.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Yang Berhormat boleh jelaskan, dia lebih tahu ...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Jangan berdolak dalih...

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Bukan soal berdolak dalih, Yang Berhormat Meru sendiri pun boleh sebut. Ini semua orang tahu. Bukan saja Yang Berhormat, semua orang tahu.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang, adakah Seri Serdang menyebut apa yang disebutkan oleh Kg. Tunku tadi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya mengulangi apa yang pernah disebut, bukan saya yang menyebut.

**Y.B. TUAN DR. HAJI ABD. RANI BIN OSMAN:** Siapa yang sebut.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Siapa yang sebut.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Hai, Presiden PAS sendiri yang sebut. Ialah nanti saya sebutkan bila...

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Mana nak mengaku, mana nak mengaku.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Buktikan...

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Jangan tak mengaku sekarang.....

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** saya cabar di luar sana.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Baik saya sambung, insya-Allah. Dah lupalah okey. saya setuju .....

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR:** Speaker, boleh cakap sekejap, sekejap saya tertarik dengan hujah yang diberikan oleh Meru yang memang kelulusan daripada orang cakap-cakap arablah. Nabi ada bersabda (Hadis) saya ambil yang sunatlah tadi, minta maaf kalau salah, saya berkongsilah. Tadi Meru ada menyebut *hubbuwatul minaliman* yang mana kalau tak silap saya, Dr. Shafie pun ada di sini, pensyarah kita yang hebat-hebat ada di sini, Dr. Yunus pun ada sahabat saya, kalau tak salah saya ini hadis, ini hadis, hadis maudhu', bukan hadis sahih. Saya ingat kalau sebut *hubbuwatul minaliman* di kalangan orang Islam biarlah kita jelas dia punya hadis ini, sama ada dia sahih ke Hasan ke dan sebagainya sebab tidak semua yang di dalam dewan ini dia mahir mengenai hadis nanti ditakuti hadis yang kita baca ini, ini *miss leading, miss leading*. Jadi itulah dan saya pada saya yang saya faham hadis ini adalah hadis maudhu' dan saya fikir perlu dijelaskan, boleh dipakai tapi dikatakan untuk mungkin semangat kitalah, tapi kita perlu mengatakan bahawa ini adalah bukan hadis sahih ini hadis maudhu'.

Yang kedua, kita ini saya fikir kalau berhujah dalam dewan ini biarlah seperti kita katakan tadi bahawa kita berhujah, kita berhujah mengenai Islam, cakaplah mengenai Islam (Bahasa Arab) .berhujah dengan cara berhikmah, mengapa kita nak saling tuduh menuduh dan menggunakan sikap kita yang tidak Islamik itu sedangkan kita diajar oleh nabi bahawa (ayat Al-Quran) kenapa kita bekerjasama dan berbaik-baik dan jangan kita bekerjasama dengan benda-benda yang dosa dan menghancurkan dan kita semua dalam dewan ini adalah manusia-manusia yang dipilih untuk membina ummah, tidak kiralah sama ada orang Islam itu bukan Islam kita semua adalah satu ummah yang untuk membina bangsa kita. Kita dipilih oleh rakyat untuk menjadi wakil rakyat yang membina negeri Selangor. Kita ada Menteri Besar walaupun tidak ada *background* agama tapi beri peluang pada dia. Saya setuju beri peluang pada dia untuk dia bertugas, sudah pasti ada penasihat-penasihat yang ramai di sekelilingnya. Saya fikir kita beri peluang pada orang yang diberi amanah, tapi jalankanlah amanah dengan baik, berdakwahlah kita dengan baik ..(ayat Al-Quran).... Berpeganglah kita dengan tali-tali Allah, jangan bercerai berai. Kenapa kita nak bercerai berai, kita satu ummah yang baik. Di negeri Selangor kita satu ummah yang baik, walaupun kita parti lain-lain tapi kita ada satu ummah yang baik, kita nak membina Selangor negara yang maju dan saya harap Selangor ini akan terus maju dan saya harap pilihanraya yang akan datang orang akan memikir dengan baik supaya PRU 13 ramai-ramai seluruh rakyat negeri Selangor mengundi supaya mengembalikan semula Selangor ini ke tangan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Alhamdulillah, saya mengambil kira apa yang sahabat saya Yang Berhormat Tg. Sepat tadi menegur. Alhamdulillah, saya terima. Sambung sikit apa yang saya cakap, insya-Allah kemudian kita, saya difahamkan saya beri laluan kepada Ketua Pembangkang untuk berucap.

Terus terang kita beritahu bahawa kerjasama antara orang Islam dengan orang bukan Islam bukanlah satu perkara yang baru. Bukan selepas Pakatan Rakyat *take over* ke apa, bukan, tapi ia berlaku zaman Rasulullah S.A.W. itu sendiri. Peristiwa ini berlaku di mana ketika itu umur nabi belum 17 tahun. Satu peristiwa nabi dilahirkan di Mekah. Tiba-tiba ketika umur nabi 17 tahun itu, banyak perkara kemungkaran yang berlaku di Mekah yang menyebabkan ketika itu orang nak keluar rumah pun takut sebab mereka kena rompak dan membunuh dan sebagainya. Bayi-bayi wanita ditanam hidup-hidup dan sebagainya, keluar kumpulan-kumpulan *gangster* dan sebagainya, menyebabkan orang-orang Mekah ketika itu mengambil keputusan, mereka pergi ke rumah seorang tua yang bernama Abdullah bin Jidan. Di rumah Abdullah bin Jidan itulah ... saya *remaind* lagi sekali, ketika itu Rasulullah belum lagi diangkat menjadi Rasul, tidak ada orang Islam dalam perjanjian itu, perjanjian itu dinamakan Perjanjian Fudhu di mana mereka semua tanda tangan. Setiap kabilah mesti keluarkan, berjanji sama ada yang bertanda tangan atau dicop jari mengeluarkan dua puluh (20) ataupun tiga puluh (30) pemuda yang pada kesokan harinya terus bekerja untuk menjaga keselamatan dan juga keamanan di Mekah.

Alhamdulillah, perjanjian itu berlaku dan perjanjian itu nampak penurunan dari segi kes-kes gejala sosial dan juga rompakan dan jenayah yang berlaku. Apa yang saya sebut,

selepas S.A.W. dipendekkan cerita menjadi seorang pemerintah yang menguasai Madinah dan Mekah ketika itu. Apa kata Rasulullah dan ini menjadi satu dalil daripada sepuluh (10) dalil yang disebut oleh Yusuf Al-Qardhawi yang membenarkan mana-mana gerakan Islam boleh bekerjasama dengan orang-orang yang bukan Islam sendiri untuk menegakkan keadilan. Salah satu dalilnya ialah yang dibaca oleh Yang Berhormat tadi. (Ayat Al-Quran) hendaklah kamu bekerjasama, tolong menolong untuk kebaikan dan juga takwa dan jangan kamu tolong menolong dalam perkara yang boleh membuatkan kamu kepada keburukan dan juga percaduhan. Apa kata Rasulullah... (Bahasa Arab) kata Rasulullah. Rasulullah kata aku teringat ketika aku berumur 17 tahun satu perjanjian yang dibuat di rumah Abdullah bin Jidan di mana seorang pun tiada orang Islam, semua orang musyrik belaka, penyembah-penyembah berhala belaka tetapi kenapa kalau kata sekarang perkara itu boleh berlaku, kalau sekarang ini wujud, orang semua menyembah berhala pergi ke rumah berhala dan buat perjanjian itu kata Rasulullah (Bahasa Arab) kalau aku dijemput dan pergi untuk tandatangan, kata Rasulullah aku akan pergi *lal-ajib* tu kata Rasulullah. Ini satu dalil. Yang kedua dikatakan bahawa ini satu dalil, kita tengok sejarah Islam. Kita kena tengok ketika Andalusia di bawah pimpinan Islam yang dibawa oleh Tariq bin Zia, dan Musa bin Yusair di mana Andalusia yang sekarang kita kata antara Portugal dan Spain duduk di bawah kerajaan Islam *and full support* daripada orang Yahudi dan juga orang-orang Kristian ketika itu boleh bertahan bukan tujuh tahun, bukan tujuh puluh tahun tetapi tujuh ratus lapan puluh satu tahun kerana keajaiban Islam dan ada satu universiti di Cordova yang mengajar bahasa Hibrus, bahasa Yahudi, *graduate* daripada universiti ini doktor ke, *engineer* ke, diambil oleh kerajaan Islam untuk bertugas sebagai penjawat-penjawat awam termasuk dua orang doktor pakar yang diambil untuk menjadi doktor penasihat peribadi kepada Khalifah itu sendiri. Dan kita tengok piagam Madinah yang disebut di dalam buku-buku sejarah sebagai inilah sebagai satu perlumbagaan pertama yang dibuat dalam dunia piagam Madinah. Kita tengok bahawa bukanlah ini perjanjian dengan orang Islam sahaja tetapi lebih daripada sepuluh golongan kaum Yahudi antaranya yang boleh sebut sedikit Bani Aus, Bani Hajraj, Bani Aus, Bani Khalabah dan Bani Arif. Ini menunjukkan bahawa boleh bekerjasama dengan orang-orang yang bukan Islam ini dalam perkara-perkara yang mereka itu tidak menentang. Tadi, saya sebut tadi Yang Berhormat Pembangkang bahawa apa kononnya mengatakan DAP ini menentang hudud.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Boleh Yang Berhormat boleh saya mencelah.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Terus terang saya beritahu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Boleh mencelah sedikit.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Okey.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Okey, terima kasih Meru. Ah! Akhirnya dalam dewan yang mulia ada juga pemimpin PAS mengakui bahawa kerjasama Islam dengan yang bukan Islam ini boleh diterima. Yang UMNO dah

laksanakan dah 50 tahun dahulu, antara MCA, MIC dan sebagainyalah dan dulunya menjadi tohmahan kepada Barisan Nasional tetapi hari ini alhamdulillah ada pemimpin PAS terang-terang mengakui bahawa jumpa hadislah saya ingat. Terima kasih. Tapi saya lihat, saya ikuti juga ucapan Meru juga dari awal tadi banyak perkara-perkara baik yang disebut, hadis Al-Quran dan sebagainya, saya terima,saya akui, dan juga menyebut banyak perpaduan dalam Islam dan sebagainya. Saya hendak minta pendapat Pesuruhjaya PAS yang baru inilah mengenai apa yang berlaku di Negeri Kedah, iaitu di bawah pimpinan kerajaan PAS walau bukan kerajaan negeri Selangor. Tetapi saya hendak minta komen sedikit pendapat daripada Meru yang isu jatuh menjatuh ini kerana berebutkan jalan dan sebagainya. Jadi, ini sepatutnya memang memalukan kepimpinan yang PAS akui seolah-olah hendak tegakkan perjuangan Islam dan sebagainya, tetapi bila diberi peluang oleh Subhanahuwataala, pemerintah di Kedah rupanya berebut projek, jatuh menjatuh sesama sendiri. Saya hendak minta komen Meru sendiri. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Mesyuarat 36 (1).

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, seseorang Ahli hendaklah mengehadkan ucapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Kita sekarang tengah membahas usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan Selangor yang berkaitan dengan kerajaan negeri Selangor. Saya rasa tak ada gunanya untuk kita membincangkan sesuatu yang berlaku di luar negeri Selangor khususnya di negeri Kedah. Jadi, saya minta ah! Tuan Speaker untuk memberi pedoman tentang persoalan ini.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Tapi Permatang dia bukan berucap, dia tanya soalan. Jadi Meru, pandai-pandailah ya. Ah! Jangan keluar tajuk.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ya. Insya-Allah. Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Ah! Sebelum itu saya hendak beritahu bahawa. Saya ini, saya menyokonglah apa-apa yang disebut bahawa itu di luar daripada Selangor ini dan telah pun, dan dah selesai pun. Benda ini pun dah selesai. Kita itu saya katakan tadi. Pentingnya syura itu. Sebab itu saya tidak mahu lebihlah. Sebab itu bukan kami punya, itu Kedah punya. Kemudian saya hendak sentuh sedikit tentang DAP. Mana-mana pun orang beritahu ini tadi, yang ketua pembangkang minta saya beritahu tentang kenapa bila ada orang menentang hudud. Saya hendak beritahu hukuman ini, minta maaflah, saya nak beritahu dia bukan apa nama kewajipan PAS sahaja. Tetapi kewajipan orang Islam dalam UMNO sendiri dan juga dalam PKR. Sebab ini, minta maaf, saya tak hendak sebut nama. Tapi ada pemimpin tertinggi, mantan Presiden UMNOlah, dia sendiri mengatakan bahawa hukum hudud ini tidak ada dalam Al-Quran. Adakah cakap begitu.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Bila, bila tu Speaker, mohon penjelasan boleh.

**TUAN SPEAKER:** Bagaimana Meru. Benarkan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya hendak Tanya penjelasan, tadi kita tanya. Dia Tanya bila. Sekarang hendak Tanya bila, mantan Presiden UMNO sebut tu. Berapa hari bulan, berapa hari bulan, pukul berapa di mana. Penjelasan speaker.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ini dia orang tak buat *homework*. Tak baca ke, dalam berita semua keluar. Dalam apa nama, dalam internet semua keluar tu. Ada.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Jawab soalan penjelasan saya, kalau tak ada, jangan sebut. Kalau tak ada jangan sebut. Buat *homework*. Buat *homework*. Jangan tipu orang. Jangan bohong, awak Pesuruhjaya PAS. Itu Awak jangan nak bohong, itu pasal EXCO tak dapat.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Cukup. Cukup. Ini Yang Berhormat, kita cerita masa depanlah ya

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat, yang lalu, biarlah berlaku. Kita cerita masa depan.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Saya sentuh sedikit tentang apa ni, yang disebut bahawa, sebab benda ini dah jadi tohmahan. Ada yang mengatakan bahawa DAP ini kononnya anti Islam dan anti Melayu dan sebagainya. Cuba tengok balik laporan-laporan daripada Ketua Audit Negara sendiri yang dulu sebelum Pakatan Rakyat memerintah di Pulau Pinang sendiri. Kita tengok Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, saya tengok *track record* 2004, 2005, 2006 memang betul dapat habuan daripada Gerakan dan Barisan Nasional dahulu. Dia bagi RM10 juta, bagi RM12 juta, bagi RM9 juta, turun balik. Paling tinggi dia bagi sebelum 2008 sepuluh tahun itu ialah sebanyak RM12.5 juta. Tetapi bila DAP di bawah Yang Amat Berhormat Lim Guan Eng memerintah, diberi peluang untuk memerintah di Pulau Pinang, kita tengok *facts and figures* yang dikeluarkan oleh laporan daripada Ketua Audit Negara itu sendiri yang dahulunya jawatankuasa itu yang dapat yang paling tinggi saya tengok RM12.5 jutalah, tetapi di bawah DAP dibagi sampai RM63 juta untuk jawatankuasa hal ehwal ini. (Dewan bertepuk).

Kemudian dulu saya nak bagi sebab ada orang tanya, dulu dia tengok apa yang disebut sebagai *hardcore poverty*.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Nanti dulu, saya jawab..

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Peraturan Tetap 36 (1)

**TUAN SPEAKER:** Ya. Ya.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Peraturan Tetap 36 (1). Tadi, apa yang ditanya oleh Permatang, Meru tak jawab. Pasal kerajaan Kedah. Sekarang pula sebut sampai Pulau Pinang. Rasa saya mengikut Peraturan 36 (1) itu dah keluar daripada apa yang kita hendak bincang. Baik.

**TUAN SPEAKER:** Saya nampak perbezaannya. Tadi itu soalan, minta Meru untuk ceritakan apa yang komen, ya, daripada tu. Tapi, apa yang disebutkan oleh Meru tadi adalah memberi contoh. Jadi lain ya. Jadi, sila.

**Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN:** Terima kasih tuan Speaker. Begitu juga *hardcore poverty*. Iaitu miskin tegar. Yang semenjak, semenjak ni kemerdekaan, saya tengok di Pulau Pinang itu 99 % adalah orang-orang Melayu Islam. Yang langsung tidak ambil peduli. Tiap-tiap kali bila pilihanraya dekat barulah turun bagi RM500 ke RM200. Kemudian langsung tidak ambil peduli lagi. Tetapi bila DAP yang dikatakan, dilabelkan, difitnahkan sebagai anti Islam dan anti Melayu ini, apa yang, apa yang dibuat oleh Ketua Menteri Pulau Pinang yang daripada DAP yang boleh menyebabkan kita dari kalangan orang Islam boleh bekerjasama. Ialah, sekarang ini dia pergi rumah ke rumah. *Hard core poverty* ini ialah orang yang berpendapatan RM400 ke bawah sebulan. Jadi Yang Berhormat ni mana pergi. Tanya berapa dapat. Dapat RM300, tambah Kerajaan Negeri tambah jadi RM700 Yang mana dapat RM400 tambah jadi menjadi RM600. RM200 tambah jadi RM800 menyebabkan sekarang ini dah tak ada *hard core poverty* itu. Di Pulau Pinang yang menyelesaikannya bukan Kerajaan UMNO Barisan Nasional, Gerakan yang memerintah berpuluhan tahun, tapi diselesaikan tak sampai 3 tahun oleh satu parti yang dilabelkan sebagai, ini saya hendak menyebut apa yang disebutkan tadi. Kemudian kita dapati bahawa ah! Di dalam ucapan titah DYMM juga ya, baginda ada menyebut tentang bagaimana perlunya rakyat ini memberikan sokongan kepada Raja-raja Melayu. Kita hendak beritahu bahawa sebenarnya UMNOlah yang menjadi penderhaka kepada Raja-raja Melayu ini tuan-tuan. Siapakah yang belasah Raja-raja Melayu pada tahun 1983 kerana menolak cadangan supaya kuasa yang diberikan kepada Yang Dipertuan Agong mengenai perisytiharan darurat dikurangkan. Siapakah pada tahun 1991 dalam persidangan agung mereka Sultan Kelantan dihentam secara terbuka kerana kononnya menyebabkan mereka tersungkur kalah di Kelantan. Selepas pilihan raya tahun 2008, 23 daripada 24 orang ADUN Terengganu membuat ugutan memboikot Majlis Angkat Sumpah Dato' Mohamad Said. Kemudian pada Februari tahun 2009 pula penyokong-penyokong UMNOlah yang membuat demonstrasi melayakkan Sultan sebagai binatang. Mengapakah pihak polis tidak menangkap mereka berdemo menghina Sultan. Media pro UMNO mengkritik Sultan Pahang secara terbuka, apabila Menteri Besar ketika itu Datuk Rahim Bakar berselisih dengan Sultan Pahang. Dalam persidangan UMNO juga perwakilan UMNO meminta harta raja disiasat, berita itu disiarkan di muka surat hadapan Utusan Malaysia. Pada 18 Januari, catit ya, siapa hendak tarikh itu catit. 18 Januari 1983 Pindaan Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan Raja-raja di bawa ke

mahkamah. Ada Raja-raja Melayu minta ditangguhkan pindaan ini. Ada media pro UMNO mengkritik raja-raja secara terbuka. Pimpinan UMNOlah yang meminta supaya amalan panggilan patik yang digunakan apabila berkomunikasi dengan Sultan dihentikan. Memadai dengan menyebut saya Tuanku sahaja. Inilah, banyak lagi apa nama *evidence* yang menunjukkan bahawa mereka lah UMNO yang sebenarnya pengkhianat Melayu dan juga, Melayu dan juga raja sendiri. Dan sebagai penutup ini saya hendak beritahu ini tuan-tuan tak payah jawab dengan mulut tetapi jawab dengan hati, tapi jawab dengan jujur. Presiden parti manakah yang telah menyerahkan Singapura kepada Lee Kuan Yew. Siapakah yang telah menjatuhkan Pulau Batu Putih dan Tanjung Pagar kepada Singapura. Siapakah yang menyerahkan 200 hektar tanah Melayu di Johor dan memberi kuota 50% pembangunan Wilayah Persekutuan Iskandar kepada Singapura. Siapakah yang bertanggungjawab terhadap lesapnya RM52 bilion saham bumiputera sejak merdeka. Siapakah yang merampas dengan kejamnya dan menyusutkan keluasan tanah rizab Melayu yang ditinggalkan oleh British lebih 50% sejak merdeka. Dan akhirnya siapakah yang beri arahan serangan yang menyebabkan peristiwa berdarah dan pembunuhan ke atas orang-orang Melayu Islam di Kampung Memali, Kedah pada 19 November 1985 dengan percubaan fitnah bahawa mereka itu adalah komunis. Sekian, saya mencadangkan, saya menyokong cadangan supaya ucapan ini dibahaskan. Sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Seri Serdang.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** *Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberikan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan DYMM Sultan Selangor di persidangan dewan yang mulia ini. Bagi pihak ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional saya ingin mengambil kesempatan ini menjunjung kasih ke bawah DYMM Sultan Selangor yang begitu prihatin kepada masalah kesejahteraan dan keselamatan semua lapisan rakyat di negeri Selangor, malahan dalam beberapa hal DYMM Tuanku lebih rasional dan prihatin daripada kepimpinan kerajaan terutama yang melibatkan hal ehwal agama Islam. Kebajikan rakyat, golongan berpendapat rendah dan perpaduan rakyat berbilang kaum. Bagi kami rakyat Selangor DYMM Tuanku adalah payung. Pada kami dan merupakan kuasa serta pelindung terakhir tempat kami mengadu apabila kerajaan gagal mengatasi masalah rakyat. Malahan dalam banyak hal DYMM Tuanku sajalah tempat kami mengadu dan bergantung apabila kerajaan yang ada sekarang tidak mampu menyelesaikan masalah rakyat kerana wujud perbezaan ideologi keutamaan, kepentingan parti yang menganggotai kerajaan yang saya sebutkan kerajaan Pakatan Pembangkang dengan kerajaan persekutuan. Tuan Speaker. Ketidakstabilan politik dan pentadbiran kerajaan Selangor. Hari ini 20 Mac 2012 merupakan hari yang ke 1,460 atau hampir empat tahun kerajaan Selangor di bawah pemerintahan kerajaan pakatan pembangkang. Tempoh empat tahun sudah mencukupi kepada rakyat negeri Selangor untuk membuat penilaian secara realistik dan objektif tentang kemampuan pakatan pembangkang negeri Selangor dan yang lebih penting sejauh manakah mereka telah berjaya menunaikan semua janji dalam manifesto pilihanraya yang ke 12 tahun 2008. Manifesto pilihanraya yang menjadi langit, roket dan bulan sehingga rakyat

terpedaya tetapi akhirnya tertipu dan membuat kesilapan kerana meletakkan mereka di tempat yang bukan ahlinya. Inilah akibatnya apabila kita menyerahkan kuasa kepada orang yang bukan ahlinya seperti sabda Nabi Muhammad S.A.W. yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari apabila sesuatu jawatan diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancurannya. Itu macam Yang Berhormat Meru juga cakap tadiyah. Sejak dahulu lagi kami telah menyangka bahawa kerajaan negeri ini tidak mampu untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang stabil, dan mantap kerana dianggotai oleh tiga ahli keluarga yang berbeza ideologi. Pendekatan, keutamaan dan kepentingan satu pakatan yang rapuh. Satu perkahwinan yang tidak berdaftar semata-mata *marriage of convenience* dengan izin Tuan Speaker. Anggota pertama dengan ideologi dengan dan dasar perjuangan yang sudah melenceng dari Negara Islam ke Negara berkebajikan kerana apa. Semata-mata matlamat menghalalkan cara dan *aims, justify, the means* dengan izin Tuan Speaker. Anggota kedua dengan konsep Malaysian Malaysia yang sentiasa mencabar asas-asas, kejutan Negara Malaysia dan semangat kontrak sosial serta perlembagaan Malaysia. Anggota ketiga ialah ketua keluarga yang bercita-cita dan bernafsu besar untuk meletakkan ketuanya ke Putrajaya dengan projek 16 September yang terbukti gagal, ala mat jenin. Keceluaran dan kerapuhan ini terbukti dengan pemecatan mantan Pesuruhjaya PAS Selangor, ADUN Gombak Setia, yang kemudian digugurkan sebagai EXCO Kerajaan Negeri. Pengurus Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Kebudayaan, dan Warisan dan Infrastruktur. Cara kebetulan pada masa yang sama sahabat mereka di Kedah mengalami masalah yang sama juga bergolak walau pun dalam keluarga anggota pertama. Tetapi sebenarnya asas ketekunan anggota kedua dan ketiga terutama ketua keluarga yang mempunyai kepentingan dan keutamaan sendiri. Akibatnya rakyat menderita, pembangunan negeri terjejas dan kesejahteraan rakyat terabai. Dalam konteks negeri Selangor tempoh empat tahun pemerintahan kerajaan ini penuh dengan pancaroba dan insiden-insiden yang tidak pernah berlaku sebelumnya. Kerana setiap anggota keluarga mempunyai agenda tersendiri. Tidak ada *central command* dengan izin atau kuasa pusat yang kukuh. Akibatnya berlakulah peristiwa-peristiwa hitam seperti berikut:

Yang pertama, meminggir dan memansuhkan pelaksanaan dasar program-program dasar ekonomi baru yang dipelopori oleh PKNS sebaik-baik sahaja mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri. Mengikut jejak kerajaan negeri Pulau Pinang yang diketuai oleh Ketua Menteri yang memang terkenal penentang tegar dasar ekonomi baru. Tidak dapat dinafikan bahawa pelaksanaan dasar dan program DEB lah yang telah menjadi landasan kuat kepada kestabilan politik Selangor selepas tragedi 13 Mei. Dan kejayaan program penyusunan semula masyarakat sebagai asas perpaduan rakyat berbilang kaum. Yang lebih penting menjamin pembangunan ekonomi yang seimbang di negeri ini. Kesan peminggiran DEB di PKNS telah menyebabkan PKNS sebagai agensi pembangunan kepada agenda sosial ekonomi dan pemegang amanah bumiputera. Lebih mengutamakan KPI, memaksimumkan keuntungan melalui perlaksanaan projek-projek mega seperti pembangunan Dataran Jelatik Hulu Kelang, Kompleks Sukan Kelana Jaya, penjualan harta PKNS melalui Erit, pembinaan rumah kos tinggi dan mengetepikan projek-projek rumah kos rendah. Atas KPI inilah..

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit. ya. Saya hendak tanya sedikitlah. Adakah Sri Serdang sedar bahawa apa yang Serdang sebut tadi tu bercanggah dengan titah ini ucapan DYMM Sultan di muka surat dua di mana beta bertitah, ini, Sultan bertitah bahawa alhamdulillah Negara Malaysia dan negeri Selangor yang kita kasihi ini masih dalam keadaan aman dan makmur. Manakala rakyat terus dapat menjalankan kehidupan harian dengan bebas dan sejahtera. Oleh itu beta menyeru kerajaan yang terjalin dengan rakyat negeri ini kukuh dan hendaklah diteruskan dan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Ini bercanggah ya dengan. (Dewan ketawa).

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tak betullah, kerana yang sebutkan tadi selepas 13 Mei. Bila dasar ekonomi baru, penyusunan semula ini. Ini yang menjadikan kekuatan orang kata perpaduan, jurang perbezaan itu. Ya, dapat didekatkan. Dan ini yang membawa kepada kemakmuran kepada negara dan negeri Selangor sehingga Selangor di bawah pemerintahan Barisan Nasional boleh mampu lebih maju pada 2005 dan hari ini alhamdulillah di bawah pakatan pembangkang.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** 13 Mei, pilihanraya belum wujud.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Itu sebab saya kata dasar ekonomi baru. Yang meletakkan jurang perbezaan yang membawa kepada keamanan Negara dan negeri. Ya. Ah itulah kena faham, Yang Berhormat Meru ya. Ah! Jangan tak faham pula.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** 13 Mei itu berlaku bila, pada tahun berapa 13 Mei itu.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ya.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** 13 Mei tu, tahun berapa berlakunya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tahun 1969.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Betullah. Itulah yang membawa kepada kesejahteraan sekarang bila dasar ekonomi baru dibuat. Keselamatan, kesejahteraan, perpaduan macam-macam boleh disebutnya. Pembinaan rumah-rumah kos tinggi dan mengetepikan projek rumah kos rendah atas KPI inilah PKNS terpaksa membayar gaji pengurus besarnya sebanyak RM40.00 sebulan dan lain-lain kemudahan termasuk bonus berjumlah RM1.4 juta dalam tempoh 23 bulan beliau bertugas di PKNS. Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ADUN Ijok. Bukankah DEB ini yang meletakkan ADUN Ijok ke tempat sekarang. Bukankah DEB telah memberikan peluang sepenuhnya kepada ADUN Ijok untuk berkhidmat dengan PNB, mempelopori projek Amanah Saham Nasional, Ketua Eksekutif Guthrie, sehingga mendapat anugerah CEO of the year dan akhirnya mendapat saham *Golden Share*

*Guthrie* kerana kebijaksanaan dan kelicikan mempengaruhi pihak-pihak tertentu, tiba-tiba setelah diberi mandat dan amanah mengetuai kerajaan negeri Selangor melalui Pakatan Pembangkang, setelah mengecapi banyak kejayaan dan kemewahan melalui dasar DEB ini sampai hati meminggir dan memansuhkan pelaksanaan dasar dan program DEB di negeri Selangor. Sedangkan ramai lagi kumpulan sasaran yang masih belum lagi mendapat kemudahan bagi rakyat Selangor khususnya kaum bumiputera. Yang Amat Berhormat dari Ijok adalah saya anggap merupakan satu pengkhianatan kepada bangsanya yang mendokong DEB. Seorang *hipokrit* dan *opportunist* seperti kacang lupukan kulit, bagai enau dalam belukar. Walau apa pun rasional dan penafian Yang Amat Berhormat dari Ijok, itulah persepsi rakyat.

Yang kedua, kmelut dan kontroversi pelantikan Y. Bhg. Dato' Haji Mohamad Khusrin bin Haji Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Peraturan 36.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Minta maaf, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Peraturan 36, saya hendak ingatkan. Dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebut kelakuan atau pun sifat seseorang ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau sesuatu pegawai kerajaan melainkan kelakuan pada menjalankan pengkhususan sebagai ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau pegawai kerajaan. Jadi, saya minta juga jangan sebut yang nama kalau tidak melibatkan itu ya.

**Y,B, DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kerana tidak setuju dengan pelantikan beliau dan gagal meletakkan kroninya kerajaan negeri mengadakan persidangan tergempar untuk meminda undang-undang tubuh kerajaan Selangor 1959 pada 21 Jun 2011. Walau pun sudah tahu lebih awal tidak akan diluluskan kerana tidak cukup sokongan dua pertiga majoriti ahli-ahli Dewan. Kerana keegoan kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri berlakulah krisis perlombagaan negeri Selangor dan polemik politik yang tidak perlu membuang masa dan membazirkan wang rakyat.

Ketiga, merampas tanah Yayasan Basmi Kemiskinan di Serendah, Hulu Selangor, iaitu tapak projek.

Yang Keempat, membenarkan arak dijual secara terbuka termasuk di Shah Alam, di mana majoriti penduduknya beragama Islam.

Yang kelima, membenarkan pembinaan banyak hotel-hotel bajet di merata pekan dan bandar seluruh negeri Selangor tanpa kawalan dan pemantauan. Ditambah dengan kewujudan pusat-pusat hiburan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Ah! Saya tertarik dengan ucapan yang dibangkitkan oleh Seri Serdang selaku ketua pembangkang ADUN yang senior yang veteran dalam dewan ini. Saya hendak tanya. Soal arak dijual secara terbuka di Shah Alam. Berlaku di saman Pakatan Rakyat atau pun sebelum ini sudah berlaku di negeri Selangor termasuk di Shah Alam. Saya duduk di Shah Alam dah lebih dua belas tahun. Saya hendak tanya selepas Pakatan ke atau sebelum ini sudah ada. Sila beri jawapan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya ingat Yang Berhormat Sekinchan pun faham, dan tahu. Kes ini berlaku dan begitu hebatnya diwar-warkan semasa kerajaan Pakatan Pembangkang ini. Sebab mengapa ketika itu EXCO Gombak Setia cuba hendak mengambil tindakan, ada pula EXCO yang lain pula menghalang. Itu yang saya maksudkan. Jadi di sini bermakna permuafakatan di kalangan mereka-mereka tak dapat sepakat dalam membanteras soal yang ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak ada surau.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tak ada surau ya. Tak ada surau ke tak ada masjid. Ini, ya, yang saya maksudkan. Penjualan arak seperti di Shah Alam, yang majoritinya orang Melayu dam ketika itu ada pertelingkahan antara kerajaan sama kerajaan dalam Pakatan Pembangkang ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Itu soal kemudian. Yang saya dengar apa yang diucapkan oleh Sri Serdang itu mengatakan jualan arak terbuka seolah-olah selepas Pakatan Rakyat sebelum ini, waktu Barisan Nasional tiada jualan terbuka. Saya hendak tanya, ini persoalannya kena jawab. Jangan melencong ke tempat lain.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ya, maksudnya kenapa pula dibangkitkan ketika Pakatan Pembangkang memerintah. Ketika Barisan Nasional memerintah tak ada pun bangkangan. Jadi, ini berlaku semasa Pakatan Pembangkang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi, Tuan Speaker, maknanya Seri Serdang, Ketua Pembangkang mengaku memang jualan terbuka arak memang sudah berlaku sebelum Barisan Nasional, sebelum Pakatan Rakyat, Betul atau tidak. Ah! Tak perlulah sebut benda yang tu. Memang sudah berlaku.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Kalau tak ada bangkangan ketika Barisan Nasional dahulu maksudnya benda itu tak berlaku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Saya rasa.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ya. Tak ada bangkangan. Tak ada masalah, ta adalah berlaku. Tak ada berlaku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Sebenarnya Yang Berhormat Ketua Pembangkang, soalan daripada Yang Berhormat Sekinchan itu *simple* sahaja.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Eh! Saya jawab pun *simple* juga ni.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya pun nak tanya soalan. Saya pun nak tanya soalan. Saya hendak tanya soalan juga. Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Masa kerajaan Barisan Nasional, tiada bangkangan, tiada ada pun cerita ni. Tapi, bila kerajaan Pakatan Pembangkang ini memerintah, soal arak pula timbul.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat, bawa bertengang dahulu. Cukup, Saya rasa dua-dua pihak pun silap. Apa cerita yang sepatutnya adalah isu menjual *beer* bukan arak. Bukan soal arak, jadi yang berucap tu silap dan yang bertanya pun silap. Jadi, kita berakhir di sini.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Jadi, Tuan Speaker fikir yang mana.

**TUAN SPEAKER:** Saya tak boleh campur. (Dewan ketawa).

**TUAN SPEAKER:** Saya tak boleh ambil campur. Saya cukup adil ini, haa teruskan, teruskan

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya minta pandangan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, saya duduk tengah-tengah, kalau Yang Berhormat nak tolak saya ke sebelah situ saya boleh ke situ, tapi janganlah saya duduk tengah-tengah. Baik sila teruskan, teruskan Yang Berhormat. Jangan gaduh duduk tengah-tengah, teruskan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Bolah saya teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Sila, sila

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Sampai ke mana pula. Saya ingat bukan tak ingat, sahaja nak acar Yang Berhormat Sekinchan, Saya ingat balik ke no. kelima.

- 5) Membenarkan pembinaan banyak hotel-hotel bajet di merata pekan dan bandar di seluruh negeri Selangor tanpa kawalan dan pemantauan. Ditambah dengan kewujudan pusat-pusat hiburan halal atau haram. Selangor menjadi syurga tempat tumpuan aktiviti maksiat terutamanya dengan pendatang-pendatang serta wanita-wanita asing

6) Pengeluaran pasir sewenang-wenangnya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, saya minta calar sedikit, perkara yang Seri Serdang bangkit saya nak berosal sedikit nak tanya.

**TUAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mengatakan hotel bajet wujud di Selangor dan sebagainya. Saya nak tanya satu soalan *simple* sahaja wujud di Selangor dan sebagainya. Saya nak tanya satu soalan *simple* sahaja. Bagaimana hotel bajet wujud di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan yang ditadbir oleh Barisan Nasional apakah bezanya hotel bajet di Kuala Lumpur, di Selangor, Pahang dan dengan di Negeri Sembilan cuba jawab apa masalahnya?

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Jawab saya senang sahaja, saya cerita di Selangor, saya tak cerita di Kuala Lumpur.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Di Sekinchan pun sekarang ada macam-macam tol. Pelancongan syukur alhamdulillah pelancongan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ah, itulah sebabnya saya cerita di Selangor, bukan di Kuala Lumpur, tak ada kena mengena Kuala Lumpur. Saya cerita ini pasal Kerajaan Pakatan Pembangkang yang dikatakan bagus ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, masalah, apa masalah hotel bajet? PBT apa masalahnya Kuala Lumpur serupa hotel bajet. Apa masalah hotel bajet?

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Dengarlah dulu, inilah masalah saya nak cerita.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Seri Serdang mengatakan tadi bahawa kemasukan pendatang haram, pendatang luar dan sebagainya adalah dengan izin kerajaan Selangor bukan ini bukan hak Kerajaan Persekutuan mengawal Negara daripada kemasukan pendatang haram dan sebagainya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Dia masalahnya pada di negeri Selangor ada banyak bajet hotel itulah sebab pendatang banyak. Ah, betullah cuba kalau baca hotel banyak di sini yang haram tak banyak, tak datang ke Selangor ini. Tapi pasal terlampau banyak *budget* hotel yang haram-haram ini jadi dia datang lah ke Selangor. Sebab Selangor mengundang haram, ah senang. Masya-Allah, tau pun Masya-Allah. Yang keenam

7) Pengeluaran pasir sewenang-wenangnya secara besar-besaran tanpa kawalan dan pemantauan berkesan yang telah menjelaskan Alam Sekitar dan meninggalkan lubang-lubang, kolam-kolam besar, sebagai kawasan

yang sangat mahal untuk dibangunkan di masa hadapan. Walaupun kerajaan negeri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri berjanji untuk memantau aktiviti pengeluaran pasir melalui Syarikat Kumpulan Semesta Sendirian Berhad tetapi terbukti baru-baru ini seperti dilaporkan oleh akhbar *The Star* pada 14hb Mac 2012 exclusive *Rock Sand Less The largest illegal sand mining* di Selangor so far dengan izin Tuan Speaker saiz tiga padang bola dekat SKC Kampung Timah, Bukit Beruntung. Apa peranan KSSB yang diagung-agungkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, bagaimana dengan janji dan jaminan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa kecurian pasir akan dikawal. Kak sini pun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pun berbohong kepada rakyat.

- 8) Pembaziran menjolok mata tanpa kawalan dan pemantauan seperti yang berlaku di Yayasan Selangor yang diakui sendiri oleh Pengurus Besar Yayasan.
- 9) Cabaran dan keingkaran secara terbuka terhadap arahan-arahan Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam Selangor atau JAIS termasuk memperlekehkan Enakmen Agama Bukan Islam kawalan Perlembagaan di kalangan Bukan Islam Tahun 1988. Yang anehnya gerakan ini di komplot sendiri oleh beberapa tokoh dari PAS terutama Ahli Parlimen Shah Alam dibantu oleh ADUN Meru yang sekarang menjadi Pesuruhjaya PAS Selangor mungkin kerana itulah agaknya salah pada hemat saya ADUN Meru tidak dipilih menjadi EXCO. Hanyaalah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sahaja yang tahu. Yang sembilan

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Terima kasih Ketua Pembangkang saya menarik tarik dengan isu kecurian pasir yang dipunggah dan dipetik oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya ingin bertanya kalau adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam laporan-laporan yang di maksudnya ini sebenarnya isu ini, isu ini di bawa oleh Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor ke tempat-tempat itu untuk menjalankan laporan. Maksudnya adakah Yang Berhormat tahu bahawa ini adalah usaha KK daripada penguatkuasa kerajaan negeri Selangor untuk membendung gejala kecurian pasir dan bukan diperingkat sewenang-wenang oleh pemberita tanpa asal usul. Jadi itu keputusan adakah Yang Berhormat sedar tentang laporan atau secara teliti ini.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Yang Berhormat Kampung Tunku saya nak paparkan bila ada tulisan surat khabar seperti ini bak kata, Katalah kita sewenang-wenangnya yang disebutkan tanpa pemantauan korek sewenang-wenangnya, sedalam-dalamnya 5 kaki, 6 kaki, 7 kaki. Wah seronok pasal dapat duit banyak ini. Duit banyak ini nak berapa *million* dapat, katakan 10 juta dapat 10 juta. Tetapi kalau tidak ada pemantauan bagaimana kalau kawasan itu 5 tahun atau 10 tahun yang akan datang nak dibangunkan. Silap-silap besok pendapatan pasir itu banyak tetapi kos nak timbus lebih banyak daripada itu. Ini yang saya sebutkan kos

pemantauan yang dilaporkan oleh... Ah inilah yang saya nak sebutkan tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa sebenarnya usaha gigih telah dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor khususnya penguatkuasa Pejabat Tanah dan Galian Daerah Hulu Selangor untuk menekan kecurian pasir ini. Kalau Yang Berhormat baca betul-betul isu ini, isu ini lombong pasir ini hanya beroperasi selama enam bulan sahaja. Enam bulan sudah dapat kita mengesan dan mengetuk. Kalau Barisan sama Barisan enam tahun pun tidak ada tindakan. Bukan *u* kesan saya pergi *report* Pejabat Daerah, Batang Kali, Batang Kali.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ah itu nasib baik ada *report* dari Batang Kali, baru turun kalau tidak tak turun.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tapi sekurang-kurangnya Yang Berhormat Parti Pembangkang merakamkanlah ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai kita yang melakukan operasi ini, betul tak? Jangan asyik kredit sahaja.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya rakamkan terima kasih kepada sahabat Yang Berhormat Batang Kali kerana laporkan. Yang saya nak cerita tadi itulah dia. Cuba bayangkan kalau tidak ada pemantauan siapa yang rugi nanti. Wah hari ini memang mewah dapat *collect* tetapi masa akan datang bila nak timbus balik. Mana nak dapat tanah mana silap-silap kos lebih tinggi daripada hasil pasir yang dapat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, saya nak calar sedikit. Saya nak tanya satu soalan kepada sahabat lama saya batin ku Seri Serdang. *kabare* (bahasa jawa) dengan izin dulu-dulu saya tanya

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Dia pula suruh saya duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** lalah, saya tanya

**TUAN SPEAKER:** Kalau izin duduk lah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya tak nak duduk

**TUAN SPEAKER:** Saya kena kacau kalau benarkan Seri Serdang duduk, kalau tak benarkan Sekinchan duduk.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya dah jawab, suruh Sekinchan duduk. Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak calar sedikit, bagilah kawan lama, kawan lama.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Suruh dia duduk, saya pun tak faham dia cakap bahasa apa dia cakap tadi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Bahasa dia, bahasa dia Seri Serdang kau tak mengaku Jawa pula chehh..

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker yang kesembilan kemuncak kepada episode-episode ini ialah pemecatan Yang Berhormat ADUN Gombak Setia dan pengguguran sebagai EXCO yang bertanggungjawab pada Hal Ehwal Agama Islam. Tuan Speaker pemecatan Yang Berhormat ADUN Gombak Setia dalam kes ini yang paling tertekan ialah keluarga kedua. PAS dalam Pakatan Pembangkang pelantikan Yang Berhormat ADUN dari Sijangkang menggantikan ADUN Gombak Setia sebagai Pengurus Jawatankuasa Tetap Adat Melayu Belia dan Sukan dan pemindahan portfolio Hal Ehwal Agama Islam dan Infrastruktur daripada EXCO PAS kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri merupakan satu tamparan hebat kepada PAS sebab parti yang mendakwa perjuangkan Islam. Apakah rasionalnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar memegang sendiri portfolio Agama sedangkan portfolio itu adalah kekuatan PAS. Adalah tidak percaya dan yakin dengan kemampuan dan perubahan ADUN-ADUN PAS termasuk ADUN Meru yang daripada Pesuruhjaya, ADUN Selat Kelang, ADUN Bangi lagi hebat atau ADUN Cempaka. Atau dapat tekanan dari rakan-rakan kedua dan keluarga ketiga. Oleh kerana Yang Amat Berhormat dari Ijok bukan seorang yang pakar Agama mungkin mudah dipengaruhi oleh dan senang berkompromi. Mengapa kepimpinan PAS negeri dan pusat menerima dengan tangan terbuka dan mendakwa tiada halangan atau PAS sengaja tidak mahu Portfolio tersebut kerana tidak mahu tanggungjawab jika timbul masalah sensitif yang melibatkan Agama Islam sebagai yang dialami dahulu. Hakikatnya maruah PAS tercabar portfolio agama adalah kekuatan dan kepakaran PAS macam mana PAS boleh mendakwa sebagai Parti Islam yang monopoli Islam kalau tidak ada kuasa pentadbiran agama Islam di Selangor. Sebenarnya kalau nak kira PAS bacul lari dari tanggungjawab takut dengan tekanan, tidak boleh diharap untuk memperjuangkan Islam dan monopolii pelaksanaan enakmen-enakmen yang melibatkan agama Islam. Nampaknya PAS hanya layak jaga portfolio adat Melayu Belia dan Sukan sahaja atau portfolio Pendidikan dan Portfolio Perumahan. Kepada Yang Amat Berhormat jagalah baik-baik Hal Ehwal Agama Islam. Mengambil portfolio agama Islam adalah tanggungjawab besar dan satu amanah Allah kepada Yang Amat Berhormat hendaklah persaingkan kedudukan walaupun mendapat tekanan anggota keluarga ketika. Jangan mudah berkomponen, jangan politikkan portfolio agama sentiasa tawaduk dengan Nabi Muhammad S.A.W. Apabila sesuatu jawatan diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancurannya. Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri pun percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar mampu bersama-sama memartabatkan lagi agama Islam dan umat Islam di negeri ini. Marilah kita berdoa semoga Yang Amat Berhormat dari Ijok diberi kekuatan taufik dan hidayah dalam memikul tanggungjawab yang besar dan amanah Allah menjaga portfolio agama Islam sama-samalah kita lihat dan tunggu prestasinya. Berbalik kepada pemecatan ADUN Gombak Setia daripada PAS walau pun ini dalaman PAS tetapi terbukti PAS telah memancingkan kedudukan politik dan hubungan baik menjaga hati sekutu sehingga

keluarga kedua dan ketiga daripada mempertahankan Anggotanya sendiri yang lantang tegas dan bersungguh-sungguh mempertahankan kedudukan Islam selaras dengan Enakmen-enakmen yang berkaitan dengan Agama Islam di Selangor. Kalau itulah pendirian PAS apakah kita boleh harapkan pagar, pagar makan padi.

Tuan Speaker, pelanggaran dan janji-janji manifesto Umum Pilihanraya Yang Kedua belas (12). Dalam Pilihanraya yang kedua belas Pakatan Pembangkang telah membuat 32 janji-janji untuk mempengaruhi pengundi-pengundi melalui manifesto pilihanraya yang ke 12 dengan tema Selangor Bersih Maju dan Berkebajikan. Empat perkara di bawah kewibawaan, dua belas perkara di bawah sosial dan kebajikan rakyat, empat perkara di bawah kesihatan rakyat, tujuh perkara di bawah ekonomi rakyat, tiga perkara di bawah keselamatan rakyat. Di samping itu banyak lagi janji-janji yang dibuat oleh kerajaan negeri terutama Yang Amat Berhormat sendiri dalam tempoh empat tahun memerintah negeri Selangor. Sebenarnya memang mudah membuat janji kalau kita belum memegang kuasa apalah kalau kuasa itu kuasa politik. Cabaran menguruskan rakyat berbilang kaum, berbagai latar belakang, berbagai ragam, berbagai kehendak dan kepentingan. Realitinya banyak janji-janji yang tidak dapat dilaksanakan. Janji-janji kosong cakap tak serupa bikin. Daripada 32 janji teras manifesto Pilihanraya Yang Ke-12 sebanyak 21 iaitu 65% janji-janji belum dilaksanakan. Baki 11%-34% dilaksanakan tapi tidak menyeluruh dan berkesan. Cuba kita lihat satu persatu pelaksana janji-janji tersebut. Urus tadbir berwibawa memastikan semua pemimpin bersih dari rasuah boleh dipersoalkan tidak sepenuhnya. Menyiasat penyelewengan Pentadbiran Tanah dan sumber negeri tidak berkesan dan tidak konsisten. Menghentikan projek yang membazir dan rugi, memastikan ketelusan pentadbiran negeri bohong tidak bersungguh-sungguh banyak bukti tidak ketelusan. Menghentikan campur tangan politik dalam perniagaan ini juga bohong kerana ada campur tangan dalam operasi terutamanya Kumpulan Semesta Sendirian Berhad dengar, dengar ADUN Sri Muda pun ada beri surat sokongan. Melarang Ahli-ahli EXCO terlibat dalam perniagaan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sri Muda bangun, terima kasih Seri Serdang oleh kerana sebut itu saya kena bangkitlah. Saya minta Yang Berhormat Seri Serdang buktikan jika benar itu wujud surat sokongan daripada Sri Muda yang dihantar ke pejabat itu. Kalau ada buktikan, kalau tak ada ulang dekat Dewan saya boleh saman.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya cerita dengar cerita kalau tak ada, tak adalah, dengar cerita kalau tak ada, tak adalah. Takkannya tak boleh usik, tadi mengusik kan apa salahnya. Masalah melarang Ahli-ahli EXCO terlibat dalam perniagaan. Ini tidak serius bagaimana kedudukan EXCO dan Tony N21 Cempaka dan N30 Kinrara sebagai Lembaga Pengarah PKNS semasa Kerajaan BN hanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sahaja sebagai Pengarah atau Penggerusi PKNS.

Sosial dan Kebajikan Rakyat tabung permulaan RM100 bagi setiap anak kelahiran Selangor tak ada. Bantuan RM75 sebulan bagi setiap anak nurseri tak ada. Bantuan RM50 sebulan seorang bagi Pendidikan Pra Sekolah tak ada. Hadiah RM1,000 setiap anak Selangor yang dapat tawaran ke Universiti tak ada. Elaun khas suri rumah yang memiliki untuk menjaga separuh masa anak-anak mereka tak ada. Bantuan anak-anak muda mendirikan rumah tangga tak ada. Ada, dengar, dengar itu Angkasawan, ah itu seorang sahaja. Yang lain tak ada RM500,000 belanja dengar cerita. Mewujudkan Institusi menyelaraskan Hal Ehwal selain Agama Islam tak ada. Membantu setiap rakyat Selangor untuk mendapatkan kediaman sendiri tak ada. Rumah-rumah PKNS terlalu mahal di luar kemampuan ramai yang apa kemampuan yang tak ramai beli. Tapi dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dulu kalau tak silap orang pertama nak bina rumah kos rendah sebanyak RM40,000 unit dalam masa setahun. Setahun PKNS nak bina 40,000 unit sampai sekarang tak ada. Membuka Pusat-pusat Sukan Mini dan Rekreasi Belia ada tetapi terhad. Ada yang ada kita sebut ada tapi terhad. Caruman Takaful RM2,5000 untuk warga emas, orang kurang upaya dan anak yatim, nasib baik saya anak Satim ada tapi terhad bilangannya. Ada Ibu Tunggal yang layak ada tapi terhad dan terpilih. Bantuan dan biasiswa pelajaran untuk anak Selangor ada tapi terhad. Kesihatan Rakyat memberi wanita bekerja 90 hari cuti bersalin ada. Yang sebut ada, ada Yang Berhormat Sekinchan gelak kenapa, yang ada, adalah saya sebut, yang tak ada gelak besar., yang tak ada gelak besar. Menyediakan perubatan percuma untuk warga 65 tahun ke atas ada tapi terhad.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sri Muda bangun.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih, Seri Serdang. Tadi yang Berhormat ada sebutkan yang bantuan untuk pelajar itu ada, saya rasa Yang Berhormat itu ketinggalan zaman atau pun ketinggalan mengikuti maklumat-maklumat terkini. Jadi sila semak dan betulkan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Dalam pencairan saya tak ada, ah itu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Speaker, saya nak cerah sedikit, minta Ketua Pembangkang *khabari*.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya tak faham bahasa itu, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kalau saya malulah kalau Jawa itu mengaku dia bukan Jawa. Inilah hilang identiti kita gunakan bahasa Malaysia tiada masalah.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, saya tak faham, saya tak faham.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dengan izin, apa khabar, apa khabar?

**TUAN SPEAKER:** Apa khabar?

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Kalau Tuan Speaker, tak faham saya lagi tak faham.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, kalau hari ini saya sebagai seorang Cina saya kata saya tak tahu bahasa Cina, saya malulah.

**TUAN SPEAKER:** Tapi masalah ini Dewan ini kita cakap Bahasa Melayu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kawan lama saya tanya sedikit.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan. Saya tak kira itu persahabatan antara Seri Serdang dan Sekinchan saya tak masuk campur. Saya nak bahasa yang betul sini nak faham. Baik

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Kalau di luar mungkin saya faham, kalau Tuan Speaker tak faham saya lagi tak faham. Memang tak faham.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak tanya sedikit.

**TUAN SPEAKER:** Boleh tak Seri Serdang beri jalan kepada Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sebab ada dua perkara tadi yang disebutkan oleh Seri Serdang berkenaan dengan bantuan tak ada, hadiah masuk Universiti tak ada. Saya nak tahu sama ada Seri Serdang ini sekarang duduk di zaman batu ke bila, kenapa tak ada Akta seperti ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Seri Serdang minta laluan. Saya memang setuju apa yang Seri Serdang cakap tadi. Pasal bantuan masuk IPTA hadiah masuk IPTA dan PTS. Di DUN Sungai Pelek *border* kita bersempadan dengan Negeri Sembilan. Anak-anak, pelajar-pelajar yang memohon kepada kerajaan negeri tak dapat sebab i/c no. tengah-tengah itu 05 termasuk Sungai Pelek itu juga jadi apa yang dia sebut saya memang setuju.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker, tak payah saya jawab, dah dijawab lah. Kesihatan Rakyat ada Sungai Pelek dah jawab, nak saya jawab, dah jawab. Jadi tak payah saya jawab dia dah jawab.

Tuan Speaker, Kesihatan Rakyat memberi wanita bekerja 90 hari cuti bersalin, ada ketawalah sedikit pasal ada. Menyediakan perubatan percuma untuk warga 65 tahun ke atas ada tapi terhad. Memberi sebulan cuti kepada wanita yang kematian suami tak ada. Memberi 14 hari cuti kepada suami yang isterinya bersalin tak ada. Ekonomi Rakyat menyediakan premis perniagaan yang cukup gagal tak ada.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, minta

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Memberi bimbingan

**TUAN SPEAKER:** Ya, Teratai bangun.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Seolah-olah suara perempuan tak dengar.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Nak tanya sedikit sahaja mengenai Tata-tata Yang Berhormat terima manakah atau siapa yang bagi informasi seperti berikut memang hairan apa ucapan daripada Yang Berhormat sebab kebanyakan pun tak berasas. Kalau boleh Yang Berhormat depan ada satu komputer boleh terus masuk ke Selangor Website lagi pun boleh semak atau pun pergi search. Ah itu boleh jelaskan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Memang ada, memang ada dalam semua saya ambil pun dari *Website*, memang ada, memang ada, ketawa...riuh dan memang dalam Dewan bila itu ada dipersoalkan manifesto tapi jawapan daripada EXCO berkenaan manifesto itu gambarnya PAS dan PKR sahaja, jadi DAP tak terlibat kata itu, itulah jadi masalah. Ah ini yang saya bacakan manifesto ini. Saya kata tadi tengok betul-betul itu ada yang keluarga pertama, kedua, ketiga hayati ucapan saya itu.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Nak tanya sedikit Yang Berhormat rujuk ke *Website* UMNO kini atau Selangor kini?

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ah, nanti besok saya bawa, saya tunjuk jangan risau, jangan risau nak satu salinan saya pun boleh bagi ya okey. Menyediakan premis, Tuan Speaker boleh terus ya. Menyediakan premis perniagaan yang cukup gagal tak ada. Memberi bimbingan perniagaan kepada golongan belia dan wanita muda tidak mencukupi. Memberi sewa kepada belia dan wanita muda bermiaga dengan sewa minimum atau hanya perlu membayar air dan elektrik untuk dua tahun pertama bohong. Kompleks PKNS dinaikkan sewa sebanyak 10% hingga 120%. Mengurangkan cukai pintu rumah kediaman sebanyak 20% dan cukai premis komersial sebanyak 10% bohong tak ada sampai sekarang. Memberi bekalan air kegunaan domestik secara percuma bagi 20 meter padu pertama setiap bulan tidak semua dapat air percuma. 350,000 akaun meter pukal lebih kurang 1.4 juta rakyat Selangor belum dapat air percuma 1.4 juta. Menjalankan program bagi membolehkan rakyat miskin terutama petani dan nelayan mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi di atas garis kemiskinan belum nampak kenaikan pendapatan. Keselamatan rakyat menguatkan kuasa saraf-saraf perlindungan awam sekitar bagi mengelakkan bencana seperti tanah runtuh dan banjir bohong. Pengeluaran pasir secara besar-besaran mengancam alam sekitar. Menggantikan sistem Rukun Tetangga dengan sistem baru yang lebih berkesan tak ada. Mewujudkan Pusat Khidmat sehenti menangani kes-kes jenayah keganasan terhadap wanita ada terhad dan tidak cukup. Di luar manifesto pilihanraya Yang Ke 12 terdapat janji-janji Kerajaan terutama Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang belum dilaksanakan. Antaranya pertama apakah hasil siasatan rakaman video di Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar? Bukankah Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjanji untuk mengeluarkan laporan siasatan tetapi hingga sekarang tidak ada sebarang berita atau laporan dah siap. Tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar

hendak sorokkan siasatan daripada rakyat di mana ketelusannya. Kedua pengisytiharan umum aset-aset Ahli EXCO. Yang ketiga pengeluaran kertas putih kedudukan tanah Yayasan Membasmi Kemiskinan di Hulu Selangor. Yang keempat janji hasil pendapatan untuk pasir sebanyak RM150 juta tahun 2009 yang hingga sekarang tak dicapai. Yang kelima berhentikan projek penswastaan tetapi masih diteruskan terutamanya melalui PKNS. Yang keenam projek Rangsangan Ekonomi Selangor pada 23 Mac 2009 Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan pakej Rangsangan Ekonomi Selangor jangka panjang dan sederhana bagi menarik pelaburan RM50 bilion dan mencapai sekitar 150,000 peluang pekerjaan melalui enam projek besar termasuk pemulihan Sungai Klang. Peningkatan pengangkutan awam dan penstrukturkan khidmat industri air Selangor sehingga hari ini selepas tiga tahun dilancarkan tidak ada pelaksanaan secara menyeluruh apakah impak atau pun kepada pembangunan negeri Selangor. Berapakah peluang pekerjaan telah dicipta, sejauh manakah projek-projek tersebut telah membantu pertumbuhan Ekonomi Selangor bagi Tahun 2009, 2010 dan 2011. Berapakah jumlah yang telah dibayar kepada Syarikat-syarikat Perunding untuk projek-projek tersebut. Yang ketujuh Projek Pemulihan Sungai Klang apakah kemajuan projek yang telah diperuntukkan sebanyak RM2 bilion, RM1 bilion untuk pembersihan Sungai Klang dan RM1 bilion untuk Pembangunan. Bagaimana prestasi 4 buah Syarikat yang telah dipilih termasuk dua DR dua asu yang telah dipilih oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tanpa melalui tender terbuka. Daripada peruntukan RM2 bilion apakah kemajuan yang telah dicapai dari segi fizikal dan kewangan. Sudahkah kerajaan menandatangani integriti *pact* seperti yang dicadangkan oleh *President Transparency International* Malaysia yang jelas kerajaan tidak serius dalam projek ini kerana hanya memperuntukkan peruntukan nominal sebanyak RM10 dalam bajet 2012.

Tuan Speaker, semua bukti-bukti di atas bahkan isu sepokok iaitu isu kredibiliti Kerajaan ketelusan, bertanggungjawaban dan kecekapan selaras dengan prinsip-prinsip tadbir urus baik. Inilah asas-asas perincian kepada keyakinan dan kebolehkepercayaan rakyat kepada Kerajaan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, boleh dicelahkan. Apa pendapat Seri Serdang tentang kemajuan ekonomi yang dicapaikan oleh Negeri Selangor sehingga kita berjaya dari segi lebihan RM1.9 bilion yang tak pernah dicapai oleh Negeri Selangor sebelum daripada ini.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ialah, kalau kita tengok daripada ucapan-ucapan saya tadi boleh di analisa. Sebenarnya dalam pemerintahan empat tahun ini, apa sebenarnya *income* atau pelaburan yang benar-benar Kerajaan Negeri Selangor buat. Salah satu yang saya sebutkan memang ada penjualan tanah-tanah, Kompleks Sukan apa semua jadi di sini Nampak betullah peningkatan, tapi peningkatan itu bukan hasil daripada

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Mana ada jual Kompleks Sukan, kata jual Kompleks Sukan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Kompleks Sukan Kelana Jaya PKNS.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Jual.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Takkannya Yang Berhormat tak tahu.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Mana ada jual

**YB. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** ADUN Bangi tak tau. Wah... ketinggalan zaman, Yang Berhormat ADUN Bangi ni.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Mana jual.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ada kita bangkitkan dalam Mesyuarat yang dulu, ada kita bangkitkan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Sekarang masih digunakan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Akan dijual, sementara tu agaknya gunalah dulu. (Ketawa)

**TUAN SPEAKER:** Tapi PKNS tu lain, ya, kalau benar.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ya, dengan izin Tuan Speaker, yang saya sebutkan tadi '*the trust on the government*', dengan izin terutama yang melibatkan tubuh badan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari Ijok yang selalu di gembar gemburkan sebagai tokoh korporat yang berwibawa. Indah khabar dari rupa. Pada hemat saya, Yang Berhormat Tuan Speaker, mungkin lah Yang Amat Menteri Besar ni tak berminat jadi Menteri Besar lagi. Pasal saya sebut gitu. Di dalam portal *Free Malaysia Today*, dan saya cuba printkan lah. Sama ada betul tak betul ni. I/C, No. Kad pengenalannya, 461214-10-5273. Nama dia Abdul Khalid bin Ibrahim, tarikh lahir 14 Disember 1946. Jantina dia lelaki. Kena sebut satu-satu ni. Takut silap. Ni nak tanya sama ada betul tak betul. Daerah, lokaliti, rumah kakitangan universiti, daerah mengundi, kawasan universiti. Parlimen, Lembah Pantai. Negeri – Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jadi kalau itulah yang betul, ini daftar pemilih yang terbaru. Bermakna, kalau pada hemat saya ini, Yang Amat Berhormat ni, tak nak jadi Menteri Besar. Silapsilap dia nak jadi ahli Parlimen sana.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Pengurus, saya nak tanya, siapakah yang berkuasa memindahkan undi daripada satu tempat ke satu tempat. Ada ke Tan Sri Khalid sendiri pindah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tanyalah Suruhan raya Pilihan raya. Kenapa tanya saya. Kalau tak ada keizinan daripada tuan punya diri, mana boleh....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Mana boleh, banyak nama dia dicampak sana, dicampak sini, bukan dia izinkan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Buat bantahan. Tapi ternyata sekarang ini, inilah dia faktanya.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Seingat saya, ia memang diprotes dan mengapa dia dipindahkan daripada tempat asal ke situ.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tak apa, tak apa.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Itu adalah niat jahat daripada pihak, daripada, mungkin daripada BN yang untuk mengalihkan pengundi daripada tempat.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Kenapa ada buruk sangka, kenapa ada buruk sangka. Buat bantahan, buat bantahan.

**TUAN SPEAKER:** Tenang, tenang Yang Berhormat. Kita biar bahas tentang titah ucapan Tuanku berkenaan pentadbiran kerajaan. Sama ada Yang Amat Berhormat nak terus jadi MB ke tidak, saya rasa tak ada masalah. Kalau beliau tidak berminat, hilang berganti, itu saja. Jadi apa masalahnya. Teruskan dengan pentadbiran.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya kata begini mungkin tak berminat, jadi maksud bagi tuan peluang, tuan-tuan jadi Menteri Besar.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Saya fikir tidak logik, dikait antara nama dipindah daripada satu tempat mengundi ke satu tempat lain, pengundi yang lain tak berminat. Kalaulah nama saya dipindah daripada Bangi, bukan bererti saya tak berminat lagi duduk di Bangi. Mungkin itu dipindahkan... (GADUH)

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Oleh kerana Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat Bangi, silap-silap jadi Yang Amat Berhormat. Oleh sebab Yang Berhormat Bangi, ini taksiran saya, mungkin oleh kerana dia.... lalah kalau nak jadi Menteri Besar Selangor, ADUN Ijok, dia pun anak orang Ijok. Apa salahnya. Jadilah pengundi situ.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Yang Berhormat, 31(6), balik kepada tajuk.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ini contoh, fasal dah dibangkitkan tadi.

**TUAN SPEAKER:** Cukup, cukup, cukup. Baik.

**YB. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker, saya ikut arahan. Kedudukan Penasihat Ekonomi Selangor, ha... ini satu ni. Fasal Selangor ini tak ada

macam negeri lain. Negeri lain tak ada penasihat. Tapi Selangor ni ada penasihat ekonomi. Wah, hebat tu... Saya ingin membangkitkan kedudukan Ahli Parlimen Permatang Pauh merangkap Ketua Pembangkang Dewan Rakyat sebagai penasihat ekonomi negeri Selangor. Dalam tempoh empat tahun pelantikannya, apakah sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi Selangor. Apakah sebenarnya, terma rujukan, *term of reference* dengan izin, pelantikan beliau dan sejauh manakah dilaksanakan dan dipatuhi. Yang jelas, banyak terlibat dengan program-program politik kepartian saja. Mungkin itulah tujuan sebenarnya bagi menghalalkan penglibatan parti politik beliau di Selangor melalui pembiayaan kewangan kerajaan negeri Selangor. Walaupun hanya bergaji nominal sebanyak RM1.00, berapakah sebenarnya kos operasi setahun pejabat penasihat ekonomi, termasuk penggajian pegawai dan kakitangannya serta perbelanjaan aktivitinya dalam dan luar negara.

Kita difahamkan kerajaan negeri membayar gaji pengarah strategik PKR sebanyak RM30,000 sebulan . Sila Yang Amat Berhormat Menteri Besar beri komen. Sejauh manakah kesan pendirian penasihat ekonomi negeri Selangor yang mempertahankan keselamatan Israel kepada imej Selangor di dalam dan di luar negara. Adakah dapat menarik pelabur barat yang pro-Israel, apakah pendirian yang kerajaan negeri dengan pendirian Penasihat Ekonomi Selangor mengenai Israel. Apakah pula pendirian kerajaan negeri terhadap aliran *politeisme* agama, penasihat ekonomi Selangor. Bukankah ini bertentangan dengan pendirian Islam. Saya difahamkan tidak banyak berlaku interaksi dan dialog terbuka di antara penasihat ekonomi Selangor dengan lain-lain anggota EXCO kerajaan, apatah lagi dengan ketua-ketua jabatan serta agensi kerajaan negeri Selangor. Apa yang berlaku hanya berdua sahaja, antara beliau dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Di mana ketelusannya. Rakyat berhak mengetahui sumbangan sebenar Penasihat Ekonomi Selangor yang sentiasa berhadapan dengan berbagai-bagai isu peribadi yang memerlukan tumpuan dan masa bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Sudah barang tentu tidak ada banyak masa untuk memikirkan masalah ekonomi Selangor. Tengok kalau kita baca banyak *paper ini*, sahabat karib dia pun mengutarakan masalah moralnya hari ini. Semua orang baca. Jadi macam mana sebagai penasihat ekonomi yang berhadapan dengan masalah moral seperti ini boleh memikirkan untuk memajukan negeri Selangor.

Tuan Speaker, apatah lagi pula, satu lagi, saya difahamkan, ada pula penasihat penerangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sapa namanya. Saya pun dah lupa. Sampai dengar cerita ada kes tertangkap. Di mana. Di Pahang, di Kuantan. Ha, ni, yang saya kata,

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara di mahkamah, tidak boleh sentuh, ya.

**YB DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tak, saya nak sebut yang itu saja. Sehingga tertangkapnya. Ok, ya. Tuan Speaker, penutup, berdasarkan kepada bukti-bukti dan beberapa pendedahan tersebut, rakyat Selangor boleh menilai prestasi kerajaan Pakatan Pembangkang.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Boleh minta penjelasan. Boleh.

**TUAN SPEAKER:** Sila.

**YB DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ingin menjelaskan, ingin mendapatkan penjelasan berbangkit dengan pakar penasihat penerangan ini, sebab saya difahamkan dia diberikan peruntukan RM15 juta, untuk memberikan penerangan. Kita pun ingin tahu bagaimana kedudukan prestasi perbelanjaan ini. Adakah benar-benar memberikan manfaat kepada rakyat negeri Selangor.

**YB DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya harap, oleh kerana ini juga pandangan daripada sahabat saya daripada Sungai Burong, jadi saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi penjelasan. Kerana ini adalah masalah yang besar di negeri Selangor. Berdasarkan kepada bukti-bukti dan beberapa pendedahan tersebut, rakyat Selangor boleh menilai kerajaan prestasi Pakatan Pembangkang Selangor selama empat tahun tempoh pemerintahannya. Bukan apa, bukan saja gagal menuaikan semua janji-janji PRU yang ke 12, tapi tidak mampu menjamin keselamatan, kesejahteraan dan kestabilan politik Selangor yang sentiasa bergelora sepanjang pemerintahannya. Jika kerajaan ini terus diberi mandat baru, akan kucar kacirlah pentadbiran negeri. Rakyat berpuak-puak, kemungkaran berleluasa, maksiat di sana sini. Matlamat Selangor negeri maju tidak tercapai. Malahan Selangor akan menoleh ke belakang. Kali ini, rakyat jangan lagi tertipu kali ke dua dengan janji-janji palsu. Jangan lagi serahkan kuasa kepada yang bukan ahlinya. Tunggulah saat kehancurannya. Pada masa itu, penyesalan tidak berguna lagi. Dengan kata-kata ini saya akhiri pembentangan saya. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan saya juga ingin merakamkan penghormatan setinggi-tingginya kepada Tuanku Sultan Selangor kerana titah ucapan Tuanku semalam telah menyentuh berbagai bidang pentadbiran kerajaan negeri Selangor yang perlu diberi perhatian serius oleh eksekutif. Tuan Speaker, daripada dua puluh muka surat titah ucapan Tuanku semalam. Saya mendapat sekurang-kurangnya 20 peratus daripada isi kandungan Tuanku menyentuh tentang peranan Dewan Negeri Selangor sebagai medan terbaik untuk menyelesaikan berbagai-bagai perkara dan isu yang melibatkan rakyat Selangor. Malahan Tuanku juga mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agar membahaskan segala isu yang melibatkan rakyat Selangor dengan intelektual dan bukannya beremosi seperti apa yang berlaku pagi tadi apabila Yang Berhormat dari Batang Kali berucap dan bertanya dengan begitu beremosi.

Tuan Speaker, nasihat Tuanku ini adalah amat berasa dan tepat masanya. Dan ianya perlu disusuri dengan agenda pemerkasaan Dewan Negeri Selangor sebagai satu Institusi perundangan yang berwibawa.

Tuan Speaker, saya bersama-sama dengan Ahli Dewan Negeri Kajang telah dipilih untuk mewakili Dewan Negeri Selangor untuk menghadiri seminar *Westminster* ke 61, berkaitan dengan praktis dan prosedur parlimen pada 5 – 9 Mac 2012 yang lalu. Kami berdua telah didedahkan kepada berbagai-bagai agenda *reform* dan pembaharuan yang sedang rancak berlangsung di *Westminster, United Kingdom*. Antara isu-isu yang dibincangkan ialah cara dan bagaimana Parlimen UK berfungsi, proses perundangan yang sedia ada di UK serta agenda *reform* yang telah dilaksanakan. Peranan yang dimainkan oleh Ahli Parlimen di sana, rang undang-undang persendirian ahli Dewan, peranan ketua pembangkang, peranan *leader of the house* dengan izin, peranan *WHIP* parti masing-masing dan hubungan kerja sesama mereka. Kita juga membincangkan isu-isu seperti kebebasan Dewan daripada sebarang pengaruh eksekutif. Perjalanan Jawatankuasa Pilihan ataupun *select committee* dalam bahasa Inggeris. Pentadbiran dan pengurusan kewangan Dewan, malahan siaran langsung Dewan, juga kami bincangkan. Begitu banyak perkara yang telah belajar dan sehingga saya rasa terpanggil untuk berkongsi pengalaman ini dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di Dewan yang mulia ini .

Selain daripada itu, ada satu juga yang saya rasa boleh kongsi dengan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini iaitu Parlimen UK juga telah mengadakan satu ruangan e-petisyen di dalam laman web rasminya. Dan kegunaan ruangan e-petisyen ini adalah untuk mendekatkan Parlimen UK dengan orang ramai. Di mana rakyat jelata boleh membangkitkan isu-isu yang mereka ingin sampaikan kepada ahli-ahli Parlimen melalui petisyen ini. Dan daripada e-petisyen ini, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membahas isu-isu ini sama ada dalam Dewan *House of Commons* ataupun *House of Lords* dengan izin.

Tuan Speaker, perbincangan-perbincangan terhadap perkara-perkara ini telah membuka minda kami terhadap peranan penting yang perlu dimainkan oleh Dewan. Ia juga mengingatkan kami betapa pentingnya Dewan ini perlu di urus dengan moden, dengan profesional, dengan sistematik, cekap dan bebas. Kerana hanya dengan adanya kualiti-kualiti ini, barulah sebuah Dewan itu dapat memainkan peranannya sebagai medan terbaik bagi ahli-ahlinya menjalankan fungsi sebagai Wakil Rakyat.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, boleh sambung esok.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah 4.30 petang. Maka Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, 21 Mac 2012 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**